



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

MENGANGKAT SUMPAH	(Halaman	1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:		
Mengalu-alukan Pelantikan Semula Ahli dan Kedatangan Ahli Baru	(Halaman	1)
Mengangkat Sumpah di Luar Dewan	(Halaman	2)
Memperkenankan Akta-Akta	(Halaman	2)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman	3)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman	4)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	4)
RANG UNDANG-UNDANG:		
Rang undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012	(Halaman	22)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012	(Halaman	59)
USUL:		
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah Peraturan Mesyuarat 15(3)	(Halaman	67)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:		
▪ Kolej Matrikulasi - <i>YB Senator Dr. S. Ramakrishnan a/l Suppiah</i>	(Halaman	67)
▪ Penetapan Tarikh Pilihan Raya - <i>YB Senator Tuan Muhamad Yusof bin Husin</i>	(Halaman	70)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
7. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
8. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
9. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Kewangan I*
10. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
11. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
12. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
13. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
14. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
15. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
16. " Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
17. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
18. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Kewangan II*
19. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
20. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
21. " Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
22. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. " Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
25. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
26. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
27. " Puan Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
28. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
32. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
33. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Senator*
- *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*

34. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap (Sabah)
35. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
36. “ Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
37. ” Dato’ Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator*
- *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
38. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
39. “ Dato’ Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
40. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Dato’ Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
44. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
45. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
46. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
47. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
48. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
49. “ Dato’ Raja Nong Chik bin Dato’ Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
50. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
51. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
52. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
53. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
54. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
56. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
58. ” Dato’ Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
61. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
62. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Ngah Senik

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 9 Julai 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

**MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEMULA AHLI
DAN KEDATANGAN AHLI BARU**

Tuan Yang di-Pertua: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera.

Kita baru sahaja sama-sama melihat angkat sumpah lafaz ikrar taat setia kepada salah seorang lagi pelantikan Ahli Dewan Negara sebentar tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Ahli baru kepada Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Sebagai seorang keluarga baru dalam Dewan yang mulia ini, sangat-sangat saya mengalu-alukan. Seperti mana lafaz sumpah dan ikrar setia dilafazkan sebentar tadi, Yang Berhormat, ingin saya mengingatkan diri saya dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini, khususnya Ahli-ahli Dewan Negara agar kita semua hendaklah betul-betul berazam memahami, menghayati, mendukung dan semangat mempertahankan Perlembagaan Negara. Janganlah sekali-kali kita mengikut emosi, perasaan dan kadangkala lupakan bahawa kita adalah salah seorang Ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Perangai dan sikap, tindak tanduk Ahli Yang Berhormat, hendaklah menampakkan seseorang yang betul bersikap mulia dan sedia menghormati Dewan yang mulia ini sebagai satu Dewan yang sepatutnya kita sama-sama menghargai. Saya juga ingin menyatakannya dan mengingatkan, kita mestilah mempunyai satu semangat, dengan izin, *decorum*. Semangat menghormati Dewan dan menghormati Yang di-Pertua Dewan Negara. Bukanlah saya ingin hendak dihormati. Akan tetapi setidak-tidaknya menghormati kerusi Dewan Negara ini. Ini kerana saya melihat pada masa-masa kebelakangan ini, penyakit yang berada di dalam Dewan Rakyat diharap tidak berjangkit ke Dewan Negara pula. Saya berasa amat bersyukur kepada Allah SWT kerana semua Ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini saya menganggap sebagai satu keluarga. Kalau sekiranya Yang Berhormat terdiri mengikut perlembagaan kita, tidak semuanya ahli politik. Ada juga pelantik daripada kumpulan-kumpulan yang telah banyak berjasa kepada negara.

■1010

Tunjukkanlah perwatakan, kesopanan, kesantunan tuan-tuan dan puan-puan semua Yang Berhormat kepada Dewan ini sebagai contoh agar perkara ini dilihat oleh rakyat di luar sana.

Sebagai satu keluarga Ahli Dewan Negara, saya berharap semoga kita bersama-sama memartabatkan dan memperkasakan Dewan ini agar mendapat sanjungan dan penghormatan rakyat.

Se kian terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.*

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3) saya dengan ini memberitahu Majlis ini iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 8 Jun 2012:

1. Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin.
2. Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.
3. Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud.
4. Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.
5. Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman.

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012;
2. Akta Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012;
3. Akta Perbekalan Tambahan (2011) 2012;
4. Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012;
5. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012;
6. Akta Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012;
7. Akta Pengantaraan 2012;
8. Akta Laut Wilayah 2012;
9. Akta Rukun Tetangga 2012;
10. Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012;
11. Akta Laporan Kewangan (Pindaan) 2012;
12. Akta Syarikat Labuan (Pindaan)
13. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012;
14. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012;
15. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012;
16. Akta Keterangan (Pindaan) (No.2) 2012;

17. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012;
18. Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012;
19. Akta Institut-Institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012;
20. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“7 Julai 2012

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-Undang Profesion Undang-Undang (Pindaan) 2012;
2. Rang Undang-Undang Perubatan (Pindaan) 2012;
3. Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012;
4. Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2012;
5. Rang Undang-Undang Pelindung (Pindaan) 2012;
6. Rang Undang-Undang Umur Persaraan Minimum 2012;
7. Rang Undang-Undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2012; Dan
8. Rang Undang-Undang Francais (Pindaan) 2012.

Yang Ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, silakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah peranan kerajaan dalam mengawal kenaikan harga rumah yang semakin meningkat mendadak, dan adakah kementerian bercadang untuk mengadakan satu undang-undang bagi mengawal masalah ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan pada 12 Julai 2012 dan Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam yang juga bertarikh 12 Julai 2012, di mana ketiga-tiga soalan ini adalah mengenai kenaikan harga rumah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mungkin dapat mengadakan sebarang perundangan bagi mengawal harga rumah kerana harga rumah ditentukan sendiri oleh faktor pasaran ataupun *market force*, kerajaan hanya menetapkan harga siling bagi rumah kos rendah sahaja diparas RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan RM50,400 di Sabah dan Sarawak. Ini selaras dengan keadaan ekonomi Malaysia yang mengamalkan ekonomi bebas dan terbuka seperti hampir semua negara di dunia ini.

Walaupun tidak ada akta yang khusus bagi mengawal kenaikan harga rumah, kerajaan masih melaksanakan pelbagai mekanisme kawalan agar kenaikan harga rumah pada kadar munasabah dan tidak menjejaskan ekonomi rakyat secara keseluruhannya. Antara mekanisme-mekanisme yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengawal kenaikan harga rumah adalah seperti berikut, yang pertama cukai keuntungan harta tanah (CKHT) mulai tahun 2012, kerajaan telah pun menaikkan kadar CKHT daripada 5 peratus kepada 10 peratus bagi harta tanah yang dilupuskan dalam tempoh kurang daripada dua tahun. Bagi harta tanah yang dilupuskan antara tiga hingga lima tahun kadar CKHT kekal sebanyak 5 peratus dan tiada CKHT dikenakan bagi harta tanah yang dilupuskan melebihi lima tahun. Kenaikan CKHT ini adalah merupakan langkah kerajaan mengawal kenaikan harga rumah melalui tekanan kepada aktiviti spekulator.

Kedua, nisbah pembiayaan rumah ataupun *margin of finance* di bawah syarat-syarat baru yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia kepada semua institusi kewangan, melalui mekanisme ini, nisbah pembiayaan bagi pembelian rumah ketiga adalah ditetapkan pada kadar 70 sahaja. Tindakan ini akan mengurangkan keupayaan kewangan individu yang terlibat dalam aktiviti spekulator kerana mereka perlu mendahulukan 30 peratus daripada kos harga rumah dengan wang sendiri.

Kerajaan tidak melihat isu kenaikan harga rumah yang mendadak terutamanya di kawasan perindustrian dan komersial serta bandar-bandar besar sebagai penghalang dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pelbagai langkah awal telah pun diambil bagi membantu rakyat. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan bagi membantu golongan rakyat khususnya di kawasan bandar untuk memiliki rumah adalah seperti berikut.

Pertama, pelaksanaan program perumahan rakyat di seluruh negara. Sehingga 31 Ogos 2011, kerajaan telah pun menyiapkan 85 projek di bawah Program Perumahan Rakyat yang mengandungi 54,215 unit untuk disewa atau dimiliki khususnya di kawasan bandar.

Selain itu, kerajaan juga akan membina sebanyak 38,950 unit PPR di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Rumah-rumah di bawah program PPR ini adalah untuk rakyat yang merupakan setinggan dan golongan rakyat yang mempunyai pendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,500 sebulan.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah juga melancarkan program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang berkonsepkan *public partnership* dengan objektif untuk memastikan golongan yang berpendapatan sederhana, berpendapatan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM7,500 sebulan mampu memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan iaitu di antara RM100,000 sehingga RM300,000 terutama di kawasan-kawasan bandar.

Kita dapat melihat sejak tahun lepas Kerajaan Persekutuan telah pun mula dengan pembinaan di Presint 11, Putrajaya iaitu Projek Perumahan 1Malaysia (PR1MA) dan saya percaya Kerajaan Persekutuan akan meneruskan program-program ini supaya rakyat di kawasan bandar yang berhijrah untuk bekerja di bandar-bandar besar akan mempunyai peluang untuk memiliki rumah sendiri. Pada masa yang sama juga bagi program pembinaan rumah di bawah program PPR kementerian saya akan meneruskan program itu supaya rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah dapat juga diberikan peluang untuk memiliki ataupun mendiami rumah yang munasabah dan sempurna diduduki.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, salah satu pendekatan baru yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia kepada semua institusi kewangan supaya tidak menggalak *speculators*, aktiviti *speculator* dalam pembelian rumah ialah *prudent lending guidelines* yang telah diikuti oleh semua institusi kewangan di negara ini dengan begitu tegas sekali sehingga ramai masyarakat kita telah pun mula bertanya sebab apa begitu susah hendak mendapat pinjaman. Ini adalah salah satu pendekatan ataupun langkah yang diambil supaya kita tidak dengan secara *artificial*, dengan izinnya, menaikkan harga-harga rumah di bandar-bandar besar. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bagi mengurangkan kos rumah supaya rakyat mampu memiliki rumah, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan masuk utama, bekalan elektrik, bekalan air dan telefon. Projek perumahan iaitu seperti yang sedang dilaksanakan di negara-negara Asia dan juga negara Barat. Bagaimanakah kementerian melihat Skim Rumah Pertamaku yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berperanan dan memberi impak kepada harga rumah yang semakin meningkat pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Mohd Khalid Ahmad. Untuk menjawab soalan yang pertama, memang apa yang dikatakan cukup benar sekali. Kementerian saya mempunyai rancangan untuk membina rumah-rumah di bawah program PPR kita harus menepati, harus memastikan bahawa sebelum rakyat kita dapat masuk secara rasmi untuk menduduki rumah memang terdapatlah semua kemudahan-kemudahan yang patut diadakan di skim-skim perumahan di program PPR.

Mengenai Skim Rumah Pertamaku ini adalah satu mekanisme pinjaman sahaja. Ini bukan skim perumahan. Skim perumahan adalah di bawah PR1MA dan lain-lain inisiatif Kerajaan Persekutuan. Cuma Skim Rumah Pertamaku ini adalah mekanisme pinjaman, maksudnya rakyat yang layak untuk membeli rumah-rumah PR1MA mereka ini layak juga mendapat pinjaman di bawah Skim Rumah Pertamaku di mana 10 peratus dari cengkeram, deposit itu tidak payah di bayar dan ianya akan diberikan jaminan oleh Cagamas dan ini adalah satu langkah yang cukup berkesan.

Walau bagaimanapun, setakat ini kita tidak berapa rasa impak yang besar sebab ini adalah baru mula sahaja dan hanya pembeli-pembeli yang layak membeli rumah di bawah skim PR1MA sahaja akan mendapat skim Rumah Pertamaku. Kita akan memperluaskan lagi Skim Rumah Pertamaku mekanisme pinjaman supaya lebih banyak lagi, ramai rakyat dapat menerima dan manfaat dari skim pinjaman ini. Sekian.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah kerajaan pernah mengkaji semula jumlah sumbangan-sumbangan yang kita kenakan kepada agensi-agensi seperti PTG, TNB, Telekom dan lain-lain, sama ada perlukah kita berikan sedikit insentif supaya kos kepada pemaju dapat dikurangkan secara tidak langsung kos rumah dapat diturunkan. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya harus mengaku bahawa setakat ini kementerian saya tidak mempunyai rancangan untuk berbincang dengan TNB. Walau bagaimanapun, ini ada satu cadangan yang bernas di mana pemaju-pemaju dari segi penjimatan jika ada selepas perbincangan-perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Tenaga dan lain-lain lagi, mungkin harga-harga rumah akan tidak terus melambung. Ini adalah salah satu cadangan yang baik Tuan Yang di-Pertua dan saya akan mengkaji tengok macam mana kita dapat melakukan kalau ianya dapat dilakukan. Sekian, terima kasih.

2. Puan Chew Lee Giok minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan negeri mempunyai hak untuk menentukan tarikh pilihan raya umum sendiri tanpa mengikut tarikh pilihan raya umum yang ditetapkan oleh Kerajaan Pusat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang membenarkan pilihan raya umum, PRU Parlimen dan Dewan Undangan Negeri diadakan secara berasingan. Bagaimanapun adalah wajar bagi semua parti politik termasuk pembangkang mengambil kira kepentingan bersama yang mana dengan mengadakan pilihan raya serentak ia dapat mengelakkan pembaziran dari segi kos, tenaga kerja, logistik dan juga masa. Di samping itu ia jua dapat memberi fokus untuk membangunkan negara demi kepentingan rakyat dan bukannya memperjuangkan dasar-dasar politik semata-mata. Justeru adalah lebih baik sekiranya semua parti politik dapat mencapai persetujuan bersama untuk mengadakan PRU Dewan Undangan Negeri serentak dengan PRU Parlimen dalam PRU Ke-13 nanti. Sekian, terima kasih.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kemukakan soalan yang kedua ialah adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai rancangan untuk menetapkan tarikh pilihan rayanya hanya selepas genapnya tempohnya selama lima tahun dan bagaimana melaksanakannya. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Chew atas soalan yang begitu relevan yang selalu ditanya oleh rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila sesebuah parti politik dipilih dalam masa pilihan raya untuk membentuk kerajaan biasanya parti yang menang dalam pilihan raya itu diberi mandat selama lima tahun. Akan tetapi mengikut peruntukan yang diadakan di bawah perlembagaan kita telah pun memberi kuasa kepada parti pemerintah untuk membubarkan Parlimen sebelum genapnya lima tahun. Ini diperuntukkan di bawah Artikel 55(3). Jadi ini memberikan kuasa kepada parti yang menjadi kerajaan masa itu untuk menentukan bilakah tarikh untuk pilihan raya.

Jadi bagi saya ada yang mengatakan lima tahun adalah lima tahun. *Five years means five years*. Ini telah pun diuar-uarkan dan juga daripada Ahli-ahli Parlimen di *Westminster* di *England*. Akan tetapi bagi pandangan saya kita tidak bolehlah terikat dengan lima tahun ini kerana kadang-kadang berlaku krisis politik dalam sesebuah kerajaan ataupun negara seperti apabila berlakunya *votes of no confidence* terhadap kerajaan, di mana kerajaan tidak dapat keyakinan daripada Ahli-ahli Parlimennya ataupun tidak mendapatkan *confident*. Jadi pada masa itu terpaksa kerajaan membubarkan Parlimen.

Juga kadangkala terdapat juga Ahli-ahli kerajaan yang memerintah itu keluar daripada parti dan ini akan menyebabkan kerajaan tidak dapat berfungsi.

■1030

Jadi daripada krisis yang sedemikian, saya rasa kerajaan berhak untuk membubarkan kerajaan, tidak payah menunggu tempoh genap lima tahun yang telah dimandatkan oleh rakyat pada masa pilihan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi bahawa pilihan raya patut perlu diadakan bersekali dengan negeri-negeri supaya menjimatkan kos dan tidak menyusahkan semua pihak. Sebagaimana yang kita maklum, sepanjang 12 kali pilihan raya, hanya sekali yang genap lima tahun dan pada pilihan raya 1978, kerajaan hanya berusia 3 tahun 11 bulan.

Jadi pertanyaan pertambahan saya, apabila perlembagaan negara kita memberi hak kepada Perdana Menteri dan Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong dan juga Sultan ataupun Yang di-Pertua Negeri untuk membubarkan Parlimen dan Dewan, jadi pertanyaan-pertanyaan saya, adakah kerajaan bersedia untuk berunding dengan negeri-negeri yang dikuasai oleh Pakatan Rakyat iaitu Kedah, Kelantan, Pulau Pinang dan juga Selangor untuk berkongsi, bermuafakat untuk menetapkan tarikh pilihan raya yang akan datang? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof atas soalan yang relevan juga pada setakat ini. Bagi saya, demi bangsa, demi negara, saya rasa Kerajaan Persekutuan sememangnya akan bersedia untuk mengadakan pilihan raya sekiranya pihak negeri-negeri terutamanya yang diperintahkan oleh pihak pembangkang bersetuju untuk mengadakan pilihan raya bersama-sama. Saya rasa ini adalah baik untuk rakyat jelata. Terima kasih.

3. Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, bilakah lesen-lesen akan mula dikeluarkan bagi spektrum 2600Mhz yang akan menambah baik perkhidmatan jalur lebar mudah alih di negara ini.

Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan [Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng bertarikh 10 Julai 2012 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu peruntukan lesen bagi jalur spektrum 2.6Ghz kepada syarikat telekomunikasi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Setakat ini, penentuan peruntukan jalur spektrum 2.6Ghz masih dalam peringkat penilaian dan belum dimuktamadkan. Syarat-syarat yang harus dipatuhi oleh syarikat-syarikat telekomunikasi dipertimbangkan bagi penentuan mencapai matlamat dan kepentingan kepada negara. Dalam pada itu, kerana pelesen-pelesen yang dibabitkan dengan 4G LTE di jalur 2.6Ghz adalah terdiri daripada pengusaha-pengusaha rangkaian sedia ada dan juga pengusaha baru, maka pelaksanaan jalur lebar berteraskan 4G LTE ini akan disempurnakan setelah syarat-syarat peruntukan spektrum dimuktamadkan dan selesainya pengosongan jalur tersebut pada akhir tahun ini.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang sendiri untuk menjawab soalan ini. Jadi ketibaan 4G LTE ini memang dinanti ramai oleh rakyat Malaysia kerana setakat hari ini, setakat Januari 2012, sebanyak 32 buah negara telah memulakan perkhidmatan 4G LTE. Sudah tentu peralatan baru yang ada di pasaran sekarang ini memang telah dibina sesuai untuk 4G.

Soalan saya, adakah alat-alat peralatan baru ini nanti mampu diguna pakai untuk menyesuaikan keperluan 4G? Ini kerana tidak munasabah kalau kita beli peralatan baru sekarang di pasaran yang mengatakan disediakan dengan 4G sedangkan esok kita hanya 3.9G sahaja, tidak memenuhi kehendak 4G.

Kedua, saya juga hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, tentang *fund* ataupun sumber kewangan bagi membantu membina kemudahan 2.6Ghz ini. Adakah pihak MCMC atau kementerian bercadang untuk menggunakan *fund* yang sedia ada daripada *Universal Service Provision* (USP) yang mana *fund* itu saya rasa agak besar yang mampu membantu bagi mengurangkan kos mentadbir ataupun setaraf kos untuk projek ini. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan atas soalan tersebut dan bagi menjawabnya, tentu sekali hal-hal yang berhubung dengan peralatan menjadi relevan dalam usaha kita untuk mewujudkan satu industri komunikasi yang sesuai dengan tuntutan masa kini apatah lagi dengan kecanggihan mandatori yang diselesaikan oleh banyak negara. Dalam pada itu, harus saya bawa pandangan Yang Berhormat kepada seksyen 104 di mana di sana dinyatakan penentuan standard mandatori harus diberi tumpuan dengan lain perkataan di bawah seksyen Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini, ia memerlukan pihak berkuasa menentukan standard terlebih dahulu, dan dalam kajian standard itulah nanti sama ada spesifikasi yang ditentukan sesuai dengan sesuatu lokasi.

Bagi menjawab secara tidak langsung soalan kedua tadi, harus dinyatakan iaitu peruntukan kewangan bagi menjalankan sesuatu penyelidikan dibenarkan di bawah akta, begitu juga perbelanjaan sekiranya perlu bagi kawasan-kawasan yang terlindung dalam tanah air kita. Ini telah dilaksanakan. Apabila LTE atau 4G LTE ini beroperasi nanti, tentu sekali kerajaan akan memberi pertimbangan terhadap masalah ataupun unsur yang disebutkan itu.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan hari ini ada Menteri Penerangan, nampaknya saya pun ada beberapa soalan yang mungkin bukan melibatkan spektrum. Ya lah, kadang-kadang kita bercakap pasal cuma industri IT tetapi kita lupa dari segi industri perfileman, drama dan juga pengiklanan yang mana kalau kita tengok sekarang. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kita lihat terutamanya berkenaan dengan kemasukan artis-artis luar yang membintangi baik drama ataupun filem yang mana kita ketahui, kita dapati ada beberapa daripada mereka yang masuk ke negara ini berlakon ataupun menjalankan pengiklanan tanpa mengikut prosedur-prosedur yang ditetapkan dan mereka ini juga, drama-drama ataupun filem-filem tersebut disiarkan di televisyen ataupun di layar perak.

■1040

Jadi, saya tidak tahu kenapa perkara ini boleh berlaku dan di mana *enforcement* itu sepatutnya dijalankan, sama ada di pihak kementerian ataupun dipihak imigresen sendiri. Kedua, saya hendak tahu juga berkenaan dengan iklan-iklan di televisyen sebab kalau kita lihat dari segi kementerian, kita tahu kementerian menjalankan kempen penggunaan bahasa Malaysia tetapi kalau kita lihat ada beberapa iklan kadang-kadang mencampuradukkan dari segi penggunaan bahasa dan juga ada beberapa perkara iklan yang dibawa terus daripada luar, disiarkan di televisyen kemudian *miming* menggunakan bahasa kita. Jadi, nampaknya ini juga boleh melemahkan industri pengiklanan di dalam negara kita sedangkan produk itu hendak dijual di dalam negara kita. Akan tetapi perkara ini berleluasa nampaknya. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali soalan ini bukan sahaja tidak berkait dengan soalan pertama tetapi ia memerlukan penjelasan yang lain sama sekali. Walau bagaimanapun, 'walaupun itik yang ditembak tetapi ayam yang kena,' saya akan cuba jawab juga.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tetap memburu itu, tidak apa.

Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soal bagaimana artis luar boleh memasuki bandar kita dan langsung menjalankan perkhidmatan menghibur ataupun secara langsung melibatkan diri dengan perfileman adalah dikawal di bawah pelbagai jabatan termasuk imigresen, PDRM, jabatan-jabatan di bawah kementerian saya, juga jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebuah jawatankuasa bernama PUSPAL telah pun diwujudkan dan setakat ini tidak ada masalah bagi jawatankuasa ini untuk menapis pihak-pihak yang hendak masuk ke dalam negara kita mengoperasi pekerjaan dan profesion masing-masing. Malah, tiga minggu yang lalu telah diluluskan oleh kerajaan satu rangka kerja di mana mereka yang membuat urusan perfileman di Malaysia boleh menuntut beberapa rebat berhubung dengan perfileman untuk menggalakkan mereka melabur di Malaysia.

Tinggal lagi sekiranya didapati beberapa pihak dari golongan yang masuk ke dalam negara kita yang ditentukan sebagai tidak diingini ataupun izinkan saya menggunakan istilahnya, *prejudicial to the security and public order of Malaysia*, maka tindakan bolehlah diambil. Namun, osmosis atau gabungan tenaga luaran dan dalaman Malaysia dalam dunia hiburan perlu digalakkan supaya percambahan bakat dan juga teknologi dapat kita realisasikan.

Bagi soalan yang kedua itu, harus dikaitkan juga dengan peristiwa baru-baru ini di mana seorang penghibur yang namanya ialah Badu telah dikenakan syarat oleh PUSPAL. Syarat itu ialah supaya tidak menghina mana-mana budaya, agama dan amalan sosial yang tertera diamalkan oleh masyarakat kita. Berhubung dengan apa yang disebut sebagai perkara penting tentang bahasa dan iklan TV, perlu saya jelaskan iaitu semua stesen televisyen diberi kuasa untuk menapis perkara-perkara yang negatif. Tinggal lagi memang tidak boleh bagi mana-mana jabatan untuk menentukan bahawa setiap istilah itu digunakan secara yang diiktiraf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka misalnya.

Namun demikian, penegasan kita terhadap bahasa kebangsaan dan penggunaannya yang benar dan betul perlu diutarakan dan dikekalkan. Memang telah diketahui juga sebahagian daripada penggunaan bahasa Melayu sendiri telah diubah oleh beberapa pihak tetapi kuasa perundangan untuk membetulkan penggunaan itu tidak ada pada masa ini pada mana-mana pihak. Sebahagian daripada pihak-pihak yang menegur menyatakan tidak wajar diadakan undang-undang berhubung dengan penguatkuasaan *syllabus* atau sukatan bahasa bagi sesuatu kegunaan sebab itu mengongkongnya. Pendapat yang lain adalah berbeza iaitu meminta kerajaan supaya tegas. Akan tetapi dalam keadaan yang kedua-dua inilah, kita perlu melihat bagaimana dukungan kepada bahasa dan budaya itu diamalkan oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman yang soalan keempat.

4. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan premis-premis perniagaan menyediakan sistem pengawasan keselamatan yang lebih komprehensif untuk mengurangkan terjadinya jenayah culik, ragut dan rogol.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh bertarikh 9 Julai 2012 mengenai isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat memandangkan setiap premis perniagaan mempunyai tahap keperluan keselamatan yang berbeza, maka kerajaan tidak menetapkan kriteria khusus sebagai aspek sistem kawalan keselamatan premis. Sistem kawalan keselamatan premis-premis perniagaan adalah ditetapkan oleh pengurus bangunan masing-masing mengikut kehendak dan keperluan penghuni premis dengan kos ditanggung melalui bayaran wang penyelenggaraan yang diperoleh seperti yang ditetapkan di bawah Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

Secara amnya, pasukan Polis Diraja Malaysia adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan awam namun bagi memastikan bahawa aspek pencegahan jenayah turut diambil kira semasa peringkat reka bentuk awal perancangan dan susun atur pemajuan serta rekaan pelan bangunan.

Maka garis panduan pencegahan jenayah melalui reka bentuk persekitaran ataupun *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED), implementasi *guide* telah pun dirangka kementerian saya sebagai panduan PBT semasa meluluskan sebarang cadangan pemajuan dan susun atur.

Garis panduan ini antara lainnya menekankan aspek mengurangkan reka bentuk persekitaran yang selamat serta yang berupaya mengelakkan berlakunya insiden-insiden jenayah. Langkah-langkah pencegahan ini merupakan serampang dua mata yang bukan sahaja dapat mengurangkan bebanan kerja pihak PDRM dalam pengawasan keselamatan awam, malahan ianya berupaya meningkatkan lagi tahap keselamatan bangunan serta mengurangkan kebarangkalian berlaku insiden jenayah melalui kawalan semula jadi atau *national surveillance*. Sebagai makluman juga, panduan pelaksanaan CPTED ini telah pun diterima pakai oleh semua pihak berkuasa tempatan dalam memproses cadangan pemajuan dan pihak PBT boleh untuk meluluskan mana-mana cadangan permohonan, pemajuan dan juga pelan bangunan oleh pemaju ataupun perunding sekiranya pihak berkenaan tidak memenuhi atau mematuhi garis panduan pelaksanaan CPTED termasuk aspek keselamatan berkaitan pencegahan jenayah.

Selain daripada Tuan Yang di-Pertua, dengan mengambil iktibar daripada laporan insiden-insiden jenayah yang kian berlaku di kawasan tempat letak kereta di premis-premis perniagaan seperti *hypermarket* dan *supermarket*, maka kementerian kini sedang dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan penyediaan garis panduan perancangan tempat letak kereta dan juga dalam proses untuk menambah baik Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta. Garis panduan dan juga UUK ini perlu diterapkan dan dilaksanakan PBT dalam proses kelulusan agar aspek-aspek pencegahan jenayah yang digariskan dilaksanakan oleh premis perniagaan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, UUK ataupun Undang-undang Kecil sedang ditambah baik ini akan mengambil kira peri pentingnya meningkatkan piawaian pengurusan tempat letak kenderaan di negara ini termasuklah di premis-premis perniagaan. UUK ini akan mencirikan ciri-ciri keselamatan yang perlu disediakan pengurus-pengurus bangunan yang di antaranya termasuk aspek penyediaan pencahayaan yang mencukupi, televisyen litar tertutup (CCTV), pengawal keselamatan berlesen, kemudahan untuk orang kelainan upaya, penyelenggaraan berterusan dan pencegahan kebakaran. UUK ini telah diterima dan diluluskan, akan dikuatkuasakan oleh PBT. Sebarang ketidakpatuhan akan dikenakan hukuman dan penalti seperti termaktub dalam UUK tersebut.

■1050

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan premis-premis perniagaan melengkapkan bangunan masing-masing dengan sistem dan peralatan keselamatan. Kerajaan pernah buat sekali iaitu dalam pengumuman Bajet 2009 juga telah memberikan elaun modal dipercepatkan ataupun *accelerated capital allowance* kepada premis-premis yang memasang peralatan kawalan keselamatan seperti berikut, CCTV, sistem pengesan anti kecurian, siren, sistem kawalan laluan masuk, sistem pengawasan video dan lain-lain lagi.

Saya percaya banyak tempat, pusat-pusat membeli belah, di tempat meletak kereta khususnya di kawasan-kawasan *basement* telah pun mempunyai ciri-ciri seumpama ini. Akan tetapi bukan banyak, bukan semua. Ini sekali gus tahun 2009 dapat diberikan kemudahan dari pemotongan *tax*. Saya tidak tahu sama ada ini berkesan atau tidak tetapi saya percaya melalui usaha kementerian iaitu melalui UUK adalah lebih berkesan untuk mengawal keselamatan di tempat-tempat meletak kereta khususnya di pusat-pusat membeli belah. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan soalan tambahan Dato' Haji Abdul Rahim.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan itu. Soalan tambahan saya, sementara kita mengucapkan tahniah kepada kerajaan untuk mengenakan ataupun menggubal syarat-syarat keselamatan apabila sesuatu projek baru dibuat, *instead of*, dengan izin, selalunya ciri-ciri keselamatan ini dibuat *as an afterthought*. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan.

Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan yang diambil untuk bangunan-bangunan dan kompleks-kompleks yang sudah ada atau usang tetapi tidak mempunyai ciri-ciri keselamatan yang boleh memberi keselamatan kepada penghuni-penghuni atau pelawat-pelawat kompleks ini? Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim. Saya setuju iaitu bagi bangunan-bangunan ataupun pusat-pusat membeli-belah ataupun tempat-tempat meletak kereta yang di mana jenayah-jenayah sering berlaku iaitu di *basement*, bangunan lama seperti yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat, mungkin undang-undang kecil ini tidak akan diterima pakai ataupun tidak dapat dikuatkuasakan.

Walau bagaimanapun, dalam aspek ini kementerian akan bincang dengan Polis Diraja Malaysia tengok macam mana kita dapat meningkatkan lagi ciri-ciri keselamatan di bangunan-bangunan yang lama, yang usang, yang tidak mempunyai kemudahan CCTV dan yang lain-lain kemudahan keselamatan. Bagi bangunan yang baru, memanglah dia ini akan ditangkap di bawah UUK yang baru. Bagi yang lama kita harus mencari jalan.

Akan tetapi dengan adanya insiden-insiden yang telah pun berlaku dalam tiga bulan kebelakangan ini, saya difahamkan memang pihak pengurusan pusat-pusat dan bangunan-bangunan membeli-belah ini telah pun cukup bimbang jika tempat-tempat letak kereta mereka ini tidak cukup cahaya. Tidak mempunyai anggota-anggota keselamatan yang lebih ramai untuk mencegah berlakunya jenayah-jenayah, maka ramai *customer* mereka ataupun pelanggan-pelanggan mereka tidak akan pergi untuk berurusan dengan mereka ini di pusat-pusat membeli-belah berkenaan.

Oleh yang demikian, ini adalah satu faktor yang cukup penting bagi mereka. Jika mereka ingin melihat perniagaan mereka ingin merosot, maka mereka akan bertindak dengan secepat mungkin juga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Syed.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat kesan bahawa keadaan jenayah seperti yang disebut di sini bertambah buruk akhir-akhir ini, adakah kesan ini betul? Saya bertanya ini sebab memikirkan *prevention is better than cure*. Terima kasih.

Datuk Seri Chor Chee Heung: Memang benar. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Memang benar *prevention is better than cure. Anytime*. Walaupun sudah berlaku insiden-insiden yang tidak diingini, tidak bermaksud bahawa kita duduk sahaja tidak mahu buat apa-apa. Kita harus proaktif juga. Ini adalah satu pendekatan dan semangat yang patut diambil oleh semua.

Kementerian saya pun dalam kemampuan kita ini, kita akan cuba untuk melihat macam mana kita dapat bantu. Walaupun setakat ini tidak ada penguatkuasaan undang-undang kecil lagi tetapi kita harus sentiasa berbincang dengan pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengadakan lebih banyak lagi sistem-sistem dan langkah-langkah pencegahan jenayah. Jika tidak ianya akan berikan satu gambaran kepada pelancong luar ataupun orang-orang luar bahawa Malaysia ini bukan satu negara yang selamat. Ini adalah satu kebimbangan semua pihak. Sekian, terima kasih.

5. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Menteri Kewangan menyatakan, kerajaan dalam Bajet 2012 telah meluluskan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebanyak RM500 kepada isi rumah berpendapatan RM3000 ke bawah. Kerajaan juga ada memberi imbuhan kewangan sebanyak RM100 kepada pelajar sekolah dan baucar buku untuk pelajar IPTA dan IPTS. Mohon Menteri Kewangan menjelaskan sejauh mana pemberian insentif ini membantu rakyat berbilang kaum di negara kita.

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, nombor 49 pada hari ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman pada 10 Julai. Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin pada 11 Julai dan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah pada 16 Julai kerana ia membawakan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Silakan.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua dalam kajian, kerajaan mendapati bahawa harga barang makanan telah meningkat dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini. Dalam erti kata lain, wang sebanyak RM200 tidak mampu lagi membeli kuantiti makanan seperti mana dahulu.

Justeru kerajaan membenarkan BR1M untuk membantu rakyat berhadapan dengan beban kos yang tinggi dalam konteks terutama dari segi barang makanan. Seramai 4.33 juta isi rumah telah mendapat manfaat daripada BR1M melibatkan peruntukan hampir RM2.16 bilion. Mereka bukan sahaja terdiri daripada isi keluarga berpendapatan RM3000 ke bawah, ia juga termasuk kategori khas yang menerima bantuan e-Kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Dalam konteks bantuan *voucher* 1Malaysia, seramai 1.25 juta pelajar di semua institusi pendidikan tinggi mendapat bantuan tersebut melibatkan peruntukan RM250 juta. Dari segi bantuan persekolahan pula seramai 5.45 juta pelajar sekolah rendah dan menengah mendapat manfaat berjumlah RM545 juta. Selain daripada ia dapat membantu meringankan beban keluarga, pemberian ini juga dapat meningkatkan ekonomi domestik negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan kepada Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya beri ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas jawapan tadi. Kami masih menerima beberapa aduan daripada rakyat katakan mereka belum menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Ada juga segelintir rakyat belum memohon Bantuan Rakyat 1Malaysia.

Soalan tambahan saya yang pertama, bagi pemohon-pemohon masih belum menerima BR1M, apakah tindakan harus dibuat oleh pemohon? Kedua, adakah permohonan untuk Bantuan Rakyat 1Malaysia masih dibuka? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, dari segi BR1M tarikh tutupnya telah pun selesai. Kita dapati lebih hampir 200,000 orang yang telah menerima *voucher* tetapi belum lagi ditunaikan *voucher* tersebut. Untuk tujuan membantu mereka kita telah pun memanjangkan tarikh sah laku *voucher* tersebut pada 31 Julai. Saya berharap bahawa tempoh waktu yang diberikan ini mencukupi untuk mereka menunaikan baucar tersebut. Selain daripada itu, jika ada sebarang laporan, sila kemukakan kepada Kementerian Kewangan.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin, soalan tambahan saya ialah kalau kita tengok pembahagian ada cadangan-cadangan supaya diberi kali kedua untuk program RM500 kepada isi rumah yang kurang pendapatan daripada RM3000. Saya ingin tahu sejauh mana kerajaan telah memberi satu perhatian kepada cadangan tersebut? Kedua ialah peratus yang tidak dapat, tadi telah disebut dan dijangka bila akan dilaksanakan?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, dari segi peratus yang tidak dapat. Maksud saya tadi baucar telah diberi kepada mereka, maka mereka perlu menunaikan di tiga bank yang telah kita lantik untuk menunaikan baucar tersebut dan diberi tempoh sehingga 31 Julai.

Berkenaan dengan BR1M baru, ini dalam pertimbangan kerajaan. Kita fahami bahawa BR1M ini memberi manfaat kepada rakyat, malah kita sedang mendapatkan maklum balas lagi bagaimana untuk memperkukuhkan pelaksanaan BR1M.

Di samping itu, pelaksanaan BR1M dan juga bantuan yang diberi oleh kerajaan ia adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan. Dalam konteks mengurus kewangan kerajaan, kita memegang kepada tiga falsafah kewangan. Pertama untuk memastikan dengan izin, *operating surplus* dalam erti kata lain, tahap hasil negara itu adalah melebihi daripada belanja mengurus. Kedua, kita mahu mengurangkan defisit negara kepada tahap yang rendah pada tahun 2015, kita sasarkan kepada 3 peratus. Ketiga hutang, nisbah hutang dan GDP mestilah bawah daripada 55 peratus. Ini antara perkara yang tertakluk dalam 11 pindaan perbelanjaan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah jawapan yang begitu bernas dan soalan yang baik. Sekarang saya silakan pertanyaan yang keenam, Yang Berhormat Tuan Saiful Izham.

6. Tuan Saiful Izham bin Ramli minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah Dasar Gaji Minimum kepada majikan di negara ini turut meliputi pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk ke negara ini khususnya di sektor perladangan, pembinaan dan perindustrian serta apakah langkah-langkah kerajaan untuk menguatkuasakan Dasar Gaji Minimum tersebut.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: *Assalamualaikum*, salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Senator Tuan Saiful Izham di atas soalan tersebut. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, gaji minimum ini adalah terpakai kepada semua pekerja sebagaimana yang ditakrifkan di bawah seksyen 2, Akta Kerja 1955, seksyen 2 Ordinan Buruh Sabah, Bab 67 dan seksyen 2, Ordinan Buruh Sarawak Bab 76. Pekerja termasuklah pekerja asing yang bekerja di dalam semua sektor ekonomi.

Walau bagaimanapun, gaji minimum tidak meliputi pembantu rumah sama ada mereka pekerja tempatan mahupun pekerja asing. Perintah Gaji Minimum 2012 akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2013 bagi perusahaan yang menggaji lebih dari lima orang pekerja dan mulai 1 Julai 2013 bagi perusahaan yang menggaji lima orang pekerja atau kurang. Dalam konteks penguatkuasaan Dasar Gaji Minimum, pegawai-pegawai penguat kuasa di Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah diberi kuasa yang mencukupi untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan perintah gaji minimum sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian IV, Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa Majlis Perundangan Gaji Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Gaji Minimum pada 23 Mei 2012 bagi memudah cara pelaksanaan gaji minimum di mana jawatankuasa ini akan menangani isu-isu pelaksanaan yang timbul seterusnya merangka mekanisme penyelesaian yang terbaik melalui keputusan *tripartite*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dipersilakan soalan tambahan yang pertama. Yang Berhormat Tuan Saiful.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat kerana menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah apakah asas yang diguna pakai oleh pihak kerajaan dalam menetapkan gaji minimum untuk pekerja-pekerja asing ini khususnya dari sektor pembantu rumah dan buruh di ladang serta berapakah jumlah keseluruhan tenaga kerja asing ini yang dijangka diliputi atau termasuk di bawah Undang-undang Gaji Minimum yang baru ini? Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman bersama, pembantu rumah tidak termasuk di dalam senarai ini kerana dia merupakan pekerja yang tidak menyumbang terus kepada sesuatu produktiviti.

la bekerja di dalam persekitaran dan syarat-syarat yang berbeza mengikut takrifan yang ada di dalam Akta Kerja 1955 dan mengikut bilangan pekerja asing pada 31 Disember 2011, bilangannya adalah 1.5 juta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin dapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan sama ada Malaysia sebagai anggota kepada Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO) memberi ratifikasi kepada Konvensyen 131 berhubung dengan gaji minimum.

Dato' Maznah binti Mazlan: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah salah satu negara yang menjadi ahli di dalam ILO dan kita mengamalkan semua keputusan pada kebiasaannya. Khusus tentang Konvensyen 101, saya mohon untuk merujuk dan menjawab secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Konvensyen 131 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, 131.

Dato' Maznah binti Mazlan: Konvensyen 131, saya mohon untuk merujuk dan menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, saya silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, pertanyaan yang ketujuh.

7. Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan pusat perubatan kanser kerajaan di Malaysia, dan sama ada terdapat kemudahan untuk seseorang dari luar bandar yang sakit tenat dan tidak berupaya datang mendapatkan rawatan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh di atas soalan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, semua hospital utama Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan perkhidmatan rawatan kanser termasuk perkhidmatan kemoterapi. Bagi pesakit di luar bandar yang jauh daripada hospital utama Kementerian Kesihatan Malaysia, pesakit perlu mendapatkan rawatan di klinik kesihatan atau hospital tanpa pakar yang berdekatan. Pesakit akan diperiksa oleh pegawai perubatan yang bertugas untuk menilai status kesihatan pesakit tersebut dan mereka yang dalam keadaan yang serius dan tenat akan dimasukkan ke dalam wad atau dirujuk kepada hospital pakar untuk rawatan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, empat buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia menyediakan perkhidmatan rawatan radioterapi iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Sultan Ismail Johor Bahru; Hospital Umum Sarawak, Kuching dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, Sabah. Di samping itu, Kementerian Kesihatan juga memperoleh perkhidmatan radioterapi daripada beberapa hospital swasta iaitu dua buah hospital swasta di Pulau Pinang; sebuah hospital swasta di Nilai, Negeri Sembilan; sebuah hospital swasta di Klang, Selangor; dua buah hospital swasta di Melaka dan dua buah di Kuala Lumpur untuk menampung keperluan pesakit kanser yang memerlukan rawatan radioterapi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Jaspal.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberi jawapan untuk soalan saya. Penyakit kanser untuk saya, mempunyai dua aspek.

Bila seseorang itu telah di *diagnosed* dan didapati sakit kanser, *treatment* dia mungkin pembedahan ataupun kemoterapi, kadang-kadang mungkin terpaksa mengambil radioterapi. Bila seseorang mendapat rawatan kemoterapi ini, *patient* itu akan pergi ke hospital mungkin dalam sebulan sekali untuk rawatan selama sepuluh bulan.

■1110

Apakah dasar kerajaan daripada perkhidmatan untuk orang-orang miskin semasa dia datang ke hospital untuk *treatment* radioterapi. Adakah persediaan ambulans untuk mengambil dia daripada rumah datang untuk perkhidmatan ini di hospital. Bagaimana dengan *post care*? Sebab *post care pain management* ini begitu penting sekali bagi penyakit kanser. Adakah kerajaan bercadang bekerjasama dengan klinik-klinik GP di sekitar luar bandar supaya tidak perlu mereka mengambil perjalanan dua tiga jam untuk datang ke hospital untuk *pain management*. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat untuk menjawab persoalan tersebut. Bagi pesakit kanser yang tidak berkemampuan Yang Berhormat, bolehlah mereka ini merujuk kepada Jabatan Kerja Sosial setiap hospital. Di setiap hospital, kita ada Jabatan Kerja Sosial Hospital di mana mereka boleh berbincang dengan pegawai ataupun pegawai yang berkenaan supaya kes ini boleh diangkat kepada pengarah hospital tersebut. Pengarah hospital kita mempunyai kuasa untuk mengecualikan pembayaran kepada rawatan kemoterapi. Secara dasarnya caj yang dikenakan ke atas setiap rawatan kemoterapi adalah sebanyak RM50 tetapi kalau sekiranya pesakit tersebut tidak mampu, bolehlah berbincang dengan pegawai sosial kita dan bolehlah dikemukakan kes ini kepada pengarah untuk dikecualikan pembayaran. Itu satu, Yang Berhormat.

Dari segi perkhidmatan ambulans. Kita tidak menyediakan perkhidmatan ambulans untuk mengangkat pesakit daripada rumah ke hospital tetapi sekiranya pesakit tersebut adalah merupakan pesakit yang tenat dan kritikal, kita menyediakan perkhidmatan ambulans ini untuk menghantar pesakit daripada hospital ke hospital pakar kita ataupun daripada rumah ke hospital, kita memang menyediakan perkhidmatan atas kes-kes kecemasan.

Bagi pesakit yang memerlukan rawatan dan tinggal jauh. Contohnya Yang Berhormat, dia tinggal di Ipoh tetapi rawatannya di Kuala Lumpur. Pesakit ini selalunya kita akan masukkan ke dalam wad untuk memudahkan. Di beberapa hospital juga kita sediakan rumah tumpangan untuk ahli keluarga ataupun waris mereka. Ada beberapa hospital yang menyediakan perkhidmatan ini.

Untuk menjawab persoalan yang melibatkan *post care*. Saya dengan sukacitanya ingin berkongsi bahawa kita melihat kepada aspek ini dengan teliti pada ketika ini di mana kita mahu mewujudkan perkhidmatan *post care* ini di setiap hospital yang ada di bawah penyelenggaraan Kementerian Kesihatan. Beberapa hospital kita menyediakan *post care* ini. Perkhidmatan ini juga kita mempunyai niat untuk memperluaskannya di hospital-hospital tanpa pakar yang berdekatan dengan pesakit. Begitu juga dengan klinik-klinik kesihatan kita. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya setiap orang di dalam Dewan yang mulia ini mempunyai ahli-ahli keluarga yang terdekat yang kena penyakit kanser. Seperti mana yang disebut oleh rakan Yang Berhormat Dato' Jaspal tadi, kos rawatannya sangatlah tinggi. Memandangkan penyakit kanser ini semakin tinggi kos rawatannya dan juga semakin ramai yang terkena penyakit tersebut. Apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu skim insurans untuk rakyat Malaysia yang akan membiayai penyakit-penyakit kronik, *terminal diseases*, dengan izin, supaya mereka ini bukan sahaja boleh mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan yang sudah tentunya terhad seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, cuma ada empat sahaja hospital. Sedangkan pesakit-pesakit kanser ini di seluruh pelosok tanah air, ada di kampung, di luar bandar dan juga di bandar. Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa rawatan kanser ataupun kemoterapi, kita mempunyai perkhidmatan di seluruh negara, di setiap hospital kita Yang Berhormat, hospital pakar kita.

Cuma yang saya katakan tadi yang empat hospital hanya melibatkan perkhidmatan radioterapi iaitu Hospital Kuala Lumpur, Hospital Ismail Johor Bahru, Hospital Umum Sarawak dan juga Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas. Akan tetapi pada masa yang sama seperti yang saya katakan tadi, perkhidmatan radioterapi juga, di kementerian kita mempunyai kontrak yang ditandatangani bersama-sama dengan hospital swasta yang mempunyai perkhidmatan ini termasuklah yang saya katakan tadi ada lapan hospital swasta.

Izinkan saya untuk menyebut hospital tersebut. Hospital Mount Miriam dan Hospital Pantai di Pulau Pinang, *Nilai Cancer Institute* atau NCID Negeri Sembilan, Hospital Pantai Air Keroh dan Pusat Perubatan Mahkota di Melaka, Pusat Perubatan Seri Kota di Klang Selangor dan juga Pusat Perubatan Gleneagles Intan dan Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur. Itu antara hospital-hospital yang menyediakan radioterapi.

Menyentuh mengenai skim insurans yang disebutkan. Memang pada ketika ini kita tidak mempunyai perancangan untuk mewujudkan skim insurans yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Akan tetapi pada masa yang sama saya ingin maklumkan kepada Dewan ini bahawa di peringkat kementerian, kita dalam proses untuk mengkaji sistem kesihatan kita secara keseluruhan. *Public engagement*, dengan izin, telah kita lakukan di beberapa buah negeri untuk mendapatkan maklum balas daripada rakyat mengenai skim perkhidmatan kesihatan yang terbaik untuk negara ini. Seperti yang telah saya jawab sebelum ini di Dewan semasa sidang yang lepas.

Sebenarnya kita ingin mewujudkan satu *blueprint* termasuklah mengkaji beberapa aspek dari segi perkhidmatan kesihatan di negara kita. Ini termasuk pembiayaan kepada perkhidmatan kesihatan termasuklah penyakit-penyakit kronik. Namun seperti yang saya tegaskan lebih awal, bagi mereka yang tidak mampu, kita di peringkat kementerian ada menyediakan beberapa perkhidmatan termasuklah seperti yang saya nyatakan tadi bahawa mereka boleh berhubung dengan pegawai sosial setiap hospital untuk mendapat pengecualian pembayaran untuk kes-kes yang dirawat di hospital kerajaan. Akan tetapi sekiranya kes diberi rawatan di hospital swasta, itu di luar bidang kuasa kita. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8. Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah pihak kementerian mempunyai kayu pengukur kejayaan "*Himpunan Jutaan Belia*" dalam sambutan Hari Belia Negara Mei lalu dan sejauh mana ia menjadi pemangkin hala tuju golongan belia dalam cabaran terkini di Malaysia.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh jawab secara pantun. Izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat serta Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rohani binti Abdullah yang soalnya pada tarikh-tarikh yang berbeza kerana semua ini menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan "*Himpunan Jutaan Belia*" yang diadakan pada akhir bulan Mei yang lepas.

■1120

Tuan Yang di-Pertua, saya kira bagi menjawab soalan ini saya harap supaya para Senator sekalian dapat melihat program "*Himpunan Jutaan Belia*" ini dalam konteks yang lebih luas bukan sekadar ketika lima hari himpunan ini diadakan pada akhir bulan Mei yang lepas.

Ini kerana yang lebih pentingnya ia dilihat dari segi proses kerana proses untuk menghimpunkan belia pada bulan Mei yang berkenaan itu telah melalui proses bukan sekadar setahun tetapi ia sudah sampai ke tahun yang ketiga dan proses ini boleh kita garapkan kepada tiga aspek yang penting iaitu yang pertama *engagement*, yang kedua dari segi partisipasi dan yang ketiga dari segi *empowerment* iaitu bagaimana kita memberikan kuasa kepada belia.

Engagement ialah untuk menentukan apakah acara-acara, apakah yang belia-belia rasakan perlu untuk mereka tunjukkan. Oleh sebab itu kalau dilihat pada tahun yang ketiga jumlahnya sudah meningkat. Tahun yang pertama, 80 acara ataupun *event*, yang kedua ada 200 dan yang ketiga baru-baru ini ada lebih daripada 500 *event* iaitu 530. Ia datang daripada belia itu sendiri. Keduanya dari segi partisipasi, sebab itu partisipasi dilihat dari segi kepimpinan, dari segi organisasi, dari segi kesukarelawan. Pada kali ini jumlah sukarelawan yang terlibat kira-kira 20,000 orang. Oleh sebab itu bila lepas habis acara setiap hari bersih sekali walaupun mengambil masa lima hari. Ada banyak program kadangkang lepas itu ditinggal sampah-sarap dan sebagainya. Ini perkara yang perlu kita lihat.

Yang paling besar sekali ialah *empowerment* iaitu bagaimana kita memberi keyakinan kepada para belia bahawa kalau diberikan hak, diberikan kuasa, diberikan peluang untuk mereka melakukan sesuatu itu mereka boleh melakukan dengan baik. Oleh sebab itu kalau kita lihat satu aspek yang paling penting sekali yang tidak dibuat dalam mana-mana negara di dunia ialah membenarkan kota pentadbirannya kalau dalam konteks di sini kota pentadbiran ialah Putrajaya.

Sebenarnya banyak negara ada kota pentadbirannya, Cameroon di Australia, Pretoria di *South Africa*, *Brasilia* di Brazil ataupun kota-kota yang lain di mana kota itu berikan atau diserahkan kepada belia selama kalau dalam konteks Putrajaya ini selama lima hari baru-baru ini. Sebelum ini tiga hari diberikan. Kamu lakukan apa yang kamu rasakan perlu untuk kamu lakukan, kamu tunjuk apa yang perlu kamu tunjukkan, kamu *create*, kamu lahirkan sesuatu yang kamu rasa kamu ingin melakukan secara kreatif dalam bidang yang berbeza.

Kami di kalangan pemimpin dan sebagainya menjadi audiens anda. Kami melihat apa yang anda buat. Bukan lagi konsep yang lama di mana selalunya kalau hendak *engage* ataupun menghampiri dengan belia ialah kita kumpulkan mereka satu tempat jadikan belia itu sebagai audiens kami berceramah, kami memberi syarahan tetapi kamu tunjuk apa yang kamu hendak buat, kami tengok. Inilah konsep yang paling besar dan saya rasakan impaknya setelah kita bina program ini selama tiga tahun baru-baru ini kita lihat jumlahnya sasaran dua juta dan *alhamdulillah*, kami puas hati. Macam mana hendak kira, banyak cara hendak kira.

Pertamanya ada badan yang bebas mengira kereta misalnya terdapat lebih daripada 296,000 kenderaan yang telah dikira. Ada motosikal, ada bas, kalau pukul rata lima orang satu sebab itu dikira lebih kurang 1.5 juta. Akan tetapi yang lain macam mana. Dari segi segmen kita kira yang ini berapa, berapa mungkin sampai 2.4 juta orang.

Dari segi nilai ramai yang tanya dari segi belanja, kos dan sebagainya. Kos asas diberikan seperti kanopi, seperti sukarelawan belanja yang minimum tetapi besar juga bila sudah ramai itu. Kemudiannya kemudahan logistik, *toilet*, tandas awam dan sebagainya ada lebih kurang RM10 juta hingga RM12 juta tetapi daripada kos itu ada kementerian lain juga datang. Ada sektor swasta kerana dilihat mereka ingin mendekati belia kerana ini pasaran mereka, dua juta pasaran kepada mereka. Kalau syarikat-syarikat *telco* misalnya kerana mereka tahu bahawa pasaran mereka belia, mereka datang.

Oleh sebab itu jumlah yang besar datangnya daripada swasta lebih daripada RM28 juta datang daripada swasta sama ada dari segi *cash*, dari segi *in-kind* ataupun mereka sendiri menganjurkan program-program mereka dan dikatakan bahawa daripada jumlah ini menjanakan dari segi pendapatan dan sebagainya, dari segi perbelanjaan keseluruhan yang kita belanja ditambah dengan swasta dan dari segi penjanaannya dikira setakat ini ialah kira-kira RM214 juta wang ataupun telah dijanakan ketika lima hari, hari belia itu diadakan. Jadinya, kesan gandaan daripada apa yang kita belanjakan lebih daripada kalau sepuluh daripada sini hampir 20 kali ganda. Jadi ini adalah merupakan satu yang kita rasakan berjaya dalam semua aspek dari segi sosial, dari segi ekonomi, dari segi bagaimana untuk memberi *empowerment* kepada belia itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagus. Saya bukan sahaja hendak ucapkan tahniah dan syabas tetapi hendak tanya. Apakah ia akan dijadikan acara tahunan dan dibesarkan lagi, pertama. Kedua, apakah ia akan dibuat di semua negeri tidak lagi Putrajaya? *Thank you.*

Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih. Pertama, tahunan. *Alhamdulillah* setakat ini pihak kerajaan sudah menganggap ini adalah satu institusi yang tersendiri tetapi cadangan daripada Kabinet untuk tahun depan nama ini diubah bukan Himpunan Jutaan Belia tetapi diubah kepada kalau dalam bahasa yang lebih internasional katanya, *Putrajaya Youth Festival* kerana dalam negara kita tidak lagi dilihat ada satu festival yang boleh memberi *branding* yang besar kepada negara.

Misalnya kalau kita sebut orang bayangkan Brazil mereka terbayang *Carnival Rio* ataupun *Octoberfest* ataupun *Mardi Grass* di tempat lain. Atau pun kalau orang pergi Thailand orang pergi Pesta Songkran. Bukan apa sangat. Dia pergi ke Silom, ke Sukhumvit dan sebagainya di Bangkok itu naik tut-tut untuk dibasahkan untuk orang simbah air tapi berpuluh ribu pelancong datang. Ini adalah potensi yang tersendiri dirasakan bagi *branding* kepada Putrajaya. Oleh sebab itu disebutkan *Putrajaya Youth Festival* supaya ini merupakan salah satu daripada karnival terbesar, sepuluh yang terbesar dalam dunia kita katakan begitu. Manakala dari segi himpunan belia itu sendiri dianggap merupakan satu festival ataupun karnival belia yang terbesar dalam dunia yang kita rasakan yang boleh kita banggakan setakat ini.

Jadi kalau hendak buat di tempat lain ia mesti dilihat daripada konsep ini. Konsepnya kalau kerajaan itu sanggup belanja kecil tetapi dia boleh menarik swasta yang banyak saya rasa tidak ada masalah. Akan tetapi kalau semuanya diminta kerajaan membelanjakan dan penonjolan politiknya terlalu besar dalam soal ini mungkin perkara ini kita rasakan tidak boleh memberikan impak dari segi 'kebeliaan' keseluruhannya itu.

Jadi ini antara perkara yang saya rasakan perlu kita teliti dan kita tidak ada masalah. Akan tetapi dalam konteks mendidik belia-belia bagaimana menganjur, bagaimana mereka menjadi kreatif, bagaimana mereka dapat mengumpulkan komuniti mereka masing-masing, saya rasakan ini adalah merupakan cadangan yang baik kita perkenalkan juga di tempat lain tetapi *Putrajaya Festival* kita mesti pertahankan dan kita besarkan di masa yang akan datang, *insya-Allah*.

9. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Kewangan menyatakan, sambutan atau reaksi Syarikat-syarikat Milik Kerajaan (GLC's) terhadap arahan Kementerian Kewangan (seperti dijanjikan oleh Timbalan Menteri dalam sidang Dewan Negara bulan April 2012 yang lalu) agar semua GLC's memberi keutamaan kepada media cetak berbahasa kebangsaan dalam mengiklankan produk-produk mereka.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat saranan supaya syarikat-syarikat berkaitan kerajaan atau GLC memberi keutamaan kepada media cetak berbahasa kebangsaan dalam mengiklankan produk telah pun dibentangkan pada mesyuarat Jawatankuasa Putrajaya bagi prestasi tinggi GLC atau PCG pada 3 Mei 2012.

■1130

Mesyuarat PCG tersebut telah dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan ahli yang terdiri daripada pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Pelaburan berkaitan kerajaan atau GLIC termasuk Khazanah Nasional Berhad dan Permodalan Nasional Berhad serta 17 GLC utama tersenarai yang diletakkan di bawah program transformasi GLC.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Dalam perbincangan tersebut, PCG telah menyarankan supaya GLC meningkatkan penggunaan akhbar berbahasa kebangsaan bagi tujuan pengiklanan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat masing-masing.

Walau bagaimanapun, sebagai amalan tadbir urus korporat yang baik atau *good corporate governance* keputusan pemilihan penggunaan bahasa adalah bergantung kepada syarikat itu sendiri tanpa penglibatan pemegang saham, sekian.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang dibentangkan, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bercanggah dengan janji yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan semasa perkara ini dibincangkan di dalam Dewan ini. Kalau sekiranya kita hendak menyerahkan kembali segala-galanya kepada budi bicara GLC berkenaan, ini seakan-akan kita memberi kebenaran atau *license* kepada GLC untuk berbuat kehendak hatinya. Ini adalah sesuatu yang bahaya. Saya tahu ada, saya tidak mahu menyebut secara spesifik, tetapi ada antara GLC dalam negara kita yang khabarnya enggan memberi kerjasama kepada kerajaan untuk menduduki jawatankuasa hari kemerdekaan nanti. Jadi jangan hendaknya kita memberikan kebebasan seperti ini. Sekali lagi saya katakan, kebebasan yang sedemikian kepada GLC mungkin akan disalahgunakan.

Oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan lebih tegas menyatakan supaya apa yang dikemukakan, cadangan yang dikemukakan oleh kerajaan, oleh kementerian dianggap sebagai satu arahan yang patut dipatuhi. Seperti saya katakan jangan sampai ada GLC menolak untuk duduk dalam jawatankuasa perayaan kemerdekaan atas alasan apa pun. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah atas pandangan Yang Berhormat. Seperti yang saya telah jawab, pemilihan jenis akhbar yang dibuat oleh syarikat berkenaan berkaitan kerajaan atau GLC memang adalah berdasarkan kepada beberapa faktor termasuk kumpulan pembaca sasaran, jumlah edaran, serta kos pengiklanan di samping memastikan pulangan ke atas kos-kos pengiklanan setelah keberkesanan iklan-iklan tersebut dicapai matlamatnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, satu jawatankuasa kecil pelaksanaan Bahasa Kebangsaan bagi sektor kewangan dan insurans telah ditubuhkan dan ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Antara fungsinya adalah untuk:

- (i) melaksanakan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam sektor kewangan dan insurans;
- (ii) memantau penggunaan Bahasa Kebangsaan sektor kewangan dan insurans;
- (iii) merancang program yang dapat mencapai matlamat pelaksanaan Bahasa Kebangsaan kementerian dan agensinya; dan
- (iv) melaporkan pencapaian penggunaan dalam permasalahan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan kepada Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

Memang kita pun telah menganjurkan satu Simposium Penggunaan Bahasa Kebangsaan Sektor Kewangan dan Insurans pada 10 November 2011 dengan tema 1Malaysia Mengutamakan Bahasa Kebangsaan Tanggungjawab Bersama. Kita nampak maklum balas atau *feedback* boleh tahan juga.

Dari angka-angka yang kita ada pada masa ini saya bagi contoh untuk syarikat seperti TNB yang di bawah Khazanah iaitu untuk kita tengok angkanya tahun lepas tahun 2007 hingga 2011, nampak iklan berkenaan dengan bahasa Melayu adalah 44.4 peratus dan bahasa Inggeris 48.7 peratus dan lain 11 peratus. Kita tengok dari segi *circulation* sebab mereka kalau pihak pengurusan dan juga pihak yang berkenaan memang mereka tengok surat khabar dengan *circulation* untuk enam tahun yang lepas, *on average Utusan Malaysia circulation* adalah 165,000 sehari untuk *The Star* 267,000 sehari. Oleh itu memang kita membuat keputusan atas *circulation*. Sekian.

Tuan Lee Cheam Choon: Buah durian pokok saya telah pun gugur, soalan saya pula yang kesepuluh.

10. Tuan Lee Cheam Choon minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sistem tender nombor pendaftaran kenderaan yang melibatkan "WWW" telah menjadi satu isu yang hangat pada masa kini. Bolehkah pihak JPJ memberi penjelasan yang lebih terperinci berkenaan sistem tender yang dijalankan serta siapa yang berhak tender dan pihak mana pula yang tidak perlu tender untuk mendapatkan sesuatu nombor pendaftaran kenderaan.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih, selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

Proses tender nombor pendaftaran kerajaan adalah terbuka kepada semua pihak termasuk syarikat dan pertubuhan yang berminat mematuhi syarat-syarat tender yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memberi keutamaan kepada kenamaan-kenamaan berikut untuk mendapatkan nombor pendaftaran secara percuma, iaitu:

- (i) Duli Yang Maha Mulia Sultan termasuk Raja Perlis dan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan;
- (ii) TYT Yang Di-Pertua Negeri;
- (iii) Yang Teramat mulia Raja Muda ataupun Tengku Mahkota;
- (iv) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (v) Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (vi) Yang Berhormat Menteri Persekutuan; dan
- (vii) Yang Berhormat Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Tatacara dan syarat-syarat semasa pengurusan tempahan nombor pendaftaran kenderaan di bawah arahan Jabatan Pengangkutan Jalan Bilangan 8 tahun 2009/L adalah seperti berikut:

- (i) pembeda perlu mengisi borang tempahan nombor pendaftaran secara tawaran atau borang MB10, jelas lengkap dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
- (ii) pembeda perlu mengemukakan bayaran deposit 50 peratus daripada harga tempahan dan juga perlu mengemukakan salinan asal slip bayaran yuran perkhidmatan RM10;
- (iii) surat keputusan dikeluarkan tidak lewat dari tujuh hari bekerja dari tarikh mesyuarat Jawatankuasa Penilai; dan
- (iv) notis keputusan pemohon yang berjaya hendaklah dipamerkan di pejabat JPJ Negeri berkenaan.

Sekian.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih. Sebenarnya tadi saya salah berpantun. Bukan sudah gugur, akan gugur pada 3 Ogos 2012. Saya akan habis tempoh 3 Ogos 2012.

Terima kasih atas jawapan dan penjelasan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di sini saya ingin tahu bahawa sama ada Yang Berhormat Dato' Sri Liow Tiong Lai telah mengambil bahagian dalam tender "WWW15" kerana beliau telah menafikan bahawa beliau menceburi diri dalam tender tersebut. Sekian, terima kasih.

■1140

Tuan Jelaing anak Mersat: Ini pada pengetahuan saya, saya tidak ada diberi maklumat. Jadi berkaitan ini saya akan cari nanti. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah tadi Timbalan Menteri ada jawab bahawa menteri pun layak. Apabila menteri mohon dan dia dapat nombor, adakah bayaran diperuntukkan oleh kementerian atau Menteri kena bayar sendiri? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau ia percuma, percumalah, kementerian tidak bayar begitu. Terima kasih.

11. Tuan Chiew Lian Keng minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, sama ada pihak Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia ada mengambil sebarang usaha untuk menurunkan kadar caj *internet* dan jalur lebar negara kita kerana ia agak tinggi berbanding dengan negara seperti Hong Kong, China, Korea Selatan, Singapura dan sebagainya.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Chiew Lian Keng atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penetapan sesuatu kadar harga internet, setiap pembekal perkhidmatan perlu mematuhi setiap peraturan dan prinsip serta harga pasaran yang ditawarkan sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Namun begitu, kerajaan tidak mengawal selia kadar bagi perkhidmatan mudah alih dan perkhidmatan jalur lebar. Pengawasan kadar bagi perkhidmatan-perkhidmatan ini biasanya ditentukan oleh faktor-faktor pasaran, perlindungan pengguna dan ekonomi.

Untuk makluman, kos rangkaian memainkan peranan yang besar dalam penetapan kadar oleh pemberi perkhidmatan. Kos rangkaian tersebut boleh dibahagikan kepada:

- (i) kos rangkaian antarabangsa yang menyumbang kira-kira 40 peratus dari kos kesemuanya;
- (ii) kos domestik yang menyumbang 60 peratus seperti peralatan ibu sawat, pusat data, kabel, penyeliaan rangkaian atau *last mile*; dan
- (iii) harga *wholesale*.

Pihak penyedia perkhidmatan tidak boleh sewenang-wenangnya menurunkan harga langganan *internet* sehingga di bawah kos pelan sedia ada kerana dikhuatiri ini akan menjejaskan sistem pasaran dan persaingan dalam industri komunikasi negara. Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM juga secara berterusan mengadakan perbincangan bersama pemberi perkhidmatan jalur lebar agar dapat menyediakan pakej-pakej yang mengikut keperluan pengguna yang pelbagai dan fleksibel untuk mewujudkan skim mampu menggunakan *internet* seperti Skim Khas Langganan TM pada masa ini yang hanya mengenakan RM20 sebulan. Bagi pelanggan yang berkemampuan, bolehlah melanggan perkhidmatan *internet* mengikut keperluan masing-masing.

Selain itu, penyedia perkhidmatan juga telah menawarkan beberapa pakej mampu milik untuk golongan luar bandar, kurang upaya, berpendapatan rendah dan warga emas pada harga RM20 hingga RM25 sebulan. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih atas jawapan Timbalan Menteri tadi tetapi nampaknya jawapan itu satu jawapan yang melepaskan batuk di tangga, kerana dalam apa perniagaan sekalipun, kos sudah tentu menjadi faktor. Soalannya hari ini, bagaimana kita mengawal kos? Saya berpendapat kos boleh diturunkan kalau sekiranya ada satu usaha benar-benar serius daripada MCMC ataupun SKMM bagi menurunkan kos dengan melihat semula kerana sekarang ini terdapat banyak *hidden cost* yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan. Itu yang saya rundingkan.

Saya yakin kalau kita buat perbandingan dengan Hong Kong, China, Korea Selatan, Singapura dan sebagainya, sudah tentu kita dalam satu *environment* yang sama.

Jadi soalnya kenapa kita tidak boleh mengurangkan kos kita ataupun fi kita sedangkan negara-negara lain menawarkan sistem atau perkhidmatan yang lebih rendah? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb. Tuan Yang di-Pertua, tidak begitu tepat sekiranya kita mengatakan bahawa kos di negara kita boleh dibandingkan dengan kos yang ada misalnya di Hong Kong, Singapura, Korea Selatan atau di China. Berkenaan dengan kos yang ada di Korea Selatan yang mungkin kita boleh bandingkan sedikit dengan kita tetapi tidak begitu tepat oleh kerana kepadatan penduduk Korea Selatan lebih tinggi daripada penduduk di Malaysia. Namun, ada satu kos yang perlu kita peringatkan.

Pada kegawatan ekonomi tahun 1990-an, diputuskan di Korea Selatan bahawa tiada satu pun *factory* ataupun pengusaha kabel ditutup dan semua pengusaha-pengusaha ini menjalankan produksi yang sepenuhnya dan diangkat semua produksinya untuk di pasang di seluruh negara supaya negara Korea Selatan ada mempunyai kabel *network* yang terbaik di dunia. Dari yang dibuat sebegitu, maka bolehlah dikatakan kosnya murah oleh kerana tindakan kerajaan pada masa itu. Akan tetapi di Malaysia, kita mesti mengingatkan bahawa taburan populasi kita tidak sebegitu padat seperti di Korea Selatan. Ada dikatakan bahawa Australia ingin hendak mengikut contoh yang ada di Korea Selatan tetapi berkemungkinan besar mereka akan mengalami kos yang jauh lebih dari jangkauan mereka dan ini yang kita elakkan di Malaysia.

Berbalik kepada situasi yang kita ada di Malaysia iaitu taburan populasi kita begitu berlainan dari taburan penduduk di Korea Selatan ataupun sekiranya kita hendak bandingkan kita dengan Singapura ataupun Hong Kong iaitu *city-state*, tidak boleh kita bandingkan. Di Malaysia, satu kos yang masih tinggi dan sedang diatasi oleh kerajaan iaitu berkenaan dengan *traffic flow internet* dan *traffic flow internet* ini kebanyakannya *traffic* kita memakai rangkaian antarabangsa dan ini menambahkan kos yang begitu ketara. Oleh yang demikian, maka ditubuhkan sistem MyIX di Malaysia supaya trafik-trafik yang ada di dalam negara kita tidak payah keluar dari dan masuk kembali ke dalam negara, tidak payah memakai saluran ataupun rangkaian antarabangsa.

■1150

Begitu juga kita sedang menambahkan rangkaian antarabangsa negara supaya kos itu dapat diturunkan dan berkenaan kos dalaman, ini memang sudah tentu oleh kerana negara kita walaupun kita boleh katakan kecil tetapi luas dan penduduknya begitu berselerak dan tidak mungkin kita dapat mengurangkan ia lebih lagi daripada yang sedia ada. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan jawapan yang diberi oleh Menteri itu tadi, maka setakat inilah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.51 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya cadangan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 ini yang akan saya rujuk sebagai Akta 166 merangkumi dua perkara. Satu adalah untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Semenanjung Malaysia dan selainnya ialah cadangan pindaan yang dibuat berdasarkan laporan dan syor yang telah dikemukakan oleh satu Jawatankuasa *ad-hoc* yang ditubuhkan untuk mengkaji secara mendalam implikasi pindaan kepada Akta 16 melalui Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 [Akta A1629] yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 6 Julai 2006 dan oleh Dewan Negara pada 26 Julai 2006.

Sebagai makluman, Jawatankuasa *ad-hoc* tersebut ditubuhkan melalui suatu usul yang diluluskan dalam satu Mesyuarat Agung Luar Biasa Majlis Peguam Malaysia pada 18 Ogos 2006. Jawatankuasa *ad-hoc* yang ditubuhkan dianggotai oleh tujuh orang peguam berpengalaman seperti yang berikut:

- (i) Dato' VC George;
- (ii) Dato' (Dr.) Peter Mooney;
- (iii) Dato' Param Cumaraswamy;
- (iv) Dato' Haji Kuthubul Zaman Bukhari;
- (v) Tuan Haji Vazeer Alam Mydin Meera;
- (vi) Puan Lalitha Menon; dan
- (vii) Esq. GK Ganesan.

Jawatankuasa tersebut telah menerima dan meneliti pelbagai representasi dan berikutan daripada itu jawatankuasa telah mengemukakan laporan dan syor kepada Majlis Peguam supaya Akta Profesion Undang-undang dipinda selanjutnya. Majlis Peguam telah mengemukakan memorandum yang mengandungi cadangan-cadangan pindaan lanjut kepada Akta 166 kepada Jabatan Peguam Negara. Sementara itu, asas bagi cadangan pindaan untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan di Semenanjung Malaysia pula adalah berlandaskan kepada keputusan Jemaah Menteri pada 14 November 2008 supaya kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan meliberalisasikan sektor perkhidmatan di bawah seliaan masing-masing bagi memperkukuh perdagangan dan meningkatkan pengaliran pelaburan ke dalam negara.

Sesungguhnya perdagangan perkhidmatan merupakan komponen yang penting dalam perdagangan antarabangsa bagi negara maju dan juga negara yang membangun. Sektor perkhidmatan dijangka akan memberi lebih peluang pekerjaan kepada pekerja mahir dan berpendidikan yang semakin meningkat. Sektor ini juga berpotensi untuk menawarkan pendapatan yang lebih tinggi. Pada masa ini Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi dalam sektor perkhidmatan di Malaysia sedang dirundingkan di peringkat Pertubuhan Perdagangan Dunia ataupun *World Trade Organization (WTO)* iaitu di bawah *General Agreement in Trade in Services (GATS)* ASEAN iaitu di bawah *ASEAN Framework Agreement on Services (AFAS)* dan Perjanjian Perdagangan Bebas ataupun *Free Trade Agreement (FTAs)* di peringkat dua hala dan serantau.

Sebagai mana yang disebut tadi, pada 14 November 2008 Jemaah Menteri telah membuat keputusan yang kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan sektor perkhidmatan tertentu akan diliberalisasikan bagi memperkukuh perdagangan dan meningkatkan pengaliran pelaburan ke dalam negara. Selaras dengan keputusan yang dibuat itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 April 2009 telah mengumumkan keputusan kerajaan untuk meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dengan membenarkan 100 peratus ekuiti asing dengan serta-merta. Ini termasuklah sektor perkhidmatan perundangan bagi membolehkan Malaysia menjadi sebuah hab kewangan Islam Antarabangsa ataupun *international Islamic Financial hub*.

Sehubungan dengan itu, profesion undang-undang di Malaysia akan diliberalisasikan bagi membolehkan lima firma guaman antarabangsa terulung yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan Islam antarabangsa menjalankan amalan mereka di negara ini.

Akan tetapi firma-firma tersebut hanya akan dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan perundangan dalam bidang kewangan Islam antarabangsa. Pada 24 September 2010, Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudah cara Perniagaan atau PEMUDAH telah bersetuju supaya kerajaan meneruskan usaha-usaha supaya subsektor perkhidmatan lain segera diliberalisasikan secara *autonomous* bagi mencapai objektif Model Ekonomi Baru yang boleh menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan maju.

Justeru, pada 16 November 2010 satu kumpulan kerja di bawah PEMUDAH yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan ahli-ahlinya yang terdiri daripada ketua-ketua setiausaha dan wakil-wakil PEMUDAH telah diwujudkan bagi mengenal pasti rangka kerja dan juga hala tuju liberalisasi bagi sektor perkhidmatan.

Pada 9 Jun 2011 mesyuarat kumpulan kerja ini telah bersetuju untuk memperakui 17 subsektor perkhidmatan sebagai pakej liberalisasi baru sektor perkhidmatan dan pengumuman telah dibuat melalui ucapan Bajet 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Oktober 2011. Pemilihan 17 subsektor perkhidmatan ini adalah kerana subsektor-subsektor ini berpotensi memberi impak yang tinggi kepada ekonomi di samping menyokong dasar semasa kerajaan terutamanya Program Transformasi Ekonomi.

Salah satu subsektor perkhidmatan yang dicadangkan untuk diliberalisasikan ialah subsektor perkhidmatan, perundangan di mana syarat yang akan dikenakan adalah melalui had kekangan ekuiti. Bidang Amalan yang Dibenarkan ataupun dengan izin, *Permitted Practice Areas* dan syarat *local presence*. Dalam hal ini, tahap pegangan ekuiti asing yang dibenarkan akan ditentukan mengikut pelan hala tuju yang telah ditetapkan oleh Majlis Peguam Malaysia (MPM) dalam bentuk perkongsian antarabangsa antara firma guaman asing dan firma guaman tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, peguam bela dan peguam cara yang menjalankan amalan di Malaysia adalah tertakluk kepada tiga akta yang berbeza iaitu:

- (i) Akta Profesion Undang-undang 1976, yang terpakai bagi peguam-peguam yang diterima masuk di Semenanjung Malaysia;
- (ii) *Advocates Ordinance Sabah 1953 [Sabah Cap.2]* yang terpakai bagi peguam-peguam yang diterima masuk di Sabah; dan
- (iii) *Advocates Ordinance Sarawak 1953 [Sarawak Cap.110]* yang terpakai bagi peguam-peguam yang diterima masuk di Sarawak.

■1200

Namun bagi tujuan liberalisasi ini kemasukan firma-firma guaman asing dan peguam-peguam asing hanya melibatkan amalan di Semenanjung Malaysia yang tertakluk di bawah Akta 166. Akta ini akan dipinda sejajar dengan kesediaan Majlis Peguam Malaysia untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan perundangan secara progresif.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini penerimaan masuk peguam-peguam asing melalui perintah mahkamah dan dengan kebenaran Peguam Negara melalui sijil penerimaan masuk khas dilihat sebagai terhad dan tidak akan dapat membantu kerajaan dalam mencapai objektif untuk mengembangkan sektor perundangan di Malaysia.

Dengan itu, pindaan kepada Akta 166 adalah wajar dan kena pada masanya bagi membolehkan proses liberalisasi dapat dijalankan melalui kemasukan peguam-peguam asing dan firma-firma guaman asing ke Malaysia. Cadangan pindaan yang dinyatakan di sini iaitu memasukan bahagian baru, IVA antara lain menggariskan rancangan untuk membuka sektor perkhidmatan perundangan kepada perkhidmatan asing secara berperingkat melalui kekangan seperti berikut:

- (i) Pegangan Ekuiti - Jawatankuasa Pemilihan atau *Selection Committee* akan menentukan jumlah sebenar pegangan ekuiti;

- (ii) Bidang Amalan - bidang Amalan yang Dibenarkan atau *Permitted Practice Areas* adalah kerja yang dikawal di bawah undang-undang Malaysia dan sekurang-kurangnya satu undang-undang negara lain atau dikawal oleh mana-mana undang-undang selain daripada undang-undang Malaysia semata-mata. Namun begitu, bidang amalan yang dibenarkan ini boleh dipinda dari semasa ke semasa dengan persetujuan Peguam Negara agar ia sentiasa relevan dan kompetitif; dan
- (iv) *Local Presence* - syarat ini dikenakan bagi memastikan yang kemasukan peguam asing adalah bagi menjana ekonomi negara. Walau bagaimanapun, jumlah peguam asing yang menetap di Malaysia bagi memenuhi syarat ini akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

Bahagian baru IVA yang diterangkan ini menggariskan secara terperinci tentang tatacara proses kemasukan firma-firma guaman asing dan pendaftaran peguam-peguam asing yang mahu mengamalkan undang-undang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, liberalisasi sektor perundangan di Semenanjung Malaysia dijangka akan memberi pelbagai manfaat kepada negara. Antara lainnya seperti berikut:

- (i) penambahan kepakaran dalam bidang amalan undang-undang yang dibenarkan terutama dalam bidang kewangan Islam atau hutang antarabangsa dan pasaran kapital ekuiti, aset ekuiti, produk-produk berstruktur dan berbentuk terbitan dan perbankan dan transaksi korporat;
- (ii) perpindahan teknologi antara peguam asing dan peguam tempatan melalui kerjasama dan pentadbiran bersama di bawah perkongsian antarabangsa. Kaedah ini dapat membentuk satu persekitaran perniagaan yang kondusif bagi menarik pelaburan, teknologi serta menjana peluang pekerjaan bertaraf tinggi; dan
- (iii) penjenamaan firma-firma guaman tempatan yang mendapat pendedahan melalui kerjasama dengan rakan kongsi yang mempunyai reputasi yang lebih tinggi dan dikenali di arena antarabangsa. Usaha ini dapat menarik pelanggan asing di rantau ini bagi mendapatkan perkhidmatan perundangan yang ditawarkan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan mahu proses liberalisasi ini berjaya namun kerajaan tidak akan sesekali mengabaikan kepentingan negara. Kerajaan telah merangka dan menggubal pindaan terhadap Akta 166 hanya setelah mengambil kira pandangan daripada Majlis Peguam Malaysia (MPM) dan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan. Bukan setakat itu sahaja, konsultasi juga telah diadakan dengan antara lain *The Australian Bar Association* dan *The Law Society of England and Wales* bagi memastikan liberalisasi ini dapat menarik minat ahli-ahli daripada persatuan undang-undang di sana untuk beramal di negara kita.

Rentetan daripada ini kerajaan sentiasa memastikan yang kepentingan negara dan peguam-peguam tempatan adalah terpelihara. Firma-firma guaman asing yang mahu beramal di Malaysia perlu mendapatkan lesen dan didaftarkan sebelum menjalankan amalan undang-undang di Malaysia, mempunyai kelayakan setaraf dengan peguam-peguam tempatan dan mempunyai kepakaran yang relevan dengan keperluan negara. Selain daripada itu, selaras dengan objektif bagi meningkatkan prestasi dan juga kemahiran peguam-peguam tempatan adalah juga disarankan supaya syarikat-syarikat yang berkaitan dengan kerajaan ataupun *government-linked company*, dan badan berkanun menggunakan atau mengutamakan khidmat firma guaman tempatan sebelum mendapatkan khidmat peguam asing. Dalam hal ini khidmat peguam asing akan digunakan di mana tidak ada kepakaran tertentu di kalangan peguam tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui pindaan ini peguam-peguam asing hanya boleh menjalankan amalan di Malaysia melalui tiga kaedah sahaja iaitu melalui suatu perkongsian antarabangsa ataupun *international partnership*, firma guaman asing berkeelayakan ataupun *qualified foreign law firms*, ataupun digunakan khidmat untuk menjalankan amalan di bawah firma guaman tempatan.

Ketiga-tiga kaedah ini diperuntukkan dalam fasal 4 rang undang-undang ini yang memasukkan seksyen baru 40F, 40G dan juga 40H. Dengan kata ini, peguam asing yang menjalan amalan secara, dengan izin, *fly in and fly out* tanpa melalui tiga kaedah yang tersebut tadi adalah tidak dibenarkan. Badan yang dipertanggungjawabkan untuk mengeluarkan lesen untuk firma-firma guaman asing dan mendaftarkan peguam-peguam asing adalah Majlis Peguam Malaysia (MPM) yang akan mengambil kira syor yang diberikan oleh jawatankuasa pemilihan yang dipengerusikan oleh Peguam Negara dan juga Presiden Majlis Peguam Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian baru IVA yang dicadangkan ini akan memasukkan seksyen baru 40A hingga 40O. Seksyen baru 40A memperuntukkan tentang takrif perkataan tertentu yang digunakan dalam bahagian baru IVA ini.

Seksyen baru 40B pula memperuntukkan tentang kehendak untuk suatu firma guaman asing dilesenkan mengikut peruntukan di bawah bahagian baru IVA jika ingin menjalankan amalan di Malaysia.

Selanjutnya, seksyen baru 40C, 40D dan 40E memperkatakan tentang jawatankuasa pemilihan. Seksyen baru 40C menubuhkan suatu jawatankuasa pemilihan bagi menimbangkan permohonan perkongsian antarabangsa firma guaman asing berkeelayakan dan peguam asing untuk menjalankan bidang amalan yang dibenarkan di negara ini.

Selain itu, seksyen baru 40C juga memperuntukkan bahawa Peguam Negara Malaysia dan Presiden Bar Malaysia akan mempengerusikan jawatankuasa pemilihan secara bersama. Jawatankuasa pemilihan tersebut nanti akan dianggotai oleh Peguam Negara, Presiden Bar Malaysia, seorang pegawai daripada sektor awam yang dilantik oleh Peguam Negara dan dua orang anggota Bar Malaysia yang menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan yang dilantik oleh Majlis Peguam.

Untuk makluman, pelantikan pegawai daripada sektor awam yang dilantik oleh Peguam Negara dan dua orang anggota Bar Malaysia tersebut adalah secara *ad hoc* berdasarkan bidang kepakaran yang dimiliki dan relevan kepada permohonan yang dikemukakan.

■1210

Seksyen baru 40D pula memperuntukkan tentang pelantikan seseorang sebagai anggota silih ganti untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa sebagai ganti kepada anggota yang tidak dapat hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa pemilihan atas apa-apa sebab.

Tatacara tentang Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan pula diperuntukkan oleh seksyen baru 40E.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian baru IVA yang dicadangkan ini selanjutnya mengandungi seksyen baru 40F, 40G, 40H, 40I, 40J dan 40K yang memperkatakan tentang kaedah bagaimana firma guaman asing serta peguam asing boleh memasuki Malaysia untuk menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan dan juga memperuntukkan kuasa Majlis Peguam untuk menggantung atau membatalkan lesen yang telah diberikan kepada firma guaman asing yang berkenaan dan juga untuk menggantung atau membatalkan pendaftaran peguam asing atas alasan-alasan yang dinyatakan dalam seksyen yang berkenaan.

Seksyen baru 40L memperuntukkan bahawa perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkeelayakan dan peguam asing yang berdaftar hendaklah mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang terpakai kepada peguam bela dan peguam cara di bawah Akta 166 yang berkaitan dengan kelakuan dan etika profesional.

Manakala seksyen baru 40M memperuntukkan bahawa peguam asing yang berdaftar adalah tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud tindakan tatatertib.

Untuk makluman seksyen baru 40N pula memberi kuasa kepada Majlis Peguam untuk meminta perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan, firma guaman tempatan atau peguam asing untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang tertentu dalam memastikan pemantauan kepada bahagian baru IVA tersebut.

Peruntukan yang terakhir dalam bahagian baru IVA ialah seksyen baru 40O yang memberi kuasa kepada Majlis Peguam untuk membuat kaedah-kaedah yang berkaitan di bawah Akta 166.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada cadangan kemasukan bahagian baru IVA ini juga, timbul keperluan untuk meminda seksyen 37 [*Akta 166*], untuk menjelaskan kepada peguam asing apa yang boleh atau tidak boleh mereka lakukan. Ini diperuntukkan di fasal 3 rang undang-undang ini. Secara amnya pindaan yang dicadangkan di seksyen 37, [*Akta 166*], bertujuan untuk memperuntukkan kesalahan bagi seseorang peguam asing yang tidak bermaksud untuk menjalankan amalan dalam suatu perkongsian antarabangsa, firma guaman asing berkelayakan atau firma guaman Malaysia tetapi telah terbang masuk dan keluar negara dan secara langsung atau tidak langsung melakukan atau memujuk rayu hak untuk melakukan apa-apa perbuatan yang lazimnya dalam fungsi atau tanggungjawab seseorang peguam bela dan peguam cara termasuklah tetapi tidak terhad kepada memberi nasihat tentang undang-undang sama ada undang-undang Malaysia atau selainnya.

Lanjutan daripada cadangan peruntukan-peruntukan yang disebut tadi, suatu kaedah-kaedah di bawah Akta 166 juga akan digubal bagi memperhalusi tatacara dan prosedur kemasukan firma-firma guaman asing dan pendaftaran peguam-peguam asing dengan lebih terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut pada awal pembentangan ini, selain pindaan-pindaan yang berkaitan dengan liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan, pindaan seksyen 13 di fasal 2 dan pindaan seksyen 80 di fasal 6, pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta 166 melalui rang undang-undang ini telah digubal berdasarkan laporan dan syor yang telah dikemukakan oleh Jawatankuasa *ad-hoc* yang ditubuhkan untuk mengkaji secara mendalam implikasi pindaan kepada Akta 166 melalui Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 [*Akta A1269*] yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 6 Julai 2006 dan oleh Dewan Negara pada 26 Julai 2006.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan wakil-wakil Majlis Peguam, Lembaga Tatatertib Peguam-peguam, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dan pihak-pihak lain yang berkaitan dan draf rang undang-undang telah dipersetujui oleh semua pihak.

Untuk makluman, fasal 1 rang undang-undang ini mengadakan peruntukan bagi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 rang undang-undang ini pula memperuntukkan pindaan kepada seksyen 13 [*Akta 166*] yang bertujuan untuk memotong subseksyen 13(5).

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, seksyen 13 akta, memperuntukkan tentang pengecualian daripada tempoh latihan dan kelayakan untuk menjalani latihan. Subseksyen 13(5) kini dicadangkan dipotong kerana ia tidak lagi relevan. Ini kerana tempoh masa seseorang pegawai perlu berkhidmat dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan untuk dikecualikan daripada menjalani apa-apa tempoh latihan bagi maksud diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara telah dikurangkan kepada satu tahun.

Selanjutnya, pindaan dicadangkan kepada seksyen 76 akta, yang bertujuan untuk menggantikan perkataan "*secrecy*" dengan perkataan, "*confidentiality*" dan perkataan "*proceeding or matters*" dengan perkataan, "*deliberations*" yang lebih sesuai untuk menunjukkan ketelusan dalam keputusan yang diambil oleh lembaga, Majlis Peguam, Jawatankuasa Bar Negeri, Lembaga Kelayakan dan Jawatankuasa Tatatertib.

Di samping itu, pindaan kepada subseksyen 76(3) bertujuan untuk memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan penzahiran kepada apa-apa maklumat berkenaan dengan keputusan yang dibuat jika mahkamah fikirkan perlu demi kepentingan keadilan.

Fasal 6 rang undang-undang pula memperuntukkan pindaan kepada subseksyen 80(8A) [*Akta 166*]. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan bunga, dividen dan juga pertambahan modal lain yang berbangkit daripada kumpulan wang pampasan untuk disalurkan kepada suatu kumpulan wang yang ditubuhkan bagi maksud memberikan bantuan guaman.

Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada kemasukan bahagian baru IVA, fasal 7 rang undang-undang bertujuan memasukkan seksyen baru 92A yang memperuntukkan bahawa peguam asing yang berdaftar di bawah bahagian baru IVA adalah juga tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib bagi maksud tindakan tatatertib di bawah Bahagian VII akta.

Selanjutnya, fasal 8 rang undang-undang memperuntukkan tentang pindaan kepada seksyen 93. Pindaan ini bertujuan untuk mengehadkan tempoh Pengerusi Lembaga Tatatertib memegang jawatan kepada maksimum tiga penggal atau enam tahun sahaja. Manakala bagi ahli lembaga pula, kepada maksimum dua penggal atau empat tahun. Selanjutnya, pengerusi lembaga pula hendaklah hanya dilantik daripada kalangan hakim yang telah bersara. Bagi ahli lembaga pula, hendaklah dilantik daripada kalangan peguam yang telah menjalankan amalan sekurang-kurangnya selama sepuluh tahun dan bukan lagi 15 tahun. Ini adalah bagi tujuan penyelesaian dengan kehendak pelantikan bagi pengerusi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 94 di fasal 9 pula, bertujuan untuk menetapkan kadar maksimum denda yang boleh dikenakan oleh Lembaga Tatatertib adalah sebanyak RM50,000. Ia juga bertujuan supaya seksyen 94 terpakai juga kepada pelatih. Diperuntukkan juga bahawa pelatih termasuklah pelatih yang telah menamatkan tempoh latihan dalam kamar tetapi belum lagi diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara.

Berkenaan dengan pindaan di subseksyen 94(5) yang memperjelaskan bahawa mana-mana pelatih yang melakukan apa-apa salah laku boleh dihalang daripada meneruskan dengan apa-apa petisyen untuk diterima masuk bagi suatu tempoh tertentu.

■1220

Selain itu, subseksyen baru (4A) juga dimaksudkan yang memperuntukkan bahawa seseorang peguam asing yang berdaftar di bawah bahagian baru IVA adalah juga tertakluk kepada kawalan Lembaga Tatatertib. Oleh itu, mana-mana peguam asing yang bersalah atas apa-apa salah laku boleh digantung bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau pendaftarannya dibatalkan atau ditegur atau dicelah atau diperintahkan untuk membayar denda mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 99, di fasal 10 rang undang-undang ini pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengehadkan enam tahun untuk sesuatu aduan boleh dibuat terhadap peguam kecuali dalam hal *fraud*.

Selanjutnya melalui fasal 11, rang undang-undang ini, seksyen 100 [*Akta 166*] telah digubal semula. Secara amnya ia bertujuan untuk menambah baik dan memperjelas peruntukan tentang prosedur sesuatu aduan atau permohonan yang dibuat kepada Lembaga Tatatertib. Aduan dan permohonan boleh diuruskan secara ringkas oleh lembaga jika peguam yang berkenaan bersetuju. Lembaga juga boleh membuat perintah restitusi di bawah seksyen ini.

Pindaan kepada seksyen 103, di fasal 12 pula bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga Tatatertib untuk memanjangkan masa bagi pembayaran denda dan restitusi. Bayaran hendaklah dibuat kepada Bar Malaysia dan bukan lagi kepada Lembaga Tatatertib.

Sebagaimana yang dinyatakan sebentar tadi mengenai tujuan pindaan kepada seksyen 100, pindaan kepada seksyen 103A, 103B dan 103C yang terdapat di fasal-fasal 13, 14 dan 15 juga bertujuan untuk menambah baik dan memperjelas peruntukan berkenaan Jawatankuasa Tatatertib dan siasatan yang dijalankannya.

Selanjutnya pindaan kepada seksyen 103D, di fasal 16 bertujuan untuk menambah baik peruntukan sedia dengan memasukkan peruntukan supaya Lembaga Tatatertib hendaklah merekodkan alasan jika menolak dapatan atau syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Tatatertib. Peruntukan juga dibuat supaya Lembaga Tatatertib boleh mengenakan penalti yang lebih ringan daripada yang disyorkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga di fasal 17 membuat pindaan kepada seksyen 103E. Ia bertujuan untuk membenarkan rayuan dibuat terhadap perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah subseksyen 94(4). Peruntukan yang tidak membenarkan semakan kehakiman ke atas apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga Tatatertib dipotong.

Selanjutnya fasal 18 rang undang-undang ini memasukkan seksyen baru, 103EA. Ia bertujuan untuk membuat peruntukan tentang cabaran dalaman dalam sesuatu prosiding tatatertib supaya sesuatu siasatan dapat diselesaikan dengan segera.

Seksyen baru 103EB pula bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kos yang boleh diperintahkan oleh mahkamah jika Lembaga Tatatertib memutuskan bahawa sesuatu aduan atau permohonan adalah remeh dan menyusahkan. Ini adalah untuk menghalang mana-mana pihak daripada membuat aduan yang tidak berasas atau tanpa alasan yang menyebabkan kesusahan dan keaiban yang tidak perlu kepada anggota profesion undang-undang.

Fasal 20 pula bertujuan untuk meminda seksyen 107 [*Akta 166*] untuk memperuntukkan bahawa pendengaran di hadapan Mahkamah Tinggi hendaklah di hadapan seorang hakim dan untuk meminda subseksyen (5) untuk menjadikan selaras dengan perkataan dalam subseksyen 103EA(5).

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, fasal 21 mengandungi peruntukan kecualian dan peralihan kepada tempoh jawatan Pengerusi dan ahli Lembaga Tatatertib yang dilantik sebelum permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan ini. Fasal ini juga memperuntukkan bagi peruntukan peralihan prosiding tatatertib yang belum selesai di hadapan Lembaga Tatatertib dan rayuan tatatertib menurut seksyen 103E, sebelum permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan fakta-fakta yang saya telah kemukakan tadi, adalah jelas bahawa pindaan Akta Profesion Undang-undang [*Akta 166*] adalah satu keputusan yang wajar dan sejajar dengan peredaran dan juga keperluan masa kini.

Pindaan ini khususnya yang berkaitan dengan liberalisasi sektor perundangan adalah perlu bagi Malaysia kerana ia akan memberikan pulangan yang lumayan sama ada dari segi kewangan, reputasi dan juga prestij di mata dunia. Kerajaan juga ingin menegaskan bahawa meski pun dengan adanya pindaan ini yang membolehkan kemasukan firma-firma guaman asing dan peguam-peguam asing beramal dalam amalan yang dibenarkan sahaja, kita masih memerlukan khidmat peguam-peguam tempatan yang akan menerajui perkhidmatan perundangan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Luar Negeri II [Datuk Richard Riot anak Jaem]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Sebelum kita meneruskan perbahasan kita pada pagi ini, Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya ingin memperingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sesiapa di antara Yang Berhormat yang ingin membahaskan rang undang-undang ini, sila hantarkan nama kepada saya supaya senang saya mengatur masa.

Buat setakat ini, saya hanya menerima tiga nama dari di antara Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin dan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin juga Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader. Yang Berhormat yang lain itu, sekiranya Yang Berhormat ingin turut serta sila hantarkan nama kepada saya dengan secepat mungkin. Terima kasih ya.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin untuk berbahas. Silakan Yang Berhormat.

12.28 tgh.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang [Akta 166] 1976.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan pindaan rang undang-undang ini yang saya anggap tepat pada masanya dalam usaha kerajaan untuk meliberalisasikan proses undang-undang di negara ini termasuk meningkat kepakaran dan pengkhususan profesion undang-undang.

Pindaan rang undang-undang akta profesion rang undang-undang ini adalah tepat pada masanya khususnya sebagai usaha transformasi profesion undang-undang di negara ini.

Pindaan rang undang-undang kali ini adalah begitu menyeluruh dan komprehensif meliputi pelbagai aspek tentang profesion undang-undang termasuk langkah proaktif bagi menjadikan dan memajukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa dan dasar membuka pintu profesion undang-undang kepada firma guaman asing untuk menjalankan amalan di negara ini melalui lesen perkongsian antarabangsa.

Pindaan rang undang-undang ini begitu komprehensif meliputi pindaan satu-satu seksyen seperti pindaan seksyen 37 dan seksyen 94 dan memasukkan bahagian baru iaitu Bahagian IVA yang merangkumi seksyen 40(a) hingga seksyen 40(O). Pindaan rang undang-undang ini memasukkan dua seksyen baru iaitu seksyen 92A dan seksyen 103(EA) dan (EB). Selain itu, pindaan rang undang-undang ini melibatkan penggantian seksyen 100.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang bahagian baru IVA yang meliputi seksyen 40(a) sehingga seksyen 40(O). Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana memperkenalkan peruntukan baru bagi membolehkan firma guaman asing menjalankan perkongsian dengan syarikat guaman tempatan.

Langkah ini saya percaya akan meningkatkan kepakaran pengamal-pengamal guaman negara ini. Selain itu langkah ini juga akan dapat menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam antarabangsa. Sehubungan dengan itu saya berpendapat seksyen 40C yang diperkenalkan berhubung dengan jawatankuasa pemilihan amatlah dialu-alukan. Bagaimanapun saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan kriteria dan kelayakan dua orang ahli Bar Malaysia yang akan menjadi ahli jawatankuasa pemilihan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan penggantian seksyen 100. Dengan seksyen yang baru mengenai siasatan permohonan atau aduan kepada Lembaga Tatatertib mengenai kelakuan mana-mana peguam bela dan peguam cara atau mana-mana pelatih. Saya amat alu-alukan penggantian seksyen ini bagi mempercepatkan proses menimbangkan merit aduan. Sebelum ini kita dapati tindakan terhadap aduan salah laku peguam bela atau peguam cara terlalu lambat diambil menyebabkan orang awam menanggung pelbagai masalah, terutamanya yang melibatkan pecah amanah wang pinjaman perumahan.

Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan peguam yang telah diambil tindakan atas kesalahan salah laku dan bilangan peguam yang masih dalam siasatan untuk tindakan atas kesalahan salah laku. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh klien atau pelanggan kerana salah laku peguam kerana pecah amanah, wang deposit atau wang amanah pelanggan dalam pinjaman perumahan dan sebagainya. Apakah langkah kerajaan bagi melindungi pelanggan dan orang awam ini? Apakah langkah bagi mengatasi atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh orang awam?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong pindaan seksyen 94 yang memasukkan peruntukan bahawa peguam bela dan peguam cara yang melakukan apa-apa salah laku boleh dikenakan satu atau lebih penalti seperti dipotong dari daftar digantung daripada menjalankan amanah bagi satu tempoh tidak melebihi lima, membayar denda tidak melebihi RM50,000 dan ditegur atau dicela. Pindaan seksyen ini amatlah penting bagi memastikan tindakan yang segera diambil bagi menjaga kepentingan awam. Saya ingin mencadangkan agar hukuman yang lebih berat dikenakan kepada peguam bela dan peguam cara yang salah laku seperti merampas harta mereka yang diperolehi melalui usaha salah laku.

Tindakan ini adalah wajar bagi memastikan hak pelanggan atau klien dilindungi sepenuhnya. Orang awam bergantung kepada peguam bela dan peguam cara bagi melaksanakan tindakan secara adil. Akan tetapi jika ibarat harapan pagar, pagar makan padi maka tindakan yang lebih adil dan lebih keras perlu diambil di atas peguam bela dan peguam cara yang memahami dan mendukung undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan proses penyelesaian pertikaian di luar mahkamah melalui timbang tara dan pendamaian yang semakin mendapat tempat pada masa kini, memandangkan kes mahkamah yang banyak dan mengambil masa. Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah KLRCA atau *Kuala Lumpur Regional Centre of Arbitration* dan MMC iaitu *Malaysian Mediation Centre*, telah berjaya menyelesaikan pertikaian di luar mahkamah dan seterusnya mengurangkan kes-kes yang perlu di bawa ke mahkamah. Apakah langkah kerajaan bagi memperkasa dan memartabatkan KLRCA, MMC ini supaya menjadi badan yang berperanan penting dalam menyelesaikan pertikaian di rantau Asia.

Saya akhirnya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas pindaan rang undang-undang ini dan yakin bahawa pindaan ini bukan sahaja untuk menjaga kepentingan profesion undang-undang tetapi untuk menjaga kepentingan orang awam demi keadilan undang-undang negara ini. Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin. Silakan.

12.35 tgh.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah mengorak langkah yang bijak dan tidak lagi menoleh ke belakang dalam meningkatkan mutu dan perkhidmatan sektor perundangan negara dengan meminda Rang Undang-undang Profesion Undang-undang ini. Saya percaya sebagai rakyat Malaysia sememangnya kita akan perolehi pelbagai manfaat dari proses liberalisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri adakah betul dakwaan pembangkang bahawa dengan tertubuhnya Akademi Undang-undang nanti mereka ini akan dapat menandingi kuasa atau *authority* yang telah diberikan selama ini kepada Majlis Peguam Malaysia. Pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, penubuhan akademi ini tidak akan memberikan kesan kepada Majlis Peguam Malaysia kerana penubuhan ini adalah demi kebaikan negara. Saya dimaklumkan bahawa Akademi Undang-undang ini terdiri daripada mereka yang mengambil jurusan undang-undang tetapi tidak mempraktikkan amalan guaman. Kita maklum bahawa mereka ini terdiri daripada cendekiawan undang-undang...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua mohon mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Yang Berhormat saya mohon penjelasan tentang dikatakan tadi dakwaan pembangkang sebab saya hendak tahu pembangkang yang mana? Selama ini kami tidak dengar pun tentang soal pembangkang mempersoalkan Akademi Undang-undang, yang ada ialah persoalan dari *Bar Council*. Saya hendak tahu daripada pembangkang yang mana? Itu sahaja.

Datuk Chin Su Phin: Seluruh pembangkang yang saya sebut.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuduhan rambang sahaja, ini sekadar tuduhan rambang sahajalah..., begitu?

Datuk Chin Su Phin: Okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudahlah Yang Berhormat, teruskan.

Datuk Chin Su Phin: Kita maklum bahawa mereka ini terdiri daripada cendekiawan undang-undang dan sehubungan dengan itu dengan tertubuhnya akademi ini mereka boleh menyumbang pendapat, idea serta cadangan yang secara langsung dapat memberikan satu momentum kepada pembangunan dan kemajuan institusi perundangan negara kita. Pada perhatian saya tidak ada peluang untuk pihak pembangkang menyuarakan kerisauan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai proses liberalisasi hanyalah mencakupi Semenanjung Malaysia sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri kenapa Sabah dan Sarawak tidak di liberalisasi sekali? Bukankah Sabah dan Sarawak juga sebahagian daripada Malaysia? Di mana perginya semangat 1Malaysia yang diuar-uarkan oleh Perdana Menteri kita? Apakah terdapat halangan tertentu ataupun perkara tertentu yang memerlukan pertimbangan daripada pihak kerajaan dalam memastikan proses ini mencakupi seluruh Malaysia? Adakah adanya konsultasi dengan peguam-peguam dan Persatuan Peguam Sabah? Saya harap dalam penjelasan konkrit daripada Yang Berhormat Menteri.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan firma guaman asing ini, saya percaya bahawa sedikit sebanyak ekonomi kita akan berkembang dengan bertambahnya pelabur-pelabur luar dan kerajaan juga dapat memperoleh pendapatan melalui cukai dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya, berapakah anggaran daripada Kementerian mengenai pendapatan dan peluang pekerjaan yang bakal kita peroleh.

Saya juga ingin bertanya berapakah jangkaan pegangan ekuiti asing dan ekuiti tempatan yang diperoleh apabila firma ini mulai menyediakan perkhidmatannya yang dibenarkan oleh Majlis Peguam Malaysia.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Adakah pada masa sekarang kerajaan ada melaksanakan sistem rating kepada pengamal undang-undang dan firma-firma yang melaksanakan pentadbiran undang-undang dalam negara kita sekiranya tiada. Apakah pada pendapat kerajaan perlunya dilaksanakan perkara ini. Saya ingin menjelaskan bahawa bukan semua rakyat Malaysia arif dalam memilih mana-mana peguam atau firma yang bagus untuk mewakili mereka.

Saya juga berpendapat, pada masa kini terdapatnya keperluan untuk mewujudkan sistem rating dan sistem ini juga akan melahirkan ramai peguam hebat dan setanding dengan peguam-peguam asing yang bakal datang ke Malaysia suatu hari nanti.

Perkara ini terbukti apabila kerajaan di Singapura telah memperkenalkan sistem ini dan hasilnya mereka dapat melahirkan ramai peguam hebat dari kalangan pengamal undang-undang di sana. Saya juga kurang jelas mengenai satu perkara ialah dengan datangnya peguam asing ini, apakah bahasa yang akan menjadi medium pengantara antara mereka dengan pihak mahkamah di Malaysia. Adakah semua daripada mereka sudah menguasai Bahasa Kebangsaan dan apakah penguasaan bahasa ini menjadi syarat asas kepada mereka untuk menjalankan aktiviti guaman di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya maklum bahawa sebelum ini kedatangan peguam-peguam asing ke negara kita hanyalah melalui perintah mahkamah dan dengan kebenaran Peguam Negara melalui sijil penerimaan masuk khas dan setakat yang saya maklum bahawa proses liberalisasi undang-undang ini hanyalah terpakai kepada beberapa sektor dan perkara sahaja. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri adakah kes-kes besar seperti kes salah laku seperti penggubalan wang haram dan sebagainya yang disiasat di luar negara yang membabitkan rakyat Malaysia. Adakah Peguam Negara yang telah dilantik untuk mengendalikan kes ini masih memerlukan sijil-sijil penerimaan masuk khas dari Peguam Negara.

Apakah terdapat keperluan untuk membenarkan peguam-peguam ini menyoal siasat suspek dengan prosedur yang tidak terlampau ketat dan tanpa kerenah birokrasi yang terlampau menekan sehinggakan mereka ini merasakan seolah-olah Kerajaan Malaysia ingin memberikan perlindungan tertentu kepada suspek terutamanya golongan-golongan VVIP dan ternama.

Ini secara langsung akan memberikan gambaran buruk terhadap aspek perundangan di Malaysia. Saya juga berhasrat untuk mengetengahkan isu-isu yang berkaitan rasuah di mana banyak kes yang dilihat memakan masa yang agak lama untuk didakwa. Saya menghormati segala undang-undang dan Perlembagaan Malaysia dan saya maklum bahawa tugas Peguam Negara sebagai ketua pendakwa raya adalah menentukan sama ada sesuatu kes itu harus diteruskan atau tidak atau dengan kata lain sama ada seseorang itu akan didakwa ataupun sebaliknya dan ia telah termaktub dalam perlembagaan. Saya ingin meminta penjelasan kenapa kebanyakan kes-kes rasuah besar ini sukar untuk didakwa.

Apakah halangan yang dihadapi oleh Peguam Negara untuk mendakwa mereka ini? Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya, sampai bilakah kes-kes rasuah di Malaysia ini hanya akan didakwa apabila mendapat keizinan Peguam Negara. Apakah pandangan kerajaan mengenai perkara ini dan adakah kerajaan merasakan sudah tiba masanya untuk memberikan sepenuhnya kuasa kepada SPRM dalam menyiasat seterusnya mendakwa mereka yang terlibat dalam kes jenayah yang melibatkan rasuah.

Apakah perlembagaan perlu dipinda untuk memastikan sepenuh kuasa ini diberikan kepada SPRM dan bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan prosedur proses penukaran kuasa ini. Kita maklum bahawa rakyat sekarang sudah mula muak dengan berbagai-bagai kes rasuah yang dilaporkan tetapi tindakan masih tidak diambil ataupun ditanggung begitu lama. Masyarakat sekarang mendesak untuk membuat transformasi mengenai perkara ini dan mereka juga sudah bijak menilai dan menentukan sama ada sesuatu kes itu sengaja ditangguhkan atas dasar menjaga kepentingan tertentu ataupun sebaliknya. Saya percaya bahawa sekiranya kes-kes rasuah yang membabitkan rakyat Malaysia ini dikendalikan sepenuhnya oleh SPRM, banyak kes rasuah terutamanya kes-kes besar akan dapat diselesaikan dan sekali gus memberikan kesan positif kepada indeks rasuah di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sampai di sini sahajalah perbincangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Dia tiada? Seterusnya Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim Kader. Silakan, Yang Berhormat.

12.48 tgh.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Timbalan Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012. Tujuan rang undang-undang ini adalah untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976. Tidak dapat dinafikan bahawa Majlis Peguam tidak mempertahankan tujuan asal Akta Profesion Undang-undang 1976 tetapi kini lebih cenderung dalam penglibatan dengan kegiatan politik. Contoh yang sangat ketara ialah peristiwa yang telah mencemarkan nama negara kita iaitu peristiwa Bersih. Yang malangnya ialah Majlis Peguam sendiri yang telah bersetuju dengan draf *Freedom of Assembly Report* yang dibuat oleh SUHAKAM pada tahun 2001.

Pihak SUHAKAM telah bercadang bahawa hak untuk *assemble* boleh diberi tetapi perhimpunan harus diadakan di tempat yang dikhaskan oleh kerajaan. Kini mereka melanggar persetujuan mereka sendiri walaupun dua orang *commissioner* yang mendraf laporan SUHAKAM itu tiada lagi iaitu Tan Sri Harun Hashim dan Datuk K. Pathmanaban akan tetapi bekas ketua *commissioner* masih ada seperti juga Profesor Dr. Mehrun Siraj. Kenapakah mereka yang juga merupakan peguam terlatih tidak mahu tampil ke depan dan mengatakan apa yang benar.

■1120

Oleh yang demikian, kita harus ada satu badan yang baru yang akan mempertahankan kebenaran dan tujuan asal Majlis Peguam yang tidak berunsur politik.

Selain daripada yang di atas, ramai peguam yang tidak mahu praktis atau mengamal tidak berapa minat dengan Majlis Peguam yang ada sekarang. Mereka mahu satu lagi badan yang akan menjaga kepentingan mereka ini.

Pindaan rang perkara 40B(2) berkaitan lesen di mana jumlah yang dikenakan hanyalah RM100,000. Jumlah ini haruslah dinaikkan kerana ada firma yang merupakan perkongsian dengan firma guaman daripada negara lain. Perkara 40F pula adalah satu perkara yang *forward thinking*, dengan izin, kerana Brunei dan Singapura juga telah mengamalkan ini dari dahulu lagi. Dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Silakan Yang Berhormat.

12.51 tgh.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada kementerian yang telah mengeluarkan rang undang-undang ini.

Saya menyokong tujuan untuk meliberalisasikan profesion undang-undang, namun ada perkara yang khusus dalam rang undang-undang ini, yang saya ingin bangkitkan iaitu, di dalam perkara fasal 40H. Apakah tindakan terhadap individu ataupun syarikat ataupun GLC, badan berkanun yang menggunakan khidmat peguam asing yang tidak mempunyai lesen? Perkara yang ini banyak berlaku sekarang dan masih berlaku di mana syarikat-syarikat ini mengguna khidmat peguam asing yang tidak berlesen. Di dalam RUU ini tidak membawa masuk kesalahan rakyat kita yang mengguna peguam tanpa lesen. Rang undang-undang ini hanya mengikat peguam-peguam tempatan di bawah Majlis Peguam Negara.

Kedua ialah Jawatankuasa Pemilihan di dalam menentukan ekuiti pegangan peguam asing di Malaysia. Tidak ada satu garis panduan pun untuk menentukan bagaimana jumlah ekuiti itu ditetapkan. Apakah ciri-ciri yang mereka perlu ada? Kita juga mesti ada had iaitu siling pegangan, maksimum yang peguam asing boleh pegang.

Walaupun begitu, ada juga peguam-peguam tempatan, rakan-rakan luar yang bersungut. Bagi syarikat-syarikat kecil dan sederhana akan mendapat saingan yang sangat hebat daripada firma-firma dari luar negara. Namun saya mohon menyokong tetapi janganlah sampai bila dilaksanakan dikatakan kera di hutan disusui dan anak di rumah mati kelaparan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

12.54 tgh.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 15 Mei tahun ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan bahawa satu cadangan untuk menubuhkan sebuah akademik undang-undang untuk menggantikan tempat Majlis Guaman Malaysia. Jadi saya hendak minta penjelasan Menteri, apakah kedudukan pada masa ini? Adakah ini akan menjadi satu realiti ataupun ini hanya untuk mengugut *Bar Council*? Saya harap penubuhan ini tidak berlaku sebab ini akan memberi satu *reaction* yang negatif perguaman di Malaysia ini dari pandangan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu satu serangan yang berlaku kepada para kehakiman dalam tahun 1988. Malaysia masih bergelut untuk memulihkan kehakiman bebas daripada serangan ini dan ada juga banyak tuduhan-tuduhan mengenai rasuah, berat sebelah di kalangan hakim-hakim.

Pada masa ini, satu *index transparency national* menunjukkan bahawa Malaysia berada di kedudukan yang ke-52 di dunia untuk kebebasan kehakiman. Ini satu kedudukan yang tidak baik untuk negara kita. Ada banyak negara yang lebih baik daripada kita. Walaupun kita ada satu sejarah yang baik dari segi kebebasan kehakiman tetapi tahap kita sekarang ialah telah diturun hingga kedudukan 52. Jadi saya minta Menteri, apakah kerajaan akan buat untuk memperbaiki kedudukan kita di peringkat antarabangsa? Apakah kerajaan akan lakukan untuk menaikkan ranking kita?

Ada juga beberapa *uncertainty lately*, kedatangan peguam asing ke negara iaitu bagaimana sebuah undang-undang asing berkelayakan untuk skim undang-undang asing iaitu bagaimanakah mereka dipilih? Adakah secara usaha sama ataupun firma asing mengupah perkhidmatan tempatan ataupun firma asing mengupah orang asing kerja sini? Bagaimana mekanismenya?

Dalam tahun 2000, Singapura juga meliberalisasi profesion undang-undang dan mereka pun mengalami banyak masalah. Adakah kita pelajari daripada pengalaman mereka? Apakah pengajaran daripada kelemahan ataupun *weakness* daripada mereka?

Di sini juga saya juga ingin mengemukakan bahawa sebenarnya kita meliberalisasikan profesion undang-undang sebab kita hendak membangun *Islamic finance*. Jadi kalau fokus ialah *Islamic finance*, kenapakah kita meliberalisasikan seluruh perguaman di Malaysia? Adakah perikatan yang lain atau *agreement* yang lain kita sudah janji? Harap Menteri boleh jawab.

Satu lagi perkara saya kena kemukakan di sini ialah di sini menunjukkan satu perkembangan *international* iaitu mungkin kita perlu *expertise* daripada luar negara untuk praktis ini iaitu mengenai *currency transaction* dan juga *Islamic finance* dan juga mengenai isu teknologi dan sebagainya. Adakah sekolah undang-undang kami, adakah mereka mengubah *syllabus* bahawa mereka mengeluarkan peguam-peguam yang boleh mengatasi *the new development*? Jadi, adakah perubahan-perubahan di buat di sekolah-sekolah undang-undang bahawa kita boleh mengalami *globalization* iaitu peguam-peguam yang akan keluar daripada sekolah-sekolah undang-undang, mereka *equipped* dengan *the new realities*?

Satu lagi perkara saya hendak bangkitkan ialah walaupun kita liberalisasi perguaman di Malaysia, adakah juga ini termasuk perguaman di negeri sabah dan Sarawak ataupun mereka seperti biasa, hanya di kalangan seluruh Malaysia sahaja perubahan dibuat?

Harap Menteri boleh memberi penjelasan bahawa adakah Sabah dan Sarawak berinteraksi di dalam perubahan ini ataupun mereka seperti biasa sahaja iaitu mereka tidak ada liberalisasi di kalangan mereka?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sungguh mencemburui kita Yang Berhormat. Waktu telah menunjukkan tepat pukul satu. Jadi saya kena tangguhkan Dewan ini sekarang hingga pukul 2.30 petang nanti. Yang Berhormat boleh sambung lagi petang nanti, ya. Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kita sambung semula membahaskan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang. Dalam giliran yang ada di dalam rekod di sini ialah Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan, so Yang Berhormat dipersilakan.

2.32 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya baru sahaja berucap bahawa negeri Sabah dan Sarawak juga turut terlibat dalam liberalisme ini, itulah yang saya sebutkan tadi, jadi saya sambung di situ. Tuan Yang di-Pertua, meliberalisasi perguaman ialah satu jangka masa yang panjang, kita tidak boleh berpatah balik selepas liberalisasi, jadi apakah *recourse* kepada perguaman-perguaman tempatan? Jika ini tidak diusahakan akan banyak akibat, adakah terdapat apa-apa *recourse*, adakah mekanisme untuk syarikat-syarikat tempatan untuk menuntut *justice* yang bersesuaian dengan mereka. Jadi, adakah kerajaan menyediakan mekanisme *recourse* untuk syarikat guaman yang mendapat kerugian ataupun yang telah diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mempunyai laporan dalam surat khabar bahawa ada beberapa kes di mana pelabur luar negeri mahukan perbicaraan dilakukan di luar daripada Malaysia kerana mereka tidak mempunyai kepercayaan kepada sistem kehakiman di negara kita. Apakah yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengubah atau menukarkan fikiran mereka bahawa sistem kehakiman kita juga bertaraf tinggi dan sistem kehakiman kita mempunyai kebebasan untuk membuat keputusan tersendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya hendak sentuh ialah bagaimana komitmen perguaman asing diukur, adakah mereka akan menyokong kedaulatan undang-undang, keadilan dan kebebasan awam yang perlu diambil serius oleh guaman Malaysia iaitu Majlis Peguam Malaysia. Adakah mereka akan turut menjadi ahli kepada guaman Malaysia ataupun mereka diketepikan dan adakah mereka akan mengambil bahagian dalam perbincangan apabila ada apa-apa kontroversi atau apa-apa isu yang berlaku di Malaysia, di mana Majlis Peguam mengambil peranan yang penting, peranan yang dalaman. Adakah peguam-peguam asing akan turut mengambil bahagian dan bagaimanakah mereka akan menunjukkan sokongan kepada kedaulatan negara kita?

Satu lagi perkara Tuan Yang di-Pertua ialah, *Legal Aid Bureau*. Guaman tempatan telah mengambil bahagian dalam *Legal Aid Bureau*, mereka juga memberikan sumbangan dari segi perkhidmatan. Adakah guaman asing juga dikehendaki memberikan sumbangan kepada *Legal Aid Bureau*, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat.

2.36 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merasa tidak layak untuk bercakap secara *detail* mengenai pindaan-pindaan, pindaan *required*, tetapi izinkan saya memberikan pandangan secara umum tentang perubahan ini kerana banyak perkara yang saya dapati masih kabur. Apabila kita menyebut tentang liberalisasi tentulah kita harus jelas apa maknanya. Biasanya liberalisasi ini dikaitkan dengan pasaran, market. Apabila diadakan pasaran yang *liberalized* berertiilah diketepikan segala peraturan, *regulation* ataupun segala sekatan ataupun *restriction* dan dalam keadaan itu, pasaran itu tidak di campur tangan oleh pihak pemerintah sangat. Jadi, berbalik kepada soal undang-undang ini, saya ingin tahu bagaimana akan diketepikan peraturan-peraturan dan sekatan-sekatan sama ada dari segi penentuan hakim, siapa yang akan menaikkan pangkat dan sebagainya dan juga bagi menentukan kebebasan kehakiman itu sendiri.

Ini saya rasa adalah perkara yang penting, yang telah disebutkan tadi oleh dua tiga orang yang lain kerana dalam suasana sekarang ini kepercayaan terhadap kehakiman itu boleh dikatakan sudah terhakis dan bererti apa yang perlu dilakukan bagi memulihkan keadaan kehakiman itu supaya dihormati bukan sahaja oleh rakyat tetapi juga masyarakat di dalam dan di luar negeri akan dapat berlaku. Kita dapati bahawa dalam soal ini, lebih ditumpukan kepada soal kemasukan peguam-peguam dari luar negara. Terdapat dua kemungkinan. Satu ialah kemasukan secara menyeluruh, kedua ialah kemasukan secara terhad ataupun *partial*. Sekiranya kemasukan peguam itu dalam bidang liberalisasi itu menyeluruh bermakna mereka tidak terbatas untuk mengambil bahagian ataupun menyertai dalam proses perundangan ataupun pengamalan undang-undang di dalam negara. Ini, boleh menimbulkan beberapa akibat yang buruk.

Dalam keadaan yang sepenuhnya iaitu menyeluruh itu, bererti peguam atau syarikat guaman dari luar boleh – bukan sahaja bekerjasama dengan syarikat tempatan yang mereka hendak bekerjasama bahkan juga mengambil peguam-peguam tempatan untuk bekerja dengan mereka. Jadi, kedudukan mereka bukan sahaja kedudukan yang kuat dari segi pengalaman dan kemahiran mereka tetapi juga dengan penyertaan yang kukuh daripada peguam-peguam yang hendak bekerjasama dengan mereka. Biasanya mereka yang bekerjasama itu mungkin mempunyai kelayakan yang baik dan ini menimbulkan masalah *competition* atau persaingan.

■1440

Persaingan memang satu perkara yang baik dan boleh menimbulkan pencapaian ke taraf lebih tinggi. Pengalaman yang terdapat daripada luar itu memang satu perkara yang baik tetapi *competition* juga ada akibat yang buruknya kerana dalam satu persaingan yang kurang adil kita dapati bahawa yang kecil atau lemah akan menjadi mangsa yang besar atau kuat. Bukannya misal kata dalam lumba lari umpamanya boleh berlaku ini ataupun dalam *boxing*, tetapi misalnya dalam keadaan pasaran sekarang ini di mana kita dapati syarikat-syarikat besar, *malls* yang besar, banyak mengalahkan ataupun memangsakan yang kecil dan sederhana tutup. Bahkan ada tempat-tempatnya juga peniaga-peniaga kecil tempatan akan hilang kedudukannya.

Jadi kita harus pertimbangkan apakah yang perlu dilakukan. Saya agak tertarik bahkan merasa senang juga kerana nampaknya bukanlah secara keseluruhannya berlaku kedatangan atau kemasukan peguam-peguam ini. Ini kerana ada penentuan dan ada pemilihan yang akan ditetapkan oleh suatu badan di mana majlis peguam pun mengambil bahagian. Akan tetapi dalam pada itu pun kita masih mempunyai masalah. Satu sebab atau satu rasional untuk mengadakan peluang bagi peguam-peguam luar ini untuk bekerja di tempatan ialah kononnya berdasarkan *reciprocity* iaitu timbal balik.

Memang benar peguam-peguam Malaysia boleh pada teorinya bekerja di England. Akan tetapi pada praktiknya adalah jauh lebih susah bagi mereka berbuat demikian. Jarang-jarang sekali peguam tempatan dapat diterima untuk beramal di England melainkan mereka sudah bekerja di sana dan mempunyai syarikat sendiri atau mempunyai syarikat yang bersama-sama dengan yang lain.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa dalam proses liberalisasi ini, ada pengalaman-pengalaman yang telah dilalui oleh negara-negara lain. Yang terkenal di antaranya terutama sekali ialah Jerman dan Jepun. Jerman dengan agak mendadak pada tahun 1988 telah membuka amalan guaman mereka kepada orang asing. Apa yang berlaku ialah timbul penentangan yang kuat daripada peguam-peguam Jerman dan penentangan itu ada asasnya kerana dari mula lagi mereka dapati bahawa kedudukan mereka di Jerman, peguam-peguam Jerman mulai terhakis. Akhirnya didapati bahawa perundangan di Jerman boleh dikatakan didominasi oleh peguam-peguam daripada Britain dan Amerika.

Ini berlainan sedikit dengan Jepun. Jepun tidak melakukan secara mendadak begitu bahkan mereka mengambil masa 17 tahun sebelum mereka menerima sepenuhnya proses liberalisasi itu. Kesannya kepada mereka tidaklah sebesar kesannya di Jerman. Kita dapati di sini bahawa Korea pun mengamalkan sikap yang agak progresif beransur-ansur ini dan mereka mengambil masa lima tahun untuk menyelesaikan langkah mereka menerima peguam-peguam asing itu.

Dalam lima tahun itu mereka dapat sesuaikan mana yang baik dan mana yang tidak. Jadi soal yang timbul di sini ialah mengapakah tidak kita mengambil masa yang lebih panjang untuk beransur-ansur melakukan dasar liberalisasi ini? Dengan cara yang mendadak yang kita lakukan, maka kita bimbang banyak perkara-perkara yang kurang baik akan berlaku. Akan tetapi saya harap perkara ini sudah dibincangkan dan sudah dijelaskan di antara kerajaan dengan majlis peguam kerana walaupun majlis peguam pada mulanya kurang bersetuju dengan liberalisasi ini akhirnya mereka memberikan kerjasama. Saya harap ada sebab-sebab yang baik mereka memberikan kerjasama tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa hal yang lain yang saya rasa perlu disebutkan juga secara umum iaitu peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat peguam dari luar itu. Bagaimana mereka dapat menyesuaikan dengan kehendak-kehendak dasar kebangsaan umpamanya ataupun dasar kepeguaman itu sendiri. Tadi telah disebutkan tentang sama ada mereka akan menyertai umpamanya aktiviti-aktiviti seperti bantuan guaman. Akan tetapi bagi saya dan sudah tentu saya bagi setengah-setengah orang lain yang selalu menimbulkan soal bahasa di sini ada satu soal yang pokok iaitu berhubung penggunaan Bahasa Malaysia dalam institusi guaman.

Telah menjadi dasar pemerintah misalnya untuk mengembangkan penggunaan bahasa kebangsaan bukan sahaja dalam bidang guaman tetapi juga bidang-bidang yang lain. Sekiranya berlaku keadaan di mana peguam-peguam luar menguasai suasana guaman dalam negara maka kita akan dapati bahawa cita-cita untuk mencapai dasar mengembangkan dan memperkukuhkan amalan guaman itu dalam bahasa kebangsaan akan menjadi perkara agak tercicir.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua - dua perkara yang akhir iaitu satu disebutkan tadi bahawa liberalisasi ini akan mendatangkan keuntungan. Akan tetapi dikatakan juga bahawa liberalisasi itu tidak akan dilakukan di Sabah dan Sarawak.

Adakah ini bererti kita tidak mahu Sabah dan Sarawak juga mendapat keuntungan daripada cara liberalisasi itu, dengan peguam-peguam luar memberikan pengalaman mereka kepada tempatan sebagai mana yang kita lakukan di Semenanjung ini? Kalau misalnya kita tidak mahu bererti kita mengesampingkan keadaan di Sabah dan Sarawak itu. Pada satu masa kita hendakkan liberalisasi dan pada satu masa kita tidak tawarkan di Sabah dan Sarawak. Bahkan ada sekatan bagi peguam-peguam Semenanjung untuk kedua-dua negeri itu.

Satu lagi ialah tentang perkara yang disebutkan tadi, iaitu kita akan mendapat peluang kemahiran daripada luar. Ini memang benar. Jadi soalnya kalau kemahiran itu tidak ada, apakah yang kita lakukan di sini. Disebutkan tadi dari awal bahawa kemahiran yang diperlukan ialah kemahiran terutama sekali dari segi perbankan Islam. Ini menunjukkan seolah-olah kita menerima bahawa kemahiran peguam-peguam dalam perkara-perkara perbankan Islam itu lebih banyak dipunyai oleh peguam-peguam dari luar.

Soalnya, adakah kita akan melatih banyak lagi peguam-peguam di sini supaya ada pakar dalam soal perbankan Islam? Adakah universiti-universiti akan membuka mata pelajaran dan menjalankan kursus-kursus dengan tidak payah misalnya dipaksa oleh pihak pemerintah.

Jadi kalau misalannya bidang yang baru ini dapat dibuka bukan sahaja kita akan mempunyai pakar-pakar bahkan kita akan memberikan peluang pekerjaan peguam-peguam tempatan. Sekiranya berlaku kompetensi di mana kuat peguam-peguam dari luar akibatnya ialah nanti banyak peguam tempatan terutama sekali lagi yang muda-muda akan tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan dan tidak dapat beramal sebagai peguam.

Jadi yang demikian bukan sahaja kita harus timbangkan di antara keuntungan yang boleh diperoleh, faedah yang boleh diperoleh daripada peguam-peguam dari luar itu, dengan akibatnya terhadap latihan dan peluang pekerjaan bagi terutama sekali peguam-peguam muda dalam syarikat-syarikat yang kecil atau sederhana. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah

■1450

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah memberi saya peluang membahaskan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan utama pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang ini adalah untuk membenarkan proses liberalisasi perkhidmatan guaman dengan membenarkan kemasukan firma guaman asing untuk menjalankan amalan guaman di Malaysia. Ia selaras dengan keputusan kerajaan yang diumumkan pada 22 April 2011, meliberalisasikan 27 sektor perkhidmatan yang merupakan komponen penting dalam perdagangan antarabangsa bagi negara maju dan negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita agak lambat dibandingkan dengan negara Singapura yang telah pun melaksanakan dasar ini lebih awal iaitu sejak tahun 2000. Sektor perkhidmatan keseluruhannya dijangka akan memberi lebih peluang pekerjaan kepada pekerja mahir dan berpendidikan yang semakin meningkat. Dilaporkan bahawa sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak RM195 bilion pada tahun 2009 dan jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara meningkat dari 55.2 peratus kepada 57.4 peratus pada tahun 2010.

Penyediaan perkhidmatan undang-undang telah dikenal pasti sebagai satu sektor perkhidmatan yang mempunyai potensi untuk terus berkembang dan yang boleh meningkatkan daya tahan ekonomi negara kita. Malah dasar liberalisasi yang dilaksanakan oleh kerajaan yang meliputi profesion undang-undang ini signifikan dalam memastikan kita dapat mencapai objektif Model Ekonomi Baru yang boleh menjadikan Malaysia lebih berdaya saing dan maju.

Manakala sektor perkhidmatan undang-undang ini sangat signifikan dan berpotensi untuk berkembang maju berdasarkan perkembangan transaksi sekarang bersifat global merentasi sempadan. Bukan sahaja melibatkan komoditi kewangan, perkhidmatan dan lain-lain, sektor perkhidmatan perundangan boleh meningkatkan ekonomi dengan menarik lebih ramai pengamal undang-undang antarabangsa untuk beroperasi di Malaysia.

Dasar liberalisasi profesion guaman ini juga akan melengkapkan usaha kita untuk terus membangunkan negara kita sebagai hab kewangan Islam dirantau ini dan sektor perkhidmatan kewangan khususnya perbankan Islam telah dilihat sebagai sektor yang sangat penting bagi pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Di samping itu juga, dasar ini pastinya akan meningkatkan lagi profesion. Sejak dahulu lagi seorang bergelar peguam di Malaysia hendaklah mempunyai kelayakan tertentu dan diiktiraf untuk terima masuk dan didaftar sebagai peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaysia. Mereka yang tidak memenuhi kelayakan tersebut tidak dibenarkan beramal di sini. Malah peguam cara dan peguam bela dari Sabah dan Sarawak juga perlu memenuhi kelayakan tertentu sebelum mereka dapat beramal di Semenanjung Malaysia.

Dengan dasar terbuka ini, akan berlaku perubahan meski pun situasi ini boleh memberi kesan positif dan negatif kepada pengamal undang-undang tempatan. Namun, kita percaya secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi profesion guaman tempatan melalui lesen perkongsian antarabangsa firma guaman asing berkelayakan juga firma guaman tempatan juga akan dibenarkan untuk menggunakan khidmat peguam asing tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pindaan ini saya ingin merujuk kepada skop penglibatan pengamal asing di negara kita. Setakat manakah mereka boleh mengamalkan undang-undang kita dan adakah pengamal undang-undang asing ini dihadkan skop amalan mereka kepada undang-undang tertentu? Adakah dengan pindaan ini, firma guaman asing yang memberikan perkhidmatan undang-undang dalam undang-undang asing seperti tersebut dalam fasal 4 bermakna kemasukan undang-undang asing ke Malaysia dalam hal ini? Adakah kita mempunyai persediaan dari segi prasarana yang efisien dan mencukupi? Mohon penjelasan Menteri.

Seterusnya fasal 4 rang undang-undang ini bertujuan memasukkan tafsiran di bawah seksyen baru 40A ini memberi ruang yang luas kepada Majlis Peguam mengadakan peraturan sendiri bagi kemasukan firma asing ke negara ini. Saya ingin bertanya, adakah kerajaan menyediakan garis panduan ataupun mekanisme tertentu bagi memastikan pelaksanaan liberalisasi perkhidmatan guaman ini mencapai matlamat dan hasrat kerajaan bagi rujukan kepada Jawatankuasa Pemilihan?

Seterusnya berkenaan dengan perkongsian antarabangsa. Seksyen 40F dalam pindaan ini membenarkan firma guaman tempatan mengadakan perkongsian antarabangsa dengan firma antarabangsa. Adakah kerajaan bercadang menyediakan mekanisme yang boleh mengehadkan liabiliti dalam sesuatu perkongsian sebagaimana yang diwujudkan di Singapura untuk firma-firma guaman beroperasi. Saya juga ingin menyentuh tentang penggunaan bahasa dalam rang undang-undang ini. Merujuk kepada seksyen 40C(4), seksyen 40D nampaknya perkataan "*ad-hoc*" diguna dan di tempat lain silih ganti. Jadi saya berpendapat kiranya lain kali diberi perhatian tentang penggunaan bahasa agar lebih menekankan bahasa Melayu dan hendaklah konsisten penggunaan bahasanya.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya adakah kerajaan menyediakan insentif tertentu kepada pengamal undang-undang tempatan dalam meningkatkan profesion guaman mereka agar mereka mampu bersaing dengan pengamal undang-undang antarabangsa sama ada dari segi kewangan ataupun peningkatan profesion? Hasrat kita adalah sejajar dengan dasar liberalisasi profesion undang-undang ini dan juga mencapai matlamat memperkasakan peguam atau pengamal undang-undang di negara kita dan memartabatkan profesion kita terhadap ke tahap yang lebih tinggi.

Selain kemasukan pengamal asing ini memberi impak kepada sistem ekonomi, diharap mereka juga membawa bersama sistem teknologi '*know-how*' yang membantu profesional kita meningkatkan tahap dan standard kualiti mereka. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Saiful Izhah Ramli.

2.58 ptg.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut membahaskan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini yang sebenarnya ada dua perkara besar yang dipinda dan kesannya. Pertamanya berkaitan tentang dasar liberalisasi profesion perundangan itu sendiri. Kedua ialah tentang soal pindaan terhadap peruntukan tindakan tatatertib kepada pengamal-pengamal perundangan. Saya hanya ingin menyentuh kepada satu aspek sahaja iaitu aspek liberalisasi dan kesannya kepada profesion perundangan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa pindaan ini adalah pindaan yang boleh memberikan impak yang besar kepada masa depan hala tuju industri perundangan negara. Kalau kita tengok dari segi latar belakang Tuan Yang di-Pertua, ianya pertama kali diumumkan, dinyatakan secara tidak langsung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri semasa beliau membentangkan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada 10 Mac 2009 yang menyatakan Malaysia akan membenarkan sehingga lima firma antarabangsa yang *top*, yang tertinggi dengan kepakaran tertentu dalam bidang kewangan Islam antarabangsa untuk beroperasi di Malaysia.

■1500

Firma ini katanya ketika itu hanya dibenarkan untuk beroperasi memberikan khidmat perundangan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, memang betul kita secara asasnya menyokong sekiranya itu menjadi sasaran dan tumpuan. Kita melihat bahawa hari ini perkembangan industri atau perkembangan institusi kewangan antarabangsa yang berteraskan Islam semakin hari semakin melebar. Ia berubah daripada satu sistem ke satu sistem yang lain mengikut perkembangan semasa.

Liberalisasi ini secara asasnya memang kita akui mampu untuk membolehkan penukaran ataupun *transfer of skills*, dengan izin, dan teknologi perundangan luar yang boleh dimanfaatkan di negara ini. Kita juga melihat bahawa ianya membolehkan atau membuka ruang kepada Malaysia supaya pekerja luar anak Malaysia yang bekerja di luar negara di firma-firma perundangan di luar, terutamanya di United Kingdom, pulang dan bekerja mewakili firma-firma guaman seperti ini yang sebenarnya menyebabkan aliran keluar wang negara berkurangan.

Sekarang ini pun sudah ada Tuan Yang di-Pertua. Negara kita mengambil khidmat ataupun anak-anak guam di Malaysia mengambil khidmat perundangan dengan firma di luar negara. Akan tetapi masalahnya ialah fi yang dibayar berjuta-juta ringgit itu keluar negara. Jadi, kita anggap langkah ini baik daripada satu aspek. Akan tetapi daripada satu aspek yang lain ialah kita meminta agar kerajaan mengkaji semula peruntukan liberalisasi ini yang membenarkan firma asing ini berdiri sendiri tanpa melibatkan gabungan dengan firma tempatan.

Kita mendengar contoh yang berlaku di Singapura contohnya. Katanya di Singapura bila berlaku liberalisasi, banyak perkara yang baik berlaku. Kalau kita baca jurnal-jurnal Singapura dan laporan-laporan di Singapura, sebaliknya berlaku. Pada peringkat awal bila berlaku liberalisasi, banyak berlaku pertembungan antara peguam-peguam tempatan dan peguam antarabangsa yang tidak mahu bekerjasama menyalurkan pengetahuan mereka kepada peguam-peguam tempatan. Bahkan, ada firma luar negara yang berdiri sendiri, *standing alone*, tidak mahu mengambil peguam tempatan, mengambil hampir keseluruhan peguam-peguam luar negara. Ini mengakibatkan berlaku pertembungan yang sangat besar di Singapura ketika itu, ketika peringkat awal.

Langkah yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura selepas membenarkan liberalisasi ialah memperkenalkan perkara baru. Apa yang berlaku di Singapura Tuan Yang di-Pertua ialah Singapura memperkenalkan apa yang dipanggil sebagai *Qualifying Foreigner Law Scheme* (QFLF). Ini bagi mengatasi masalah yang berlaku ini. Tidak berlaku JV ataupun percantuman antara firma-firma guaman. Bermakna peguam luar negara hendak masuk berkhidmat ataupun memberikan khidmat di negara ini atau di negara Singapura ketika itu, mereka harus lepas dahulu ujian kelayakan. Dia tidak boleh masuk macam itu sahaja. Mentang-mentang dia keluar daripada Cambridge ataupun Oxford, tidak bermakna dia boleh berkhidmat dan beramal di sini. Kita yang dahulu belajar di luar negara pun, balik kena lalui proses yang sama.

Jadi, kita hendak firma-firma luar negara ini harus mampu dinilai dahulu prestasi mereka. Nama besar tidak semestinya kepakarannya hebat. Kadang-kadang firma yang kecil pun, ada kepakaran yang hebat. Ini berlaku di Malaysia. Tidak semestinya firma itu besar walaupun dari segi bilangan peguamnya besar.

Tuan Yang di-Pertua, di Singapura, bila skim ini diperkenalkan bagi mengatasi masalah liberalisasi yang tidak dikawal pada peringkat awal, kita lihat kesannya terhadap sumbangan kepada GDP Singapura sendiri berlaku dengan pantas. Kalau tahun sebelum diperkenalkan, sumbangan GDP nya sekitar 4.2 peratus sahaja tetapi setahun seterusnya meningkat kepada 4.3 peratus. Sejak ianya dibuka juga, berlaku pengambilan ataupun kemasukan peguam-peguam tempatan untuk berkhidmat di firma-firma tersebut dan ini mengakibatkan firma-firma yang *standing alone* ini menjadi agak *redundant*.

Kita juga minta kerajaan untuk meneliti semula bidang amalan yang akan dibenarkan. Di Singapura Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak ambil pengalaman Singapura, dia ada had dia. Dia ada had dia. Saya berharap ianya hanya terhad setakat ini kepada sektor kewangan Islam antarabangsa, tidak meliputi keseluruhannya. Di Singapura hadnya firma guaman yang *standing alone* ini ataupun kadang-kadang JV pun Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh terlibat dalam litigasi tempatan. *Civil* atau *criminal litigation*. Tidak boleh terlibat dalam urusan tanah komersial, tidak boleh terlibat dalam urusan undang-undang tempatan. Hanya yang melibatkan urusan perundangan antarabangsa. Kalau hanya melibatkan itu, kita sokong sepenuhnya. Tidak ada masalah. Ini kerana kita yakin kerjasama ini boleh membuahkan hasil yang baik kepada bukan hanya peguam-peguam tempatan tetapi juga industri perundangan negara. Ia akan mempercepatkan proses kematangan industri perundangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita minta juga kerajaan teliti ialah bila berlaku kemasukan firma ataupun peguam asing ini, secara automatik kadar fi profesionalnya yang akan dikenakan turut bertambah. Ini akan membebankan klien atau anak guam di Malaysia. Kita juga minta kerajaan kalau bolehlah, kita perkenalkan dasar. Kita boleh buka liberalisasi, tidak ada masalah tetapi kita kenakan beberapa dasar bagi melindungi perkhidmatan perundangan tempatan. Antara yang kita boleh cadangkan kepada kerajaan ialah pertama, kerajaan mengamalkan dasar mengambil perkhidmatan firma guaman Malaysia dahulu. Tidak terus mengambil firma guaman luar negara untuk mendapatkan khidmat perundangan.

Yang kedua, pastikan berlaku kerjasama antara firma perundangan tempatan dan antarabangsa. Jadi, bila berlaku itu proses *transfer of technology* atau pengetahuan itu berlaku dengan secara automatik. Ia tidak ambil terus daripada UK datang Malaysia minta bantuan perundangan. Dia pun balik, bawa balik duit kita, maklumat ataupun ilmunya tidak disampaikan kepada peguam-peguam tempatan. Jadi, bila ada kerjasama itu secara paksaan dengan mengenakan dasar tersebut kepada kerajaan atau mana-mana syarikat yang kerajaan punya kepentingan, saya yakin tidak ada masalah kalau sektor ini dibuka kepada firma antarabangsa.

Yang ketiga, kita hendak pastikan kalau dapat kerajaan bantu pastikan *talent pool of young lawyers actually*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak mengalir keluar dengan mendadak. Ini kerana faktor gaji ini yang akan ditawarkan mereka agak tinggi. Kita tidak mahu kita punya *the crème of legal students* terus bekerja dengan firma luar untuk tempoh atau jangka masa singkat. Kita hendak berlaku *sharing of knowledge* ini secara jelas, bukan hanya omongan di atas kertas. Kita banyak buka ruang kita kepada negara luar, syarikat-syarikat luar datang masuk Malaysia, ambil kesempatan terhadap *loophole* undang-undang. Akhirnya, *depa* keluar dengan harta kita, *depa* keluar dengan aset kita tanpa meninggalkan *transfer of technology* ataupun *knowledge* ataupun *skill*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga minta kerajaan kalau dapat ambil pertimbangan juga memikirkan satu bentuk bantuan atau geran melalui PEMANDU yang boleh disalurkan kepada Majlis Peguam bagi memastikan firma-firma luar negara ini bukan hanya datang memberikan khidmat perundangan tetapi datang juga dengan *social responsibility*. Kita katakan tadi, kita hendak *transfer of technology*, dengan izin, kita hendak *transfer of skills*, kita hendak perkongsian maklumat dan ilmu tetapi kalau tidak kita paksa mereka buat, mereka tidak akan buat.

Kalau ada geran seperti itu boleh dipertimbangkan oleh kerajaan, disalurkan melalui PEMANDU melalui Majlis Peguam, kita boleh buat program memastikan berlaku bengkel atau *workshop* yang berterusan supaya ilmu mereka itu sampai kepada peguam-peguam muda kita.

■1510

Kita juga ingin mencadangkan kepada kerajaan bagi membantu pada masa yang sama kita bawa masuk firma luar negara tetapi kita tidak bantu firma kita sendiri.

Saya cadangkan juga kalau boleh difikirkan *fiscal incentive*, insentif secara fiskal kepada syarikat-syarikat guaman tempatan dari segi *double deduction on taxation* dengan izin, terhadap segala *expenses* yang dikeluarkan untuk program-program menambah ilmu kepada peguam-peguam tempatan. Kalau kita biar begitu sahaja, kita bantu satu pihak, kita tidak bantu anak tempatan dia jadi macam kera di hutan disusukan, anak di pangkuan kita buat tidak tahu sahaja. Kita hendak bangun industri kita. Memang kita hendak *expertise* luar. Akan tetapi kita mesti bantu pada masa yang sama syarikat-syarikat guaman kita di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga minta kerajaan untuk memastikan pemantauan yang teliti kepada firma luar negara kerana kita tahu apabila mereka membawa masuk projek-projek besar perundangan yang besar dari segi guaman akan dapat kepada mereka atas dasar *expertise* atau kepakaran mereka sedangkan di Malaysia sebenarnya ada kepakaran cuma namanya tidak besar. Saya tahu kerana ramai juga kawan-kawan saya yang kerja di luar negara. Balik tidak dapat kerja, kerja di firma luar negara kerana kepakaran mereka tidak dapat dimanfaatkan di dalam negara sedangkan kepakaran itu diperlukan.

Jadi bila kerajaan cari dalam Malaysia tidak ada, kerajaan cari firma luar negara. Manakala yang datang buat kerja itu anak Malaysia sendiri. Ini berlaku Tuan Yang di-Pertua. Kes-kes ini berlaku dan benda ini bukan benda yang agak pelik akan terus berlaku sekiranya kita membuka ruang yang terlalu luas atas nama liberalisasi perdagangan.

Kejayaan atau pengalaman Singapura kita harus teliti dan ambil berat. Banyak sumber rujukan kalau Timbalan Menteri perlu saya boleh bantu kerana ini soal masa depan negara. Soal perundangan negara ini bukan soal yang kecil. Ia bukan soal politik *per se*. Ia soal tentang masa depan negara. Kalau dahulu Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang sistem perundangan kita diperlekehkan. Berlaku masalah kontrak antarabangsa yang ditandatangani di Malaysia dengan syarikat tempatan. Akan tetapi bila hendak selesai ambil mahkamah Singapura. Hendak buat arbitrase, ambil arbitrase Singapura. Oleh kerana apa? Oleh kerana imej.

Kita hendak juga kalau boleh kerajaan pastikan struktur kehakiman negara, sistem perundangan negara juga terus diperbaiki. Bukan hanya perkhidmatan itu sendiri. Kita tidak mahu nanti semuanya dibuat di sini tetapi bila berlaku perbalahan, bila berlaku masalah dalam kontrak yang ditandatangani oleh kerajaan dalam sistem perundangan Islam antarabangsa, mereka pilih lagi Singapura.

Kita hendak perkara itu diselesaikan dalam negara. Masalah negara Malaysia diselesaikan dalam negara Malaysia. Bukan dibincangkan di Singapura atau dibincangkan di *London*. Oleh kerana itu prasarana kehakiman negara harus diperkukuhkan bukan hanya profesion perguaman ini. Tidak mengapalah. Itu sejarah lama Tuan Yang di-Pertua. Kita boleh *go forward*. Kita boleh ke hadapan lagi tetapi mesti ada perkara-perkara yang berlaku seiring bukan hanya satu pihak sahaja tetapi keseluruhannya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita berharap program liberalisasi ini berlaku secara jangka masa panjang. Kita tidak mahu ianya hanya semata-mata untuk jangka pendek sahaja. Akan tetapi matlamat akhir kita ialah kepakaran luar ini termasuk dalam negara. Tidak terus masuk dan dibawa keluar tanpa ada sekatan atau limitasi-limitasi tertentu hingga mengakibatkan syarikat-syarikat guaman dalam negara hanya melihat dan hanya seolah-olah 'melukut di tepi gantang'.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu mereka yang dijemput dalam negara ada partisipasi yang ada batasannya. Jangan semuanya diambil. Jangan lagi selepas ini kita buka ruang kita bagi alasan kononnya sistem undang-undang tanah negara juga perlu bantuan peguam luar. Kita buka lagi cukup dengan perkara-perkara yang melibatkan soal antarabangsa.

Kita ada terlalu ramai peguam dalam negara ini tetapi ruangnya agak kecil. Kebanyakannya ruang kerja dimonopoli oleh syarikat besar yang sudah bertapak di luar negara. Jadi kita minta kerajaan fikirkan perkara itu juga. Jangan nanti kita punya dengan izin, *the best legal brain of our country* keluar negara. Keluar lagi kerana tidak ada sistem sokongan bagi membantu perkembangan firma-firma guaman tempatan.

Saya ingin menyentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua kerana tadi beberapa kali disebut oleh teman-teman berkenaan dengan Majlis Peguam Negara. Cadangan untuk menubuhkan satu badan alternatif yang dinamakan sebagai Akademi Undang-undang. Satu cadangan bagi saya boleh difikirkan tetapi harus juga diberikan pertimbangan yang serius. Jangan kerana setiap kali Majlis Peguam mengemukakan resolusi yang bertentangan dengan pendirian kerajaan, kita marah dan kita ugut hendak buat lagi. Ini bukan pertama kali. Ini sudah dua kali sebelum ini.

Kalau hendak buat, buat betul-betul. Kalau hendak buat tidak perlu buat benda yang baru. Pinda sahaja lagi akta ini. Tidak ada masalah. Kalau kita hendak juga kepimpinan Majlis Peguam mengikut sangat segala apa yang kerajaan rasa betul, kita pinda. Kita buat contohnya pindaan kepada klausa siapa yang boleh memimpin majlis peguam. Kita letak di situ yang boleh memimpin majlis peguam ini sama ada:

- (a) tidak boleh menjadi ahli mana-mana parti politik; atau
- (b) hanya menjadi ahli parti politik yang berkaitan dengan kerajaan.

Kalau kita hendak buat. Kalau kita hendak kawal. Akan tetapi kalau kita kawal, apa pandangan negara luar kepada kita? Dalam resolusi yang dikeluarkan, 12 resolusi yang diluluskan pada awal tahun ini, kalau kata ramai sangat peguam yang hendak buat alternatif *Bar Council* ini, yang hadir ke Mesyuarat Agung Luar Biasa ialah seramai 1,270 orang. Manakala yang menyokong usul ini 939 orang, yang berkecuali ramai dan yang menolak hanya 16 orang. Tidak ada ruang yang ditutup untuk perbincangan. Semua orang bercakap secara terbuka. Demokrasi. Tidak ada masalah. Akan tetapi akhirnya bila undi itu suara demokrasi. Sama juga dengan amalan demokrasi di Malaysia. Banyak juga kenyataan Majlis Peguam yang menyokong kerajaan. Itu tidak pernah di *highlight* ataupun..

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh tanya?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Boleh.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tahu berapa ramai ahli..

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Peguam.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Peguam di Malaysia dan Ahli Majlis Peguam? Dua. Satu ahli, satu lagi Ahli Majlis, *Bar Council*.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Ahli Majlis Peguam kalau tidak silap saya di sekitar 16,000 orang. Akan tetapi kepimpinan Majlis Peguam kalau tidak silap saya sekitar 36 orang yang dipilih melalui proses pengundian secara terbuka.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi Majlis Peguam itu tidak cermin suara majoriti peguam. Betul?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya rasa Yang Berhormat agak salah faham.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan salah faham. *You* salah faham.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Bila Majlis Peguam memanggil Mesyuarat Agung Luar Biasa, setiap Ahli Majlis Peguam dipanggil, yang 16,000 lebih semua dipanggil. Yang hadir datang untuk berbahas dan mengundi. Manakala yang tidak hadir, tidak hadir. Ada yang menghantar sokongan mereka atau bingkisan mereka secara dokumentasi.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Akan tetapi Yang Berhormat majoriti ahli tidak suka, tidak sokong Majlis Peguam. Sebanyak 16,000 yang datang tidak sampai pun 1000. Ini tidak menggambarkan semua suara hati peguam di Malaysia. Betul?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya tidak boleh hendak bersetuju Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak bersetuju apa, *you...*

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Dia kalau macam...

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: 16,000 ahli..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Semua orang akan datang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: 16,000 di seluruh negara.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ya, betul.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tidak semua akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu. Duduk dahulu. Jelaskan. Saya hendak setiap kali seorang sahaja berdiri. Okey.

■1520

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa kita jemput Mesyuarat Agung Luar Biasa, tidak semua ahli-ahli pertubuhan akan datang. Yang boleh datang, datang. Yang rasa suaranya perlu didengar, didengar. Akhirnya pengundian berlaku pada mereka yang datang. Persoalan pemilihan kepimpinan berlaku seluruh negara melalui undi secara terbuka.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, jadi majoriti tidak sokong Majlis Peguam sebab 16,000 satu negara yang datang hanya 900 lebih sahaja, betul?... Tidak pandai hisabkah?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua saya rasa kita jangan putar belitkan kenyataan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bukan putar belit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Saya cuma jelaskan kedudukan fakta yang hadir pada hari itu adalah 1,270 orang. Yang mengundi menyokong resolusi ada 939 orang, ada 16 orang menolak dan ada yang berkecuali. Tidak ada halangan daripada mana-mana pihak untuk menyokong atau menyuarakan bantahan.

Tuan Yang di-Pertua: Faham, faham Yang Berhormat.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua bukan hari itu sahaja, bukan tahun ini sahaja. Sudah lama banyak tahun sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat okey. Biar saya bagi pandangan ya. Majlis Peguam ini ialah satu Majlis. Ia ada mesyuarat agung dan mesyuarat khas. Dalam sesuatu mesyuarat dipanggil itu bergantung pada semua jemputan kepada semua ahli yang jumlahnya adalah 16,000 lebih sekarang. Apabila dijemput untuk bermesyuarat, dia ada kuorum dia. Kalau kuorum itu cukup katakanlah 1000 lebih datang itu bermaknanya kuorum cukup mesyuarat boleh berjalan dan keputusan mesyuarat itu bergantung pada kehadiran pada hari itu dan apa sahaja kerana yang menjadi masalah sekarang ini ramai Ahli-ahli Majlis Peguam ini tidak hadir mesyuarat, Yang Berhormat. *That is the basic*, mereka tidak datang itu ada yang tidak menggunakan hak dia sebagai Ahli Majlis. *That is very simple system.*

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua saya faham dan tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Sekarang ini maknanya pihak Majlis Peguam keseluruhannya bermakna keputusan dibuat itu bukanlah suara majoriti tetapi disebabkan kesahihan mesyuarat itu mesti dianggap sah. Itu sahajalah pendirian.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua sebab itu saya suka untuk wujudkan majlis yang satu lagi, alternatif.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Yang Berhormat boleh cadang.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya cadanglah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Itu Yang Berhormat bila giliran Yang Berhormat nanti you cadangkan itu. Sekarang ini Yang Berhormat ini sedang berucap, kita benarkan dia berucap dahulu dan kalau ada minta mencelah sila kemukakan kita benarkan. So, berapa lama lagi Yang Berhormat?

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Sedikit lagi. Sudah hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Macam saya katakan tadi kerajaan tidak perlu untuk mengemukakan cadangan akademi undang-undang sebagai badan alternatif. Kerajaan boleh meminda Akta Profesion Perundangan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pandangan Yang Berhormat, *you* pandang Yang Berhormat, silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Okey, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu lagi berlaku seperti dahulu bila MTUC dikatakan tidak sealiran dengan kerajaan dikuasai oleh pembangkang, maka kerajaan tubuhkan MLO. Sekarang ini MLO ke mana? Jadi kita minta ambil perhatian tentang soal ini. Kalau ada kesalahan Majlis Peguam kita tegur secara terbuka tidak ada masalah.

Kalau perlu kita pinda untuk pastikan tidak ada ahli mana-mana parti politik menguasai kepimpinan Majlis Peguam kita pinda, tidak ada masalah. Kerana itu kita minta faham dan baca dahulu resolusi. Mungkin ada yang kita berkenan mungkin ada yang kita tidak berkenan. Jadi jangan kita tolak kesemuanya sebelum kita baca. Jangan baca daripada akhbar. Baca daripada sumber yang jelas.

Jadi Tuan Yang di-Pertua merujuk kembali kepada pindaan rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua saya mohon sekali lagi kerajaan dalam kita meluluskan rang undang-undang ini *certain prerequisite*, dengan izin, dan beberapa perkara yang boleh kita laksanakan untuk mengambil kira kepentingan firma guaman tempatan dan juga mengambil perkembangan profesion perundangan di negara ini dikuatkuasakan dan diperkenalkan. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman hendak berucapkah? Kalau hendak berucap nanti sila kemukakan nama selepas itu karang kalau Datuk ada fikir hendak mencadangkan apa-apa sila saya bagikan masa. Sekarang saya mempersilakan yang bagi nama di sini, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

3.25 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas kesempatan untuk saya memberi dua komen yang sebenarnya berhubung dengan akta ini. Sungguhpun saya bukan seorang peguam, macam Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar juga bukan peguam, kan? Lebih kurang.

Namun oleh sebab saya ini adalah salah satu daripada ahli profesion iaitu profesion yang diberi nama Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia. Baru sahaja dapat status "Diraja", yang diberi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor... [*Tepuk*]

Saya terpanggil untuk memberi beberapa komen. Yang pertama sekali, yang sebenarnya saya hendak komen berhubung dengan Majlis Peguamlah tetapi oleh sebab debat dua orang tadi saya ingat saya komen berhubung dengan kemasukan peguam-peguam daripada luar negara dahulu dan saya buat komen ini beralaskan kepada profesion-profesion lain. Memang kemasukan peguam-peguam daripada luar negara ini saya fikir akan memartabatkan dan memperluaskan serta memajukan profesion guaman.

Soalan yang saya hendak tanya ialah berhubung dengan ekuiti. Ekuiti syarikat-syarikat guaman. Memang kerajaan mempunyai dasar liberalisasi dan saya sokong 100 peratus termasuk liberalisasi profesion-profesion di seluruh negara. Profesion *architecture*, profesion *engineering* termasuk profesion juruukur. Profesion saya sendiri telah pun meliberalisasikan iaitu kita telah membuat akta di mana ahli-ahli ataupun *surveyor* daripada luar negara boleh datang ke negara ini dan membuat amalan *survey* ini. Akan tetapi apabila sampai kepada ekuitinya maka kita bukan terus-menerus bagi 100 peratus, hanya setakat 49 peratus. Akhir sekali apabila perkara ini telah maju dan telah dapat penerimaan oleh rakyat seluruhnya bolehlah boleh jadi kita akan terus memberi ekuiti 100 peratus.

Saya berkata demikian kerana saya tidak yakin bahawa syarikat-syarikat peguam kecil di negara ini akan tidak terlibat dengan liberalisasi ini kalaulah dibenarkan ekuitinya dipegang 100 peratus oleh peguam-peguam asing. Katakanlah syarikat guam di London yang mempunyai hampir 200 tahun umurnya, *paid-up capital* 100 juta Pound datang sini, memanglah - dia hendak belanja lima juta Pound senang sahajalah. Dia datang ke sini bawa ahli-ahli guaman yang luar dan saya fikir ini akan melibatkan syarikat-syarikat guaman di negara ini yang mempunyai saya fikir 16,000, banyak *lawyer* ataupun ahli-ahli guaman sini yang memangnya pakar dan tidak menggunakan dan tidak harus menggunakan peguam-peguam daripada luar negara.

Jadi saya harap peguam-peguam tempatan fikirlah berhubung dengan ekuiti ini, kerana kita tidak mahu negara kita ini dipenuhi oleh peguam-peguam daripada luar negara. Dan lagi *reciprocal* seperti yang disebut oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

■1530

Kalau kita hendak praktis di negara lain, memang undang-undang ada tetapi boleh atau tidak, pergi ke Australia misalannya? Ada lah beberapa orang sahaja yang berjaya. Jadi saya fikir kawan-kawan kita yang profesion guaman ini patut memikirkan berhubung dengan *equity participation* daripada guaman dari luar negara.

Kedua, saya hendak komen berhubung dengan Majlis Guaman. Di dalam profesion lain, *architecture* misalannya, *engineering* misalannya, kita ada *professional body*. Kalau *architecture*, Pertubuhan Arkitek Malaysia. Kalau *engineer*, Pertubuhan *Engineer* Malaysia, mekanikal kah, *structure* kah dan sebagainya. Kalau dalam profesion juruukur, Pertubuhan Juruukur Diraja Malaysia. Selain daripada pertubuhan ini iaitu satu NGO, mereka boleh komen apa yang hendak dibuat pun. Akan tetapi untuk menjadi, mengamalkan profesion masing-masing, kita ada satu lagi badan dinamakan lembaga. Lembaga *Architecture*, Lembaga Juruukur yang ditubuhkan khas untuk menyenaraikan ahli masing-masing sebelum mereka itu dapat mengamalkan profesion masing-masing.

Jadi oleh sebab itu kita ada *Institute of Engineers* untuk menjadi ahli tetapi kita ada Lembaga Jurutera untuk menyenaraikan ahli-ahli. Akan tetapi nampaknya Lembaga Peguam ini hanya satu sahaja, *they can do all sort of things*, dengan izin. Mereka juga akan mengeluarkan *Certificate of Practice*. Maknanya kalau tidak jadi ahli, tidak boleh *certificate of practice*. Mengapakah kita tidak boleh tubuhkan lagi satu badan untuk *register* Lembaga ini? Kalau mereka hendak jadi ahli kepada yang ada sekarang ini, silalah. Kalau hendak pergi buat demonstrasi, buatlah sebab *you are* NGO tetapi praktis yang untuk mengamalkan profesion ini, saya fikir tiba masanya kita semua berfikir satu lembaga yang boleh menyenaraikan ahli-ahlinya sebelum mereka itu dapat mengamalkan *legal* profesion ini... [Disampuk]

Saya hendak minta Yang Berhormat Saiful bukan sokong sama, memikirkan perkara ini sebab saya fikir, satu, NGOnya, ahli-ahlinya kalau hendak masuk, masuklah tetapi ianya bukanlah memberi syarat kalau tidak jadi ahli tidak boleh hendak praktis.

Sepatutnya ada lembaga seperti profesion-profesion lain, bukan sahaja di negara ini, di negara Australia pun sama, ia ada *separate function* di antara dua badan. Satu untuk menjadi ahli untuk mengamalkan dan keduanya untuk mendaftar. Itulah sahaja saya punya komen Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat itu sungguhpun bukan dalam bidang profesion guaman tetapi Yang Berhormat selaku profesional telah dapat membezakan dan memberikan pandangan yang baik. Saya harap juga semua Ahli Yang Berhormat, sungguhpun Ahli Yang Berhormat tidak mempunyai latar belakang perundangan, kalau boleh bila ada rang undang-undang macam ini, *go into it*, boleh menyuarakan di Dewan yang mulia kerana Yang Berhormat lah yang menentukan dasar masa akan datang. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

3.35 ptg.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih dan selamat petang kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil peluang ini untuk menyentuh dua perkara, dua syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam pindaan ini.

Yang pertama, melalui pindaan ini kerajaan telah mewajibkan rakan kongsi kanan firma guaman asing itu berada di Malaysia untuk tempoh 182 hari. Yang ini untuk menjayakan pemindahan kepakaran antara peguam asing dan tempatan. Jadi Yang Berhormat Saiful jangan takut, kita ada peluang untuk- jangan takut, orang asing lebih pakar daripada kita, kita boleh belajar daripada mereka.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Boleh minta laluan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, boleh. Yang Berhormat setuju?

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih. Saya fahamlah dia bagi 182 hari. Saya harap Yang Berhormat tahu bahawa kalaulah arkitek luar negara hendak datang mengamalkan *architecture* ataupun *engineering*, dia sebelum boleh sain *certificate* kena berada sekurang-kurangnya dua tahun dan mesti lulus *interview* ataupun peperiksaan. Akan tetapi nampaknya kita begitu senang dalam profesion guaman ini, masukkan sahaja 182 hari. Saya fikir kalau saya hendak guna mereka pun, saya tidak guna itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, hendak sambung?

Dato' Lim Nget Yoon: Tuan Yang di-Pertua, syarat kedua iaitu sebelum firma guaman itu dapat lesen, ia mesti dapat persetujuan daripada Jabatan Peguam Negara kita. Jadi kedua-dua faktor itu sudah menjadi *safeguard* kepada kita.

Jadi dengan ini saya memang hendak ucap terima kasih kepada semua pihak yang terlibat untuk pindaan ini sebab untuk menjayakan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita iaitu transformasi. Jadi, untuk menjayakan transformasi itu, semua pihak kena *towards the same direction* seperti dia supaya negara kita boleh maju dan pergi ke tahap yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Saiful Izhah bin Ramli: Mohon laluan.

Dato' Lim Nget Yoon: Dengan ini, saya sokong pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat kali pertama cakap di dalam Dewan ini, baguslah itu *to start with*. Akan tetapi rasanya Yang Berhormat kena banyak belajar lagi. Dengan ikhlas saya katakan, *go into the substance* rang undang-undang ini supaya Yang Berhormat lebih lancar pada masa akan datang. Nampaknya permulaan pertama ini baguslah. So, Yang Berhormat Saiful tidak payah komenlah itu.

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Khairiah binti Mohamed. Ini pun seorang lagi yang baru sahaja angkat sumpah pagi tadi, saya hendak dengarlah ini, boleh sampai ke tahap Hajah Mumtaz tidak? Mari sama-sama kita dengar.

3.39 ptg.

Puan Khairiah binti Mohamed: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama-sama membahaskan sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang Akta Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012.

■1540

Jadi, sebelum kita membuka seluas-luasnya ruang kepada peguam-peguam daripada luar negara untuk turut bersama-sama di dalam profesion guaman di Malaysia, saya ingin memohon kepada kerajaan untuk melihat kepada beberapa aspek penting terutamanya daripada sudut persediaan peguam-peguam kita sendiri yang beramal di Malaysia, sama ada peguam yang sedang beramal di Malaysia ataupun pelajar-pelajar lulusan undang-undang di Malaysia. Saya mohon daripada sudut untuk mewujudkan golongan pengamal undang-undang di Malaysia yang lebih kompeten dan lebih berdaya saing, saya mohon kita melihat kepada tiga aspek penting.

Yang pertama, saya sebagai pengamal undang-undang, bilamana saya diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di mahkamah di semenanjung Malaysia, saya masih lagi perlu diterima masuk sekali lagi ke dalam mahkamah di Sabah dan Sarawak. Persoalan saya, adakah kita berada dalam dua ataupun tiga badan kehakiman yang berbeza sedangkan kita berada dalam satu negara yang sama. Di saat kita membuka ruang kepada peguam lain untuk beramal, 'berprofesion' guaman di Malaysia tetapi kita sendiri setelah diterima masuk di semenanjung Malaysia masih lagi terhad, tidak boleh beramal di Sabah ataupun di Sarawak.

Begitu juga sebaliknya, masih lagi perlu memohon permit kerja dan juga masih lagi perlu menjalani proses penerimaan masuk sebagai peguam bela dan peguam cara. Saya mohon kerajaan melihat perkara ini sebelum kita membuka seluas-luasnya ruangan untuk peguam lain untuk 'berprofesion' dan beramal di Malaysia. Jadi, jangan kita sekat ruangan peguam-peguam di Semenanjung untuk beramal di Sabah dan juga Sarawak. Itu yang pertama. Semoga bila peluang tersebut diberi, kompetensi kita akan lebih meningkat.

Yang kedua, berkenaan dengan pengiktirafan terhadap kuliah ataupun fakulti undang-undang di universiti di Malaysia sama ada di universiti swasta ataupun di universiti awam. Saya telah dimaklumkan terdapat beberapa universiti seperti di UUM dan juga di Universiti Multimedia, Melaka di mana bila pelajar-pelajar kita menduduki ataupun telah lulus di dalam fakulti undang-undang di institusi tersebut mereka masih lagi perlu menjalani kursus-kursus lain yang sebelum melayakkan menjadi peguam bela dan peguam cara. Adakah fakulti undang-undang ataupun jurusan undang-undang yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi kita masih belum diiktiraf sehingga perlu menduduki kursus lain?

Kita tidak nafikan sekiranya belajar undang-undang di negara luar, pelajar ini perlu menduduki CLP tetapi bila kita menjalani jurusan undang-undang di Malaysia adakah kita masih lagi perlu menjalani CLP? Bagi saya itu tidak wajar. CLP hanya diperlukan apabila kita menjalani kursus undang-undang di luar negara, bukan di Malaysia. Bila kita belajar undang-undang di Malaysia kita sudah pun boleh diiktiraf untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara dengan menjalani latihan dalam kamar selama sembilan bulan. Itu yang kedua.

Yang ketiga, antara latihan penting sebelum seseorang peguam ataupun pelajar jurusan undang-undang layak diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara ialah latihan di dalam kamar selama sembilan bulan di bawah penyeliaan seorang *master* ataupun peguam yang mengamalkan undang-undang tidak kurang daripada tujuh tahun. Sehubungan itu, dengan cadangan pindaan ini bagi mewujudkan pengamal undang-undang yang lebih kompeten, lebih berdaya saing maka saya mohon beberapa syarat ditetapkan kepada *master* ini kerana latihan ini sangat penting selama sembilan bulan. Bukannya orang sembarangan yang layak menjadi *master*. Perlu seorang peguam yang betul-betul berkelayakan dan berkemahiran.

Untuk menarik minat seseorang peguam yang betul-betul berkecayaan dan berkemahiran untuk menjadi *master*, perlu diberi insentif-insentif yang sesuai kerana tidak ramai peguam yang berpengalaman setuju untuk menjadi *master*. Jadi, kemungkinan bila diberikan insentif yang sesuai ramai peguam yang veteran, yang berpengalaman setuju untuk menjadi *master* bagi tujuan mendidik dan melatih peguam-peguam yang baru. Jadi, setakat itu tiga cadangan saya mohon penelitian dan untuk rang undang-undang saya sokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tengok Yang Berhormat ada kebolehan. Walau bagaimanapun, saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri mendengar itu, dia seorang peguam juga kerana akta ini akan melibatkan khususnya peguam-peguam dan saya duduk di sini saya tidak boleh komen. Walau bagaimanapun, saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat semua di bawah sana untuk mengemukakan, berhujah cara bijak dengan penuh bertanggungjawab sebelum rang undang-undang ini dapat diluluskan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Panjangkah Yang Berhormat? Ini pun peguam juga ini. Kalau dia boleh bercakap itu baguslah, kita dengar.

3.46 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sekejap sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tidak banyak, *insya-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama berbincang di dalam rang undang-undang ini yang sedang kita perbincangkan iaitu Akta Profesion Undang-undang 1976. Tuan Yang di-Pertua, memang saya bukan sebagai latar belakang undang-undang tetapi berminat dengan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat, silakan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Dalam pembentangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada dua fokus yang telah diberikan, yang saya ambil perhatian. Yang pertama, rang undang-undang ini ingin dipinda setelah mendapat persetujuan dan juga perbincangan dengan Majlis Peguam. Itu satu.

Yang kedua ialah kerana *Islamic finance* untuk *attract* orang luar datang ke sini supaya negara kita lebih maju dan lebih banyak dapat pertumbuhan kewangan dari sudut itu. Jadi, saya melihat dua perkara inilah yang sebenarnya rang undang-undang ini dikemukakan untuk pindaan. Saya juga melihat bahawa semua yang berbincang pada hari ini tidak ada yang membantah. Cuma mungkin ada sedikit sebanyak menaruh kebimbangan orang-orang kita akan terpinggir dan itu wajar diberi perhatian dan saya yakin dan percaya pihak kerajaan perlu ada mekanisme yang cukup supaya perkara yang dibimbangkan itu tidak berlaku.

Jadi, kita ingin memajukan masyarakat kita dan kita ingin membangunkan negara kita Malaysia yang kita sayangi ini, jangan sampai nama baik kita tetapi orang lain yang dapat hasil yang banyak. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menarik sistem kewangan Islam atau *Islamic finance* ini. Saya rasa Malaysia di antara negara yang terawal memperkenalkan pelbagai produk yang ada di dunia ini. Cuma dalam keadaan ini kadang-kadang kita di pintas oleh orang lain dan di sinilah saya melihat kita sebenarnya banyak memulakan hal-hal yang baru tetapi kita tidak ada satu penerusan yang sistematik sehingga kadang-kadang kita terkebelakang dalam hal ini.

Oleh kerana itu saya melihat apabila hal *Islamic finance* ini sebenarnya kita telah memulakan satu langkah yang baik dan ke hadapan namun apabila orang lain melihat hal ini mendapat keuntungan yang sangat banyak maka orang lain telah banyak membuat strategi sehingga mereka mengatasi kita. Ini saya mengharap kepada pihak-pihak yang terlibat supaya memberi perhatian yang serius, supaya kita sentiasa menjadi rujukan.

■1550

Apabila kita membuka hal ini semacam kita mengakui kita ada kelemahan. Kelemahan di mana orang-orang kita walaupun pakar tidak sepakar orang luar. Oleh kerana itu kita membuka ruang supaya mereka datang untuk memberi ilmu kepada kita dan pada waktu yang sama juga kita tidak menafikan mereka akan mendapat keuntungan. Jadi timbal balik itu ada, cuma apa yang perlu kita lihat di sini ialah apa pun kita hendak buat dalam hal ini akta yang kita hendak pinda ini saya yakin dan percaya ada satu *clause* yang saya belajar daripada pembentangan bengkel iaitu Yang Berhormat Menteri boleh mengistilahkan boleh mewartakan bila dia rasa sesuai.

Jadi, saya rasa hal ini perlu diteliti dan jangan terburu-buru. Saya rasa biar kita mempunyai persediaan yang cukup apabila orang luar datang dan kita tidak akan tertinggal dengan kedudukan yang ada. Dengan itu saya ucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah membuat bengkel itu. Saya ada maklumat yang bertambah. Oleh kerana itu juga saya tengok apa yang kita hendak bincang ini saya rasa semua orang bersetuju. Cuma dalam pelaksanaan tadi cuma kita perlu teliti dan hal-hal ini dari segi pentadbiran boleh diuruskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus, terima kasih Yang Berhormat. Inilah contoh-contohnya bahawa saya fikir agar semua Ahli Dewan Negara ini *must be very constructive and practical* dan seterusnya tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya bercadang hendak berbahas yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, perbekalan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ini Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah hendak berbahas, ganti saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah? Silakan.

3.52 ptg

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, sebagaimana pengakuan beberapa orang rakan tadi saya bukan seorang peguam. Akan tetapi setelah mendengar perbincangan dan setelah meninjau rang undang-undang ini, saya rasa kali tidak dapat memberikan pandangan-pandangan input-input yang bernas. Namun saya hanya berhasrat untuk mengemukakan beberapa kemusykilan saya sebagai orang yang memang mengaku tidak arif dalam bidang ini.

Kemusykilan yang pertama ialah pada halaman 7, dalam rang undang-undang ini dikatakan di sini bahawa, "*suatu firma guaman asing boleh memohon untuk suatu lesen firma guaman asing berkecualan jika ia memenuhi syarat-syarat yang Majlis Peguam fikirkan yang patut dikenakan dalam mana-mana hal tertentu*". Tidakkah ini kita memberikan satu kebebasan yang terlalu besar kepada Majlis Peguam untuk menentukan syarat-syarat itu? Kalau syarat-syarat itu ditentukan oleh Majlis Peguam sahaja dan kita dapati setiap sejak akhir-akhir ini berlaku kritikan-kritikan, kecaman-kecaman terhadap Majlis Peguam yang mempunyai kecenderungan memihak yang mempunyai kecenderungan *anti-establishment*.

Jadi kalau kita memberikan *license*, memberikan kebebasan atau memberikan kebenaran yang begitu luas kepada Majlis Peguam untuk meluluskan permohonan mengikut syarat-syarat yang mereka rasa perlu pada masa tertentu. Jadi kebimbangan saya kalau perkara ini akan disalahgunakan memikirkan kecenderungan majlis Peguam itu seperti kita lihat sejak akhir-akhir ini. Itu kemusykilan saya yang pertama. Oleh kerana itu barangkali tidakkah mungkin di samping Majlis Peguam itu difikirkan juga pihak-pihak lain untuk menimbangkan permohonan itu. Umpamanya, dekan-dekan atau pensyarah-pensyarah peguam di pelbagai universiti yang ada di negara kita ini di samping Majlis Peguam atau ganti kepada Majlis Peguam itu. Itu kemusykilan saya yang pertama.

Kemusykilan saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua ialah adakah agaknya dengan lulusnya pindaan ini nanti, dia akan menolong mempercepat proses penghakiman di negara kita ini? Tidak akan berlaku penangguhan yang berlarut-larut yang saya rasa merupakan satu cacat-cela dalam sistem kehakiman kita. Di mana berlaku penangguhan terutama umpamanya apabila seperti saya timbulkan dalam bengkel kelmarin, apabila mahkamah tinggi telah memutuskan sesuatu kes kemudian pihak yang didapati bersalah oleh mahkamah tinggi itu memohon untuk merujuk kesnya kepada mahkamah rayuan. Maka ada di antaranya yang memakan masa bertahun-tahun. Ini saya sendiri boleh memalukan negara kita sendiri. Saya sendiri dalam hal ini secara peribadi mendapat rasa malu juga.

Seperti mana yang pernah saya timbulkan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, dalam kes pembantu rumah Indonesia Nirmala namanya yang majikannya atau bekas majikannya kerana menganiaya dia dan hukuman telah dijatuhkan oleh mahkamah tinggi. Akan tetapi majikan yang didapati bersalah itu sampai sekarang masih lagi bebas menunggu keputusan mahkamah rayuan. Ini telah berlaku dua tahun yang lepas. Hal ini ditimbulkan sewaktu saya mewakili Parlimen mewakili Dewan Negara menghadiri mesyuarat *human trafficking* kalau tidak salah lebih kurang macam itu di Rompin kira-kira setahun yang lalu. Orang Indonesia menimbulkan, perwakilan Indonesia menimbulkan apa telah terjadi kepada orang Malaysia yang menjadi majikan kepada Nirmala yang didapati oleh mahkamah bersalah, sudahkah dihukum. Saya tidak dapat memberi jawapan.

Akan tetapi ternyata apabila saya balik memang masih belum ada hukuman yang tuntas terhadapnya semata-mata kerana masih lagi melalui proses rayuan yang memakan masa begitu lama. Jadi saya tidak pasti sama ada - sebab semangat daripada pindaan ini saya rasa Tuan Yang di-Pertua ialah bagaimana supaya proses penghakiman, proses pengadilan di negara kita ini dapat berjalan dengan licin dan lancar. Itu semangat daripada ini. Itu antara sebab kenapa kita meliberalisasikan peraturan ini. Akan tetapi dalam semangat yg sama juga kita harus lihat cacat-cela dalam sistem kehakiman dan sistem pengadilan kita yang lain, itu satu.

Kemudian sebagaimana juga kita perhatikan, sebagaimana kes yang berlarut-larut tahun lalu. Pihak tertuduh minta penangguhan kerana *lawyer* nya sakitlah, dia sakitlah, *lawyer* nya pergi *meeting* sehingga meleret-leret. Ini perbuatan meleret-leret seperti itu menghabiskan masa, menghabiskan sumber serta menghabiskan wang. Ini adalah satu pembaziran. Dalam Islam membazir itu berdosa ustazah? Jadi, ini yang berlaku perkara-perkara seperti ini saya rasa patut diberikan perhatian kita dalam kita menimbang pindaan ini. Pindaan ini bukanlah pindaan persis sahaja, pindaan ini mempunyai matlamat, mempunyai semangat mempunyai roh untuk memperlancar, untuk memastikan proses keadilan berjalan dengan lebih lancar.

Selain daripada memberikan kelonggaran kepada peguam-peguam asing beroperasi di negara kita ini, ada perkara-perkara lain yang patut kita pertimbangkan untuk mengatasi dua masalah yang saya timbulkan tadi, untuk mengatasi bagaimana supaya sistem mahkamah rayuan itu jangan disalahgunakan. Sistem penangguhan perbicaraan itu jangan disalahgunakan. Apa caranya? Inilah tiga kemusykilan yang saya hendak kemukakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh kerana tidak ada lagi ada ahli Yang Berhormat yang hendak berhujah, saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.59 ptg

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1600

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2012 ini.

Sesungguhnya saya amat menghargai dan juga mengambil perhatian terhadap semua pandangan, teguran, kritikan, saranan dan juga cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, saya akan hanya menjawab soalan-soalan yang berkaitan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang relevan sahaja mengenai rang undang-undang ini.

Pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang ini adalah amat perlu dan juga bertepatan agar satu usaha yang berterusan dapat dijalankan demi kepentingan institusi perundangan negara. Berdasarkan sepanjang sesi perbahasan yang bermula pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua, saya dapat merumuskan bahawa majoriti Ahli-ahli Yang Berhormat, *in fact* semua Ahli Yang Berhormat yang berucap, berpandangan positif terhadap rang undang-undang ini dan telah pun memberikan sokongan baik terhadapnya. Walau bagaimanapun, saya di sini ingin menjawab soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin yang telah membangkitkan isu berkenaan dengan kriteria pemilihan dua Ahli Bar Malaysia sebagai Ahli Jawatankuasa Pemilihan yang diperuntukkan di bawah Bahagian IVA di bawah seksyen 40(C) iaitu di bawah Jawatankuasa Pemilihan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan dua Ahli Bar Malaysia ini di dalam Jawatankuasa Pemilihan adalah bergantung kepada pengalaman mereka dalam menjalankan amalan dalam bidang amalan yang dibenarkan yang berkaitan dengan permohonan yang akan dilantik oleh Majlis Peguam Malaysia. Berkenaan dengan cadangan hukuman yang lebih berat kepada peguam yang didapati bersalah atas salah laku di bawah seksyen 94 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun tadi, kerajaan mengambil maklum cadangan oleh Yang Berhormat tersebut. Walau bagaimanapun setakat ini hukuman yang dicadangkan adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam cadangan pindaan kepada seksyen 94 rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan juga Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah pun membangkitkan beberapa isu yang sama. Pertama ialah isu berkenaan proses liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan yang akan dipraktikkan di Semenanjung Malaysia sahaja dan soalan ditanya kenapa tidak dilanjutkan kepada negeri Sabah dan juga Sarawak. Untuk makluman semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, Jabatan Peguam Negara dan juga Majlis Peguam sememangnya mengadakan perbincangan berterusan dengan *Sabah Law Association* dan juga *Sarawak Law Association* untuk menyelaraskan amalan undang-undang bagi seluruh negara secara keseluruhannya.

Saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, juga telah berjumpa dengan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Guaman Sabah dan saya difahamkan bahawa mereka pada dasarnya, pada mulanya tidak setuju dengan membukakan pintu mereka kepada peguam-peguam asing ataupun mengenai liberalisasi ini. Akan tetapi apabila mereka telah pun diberikan konsultasi oleh pihak Jabatan Peguam Negara dan juga Majlis Peguam dan juga daripada diri saya dan saya rasa mereka telah pun mengadakan mesyuarat di antara ahli-ahli jawatankuasa mereka bersama-sama dengan semua Ahli Persatuan Undang-undang di Sabah ini, mereka telah pun membuat satu keputusan yang mereka akan maklumkan kepada pihak Jabatan Peguam Negara dan juga Majlis Peguam.

Saya rasa kini bersedia untuk menerima perkembangan liberalisasi ini dan bagi pihak *Sarawak Law Association*. Saya juga difahamkan bahawa mereka telah pun mengadakan pandangan yang terbuka dan mereka akan bersama-sama dengan pihak rakan mereka di Persatuan Perundangan Sabah, *Sabah Law Association* untuk menentukan hala tuju mereka dalam perkara ini. Jadi daripada beberapa *consultation* yang telah pun diadakan oleh *stakeholder* yang saya sebutkan tadi, saya rasa bahawa akan ada satu *outcome* dengan izin, yang positif yang akan mendatangkan faedah kepada semua pihak.

Jadi seterusnya untuk makluman Yang Berhormat, walaupun seksyen 2 [*Akta 166*] memperuntukkan bahawa Akta 166 terpakai di seluruh Malaysia, namun setakat ini Akta 166 ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Peguam di Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada;

- (i) *Advocates Ordinance of Sabah* iaitu terpakai bagi peguam-peguam yang diterima masuk di Sabah sahaja; dan
- (ii) *Advocates Ordinance of Sarawak* iaitu Sarawak [*Cap. 110*] terpakai bagi peguam-peguam yang diterima masuk di Sarawak sahaja.

Tambahan lagi, seksyen 2 [*Akta 166*] memperuntukkan bahawa Akta 166 hanya akan terpakai di Sabah dan Sarawak dengan modifikasi yang bersesuaian dan tertakluk kepada perintah yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Dalam isu seterusnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin iaitu mengenai perbezaan dengan liberalisasi sektor perundangan di Singapura yang dikatakan tidak berjaya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Peguam dan juga Jabatan Peguam Negara dalam proses liberalisasi turut mengadakan perbincangan dengan firma-firma guaman asing yang telah menunjukkan minat untuk melabur dan juga membuka firma di sini.

Walau bagaimanapun, dalam menerima permohonan mereka, Jawatankuasa Pemilihan yang saya telah pun sebutkan tadi akan menimbang antara lain reputasi dan juga kepakaran mereka yang diperlukan. Juga terdapat beberapa kriteria-kriteria yang perlu dipertimbangkan di mana selepas kelulusan rang undang-undang ini pihak Majlis Peguam bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara akan mengadakan satu perbincangan untuk menggubal satu kaedah. So, kaedah ini akan menentukan banyak perkara di mana akan mengenal pasti bahawa perundangan yang diamalkan oleh firma-firma tempatan akan dapat dilindungi.

Jadi, kerajaan memang mengambil maklum akan hal perkara ini dan juga sememangnya telah membincangkan dengan Majlis Peguam dan rang undang-undang ini telah digubal dengan mengambil kira perkara-perkara ini. Jadi kerajaan berharaplah bahawa rang undang-undang ini akan dapat menjadi satu platform yang positif terhadap sektor perkhidmatan perundangan. Walau bagaimanapun, kesan sepenuhnya daripada liberalisasi sektor ini hanya akan diketahui selepas rang undang-undang ini dilaksanakan sepenuhnya.

Isu yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin ialah mengenai dengan berkenaan pegangan ekuiti asing di dalam perkongsian usaha sama di antara firma guaman asing dan juga firma guaman tempatan. Peratusan pegangan ekuiti ini di dalam perkongsian antarabangsa akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilihan dan akan diperincikan di dalam kaedah-kaedah dan juga peraturan-peraturan yang akan digubal yang saya katakan tadi selepas rang undang-undang ini diluluskan.

■1610

Isu juga dibangkit mengenai bahasa yang akan menjadi medium antara peguam asing dengan mahkamah di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, peguam-peguam asing yang dibenarkan beramal di Malaysia tidak dibenarkan membuat representasi di dalam mahkamah di Malaysia ini. Jadi oleh yang demikian, tidak timbul isu bahasa kebangsaan yang akan digunakan oleh peguam asing di dalam mahkamah.

Saya ingin juga menegaskan di sini bahawa terdapat banyak perkara perundangan di mana peguam asing ataupun firma asing yang telah pun diterima masuk di negara ini tidak boleh mengamalkan perkhidmatan seperti berikut, pertama perkara mengenai Perlembagaan dan *administrative law* dan juga isu-isu mengenai *convincing* ataupun hartanah yang melibatkan pindah milik hak milik tanah di negara ini. Peguam asing juga tidak boleh melibatkan perkhidmatan mereka dalam kes memberi pandangan, nasihat ataupun representasi dalam kes jenayah di negara ini. Ini juga termasuk dengan isu *family law*, *succession law* iaitu wasiat yang termasuk dengan wasiat ataupun *succession probate* dan *administration*, dengan izin.

Selain daripada itu, perundangan yang melibatkan amanah ataupun *trust law*, dengan izin, *in any case* di mana *the set law is un-individual*. Dalam perkara ini, peguam asing juga tidak dibenarkan.

Selain daripada itu, *retail banking including corporate dan commercial loans* atau *small and medium enterprises, legislation of patent and trademarks*, dengan izin, juga tidak dibenarkan dan selain daripada itu yang saya telah pun katakan tadi, mereka tidak dibenarkan untuk mengendalikan sebarang kes dalam mahkamah ataupun *pleading* dalam mahkamah mewakili seseorang klien dalam mahkamah Malaysia dan juga dalam *hearing* atau pendengaran *before a quasi judicial* ataupun *regulatory body, authority* ataupun tribunal di negara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terdapat banyak *area* di mana peguam asing yang diterima masuk ke negara ini tidak boleh mengamalkan praktis mereka dalam *area* yang saya sebutkan tadi. Akan tetapi perkara ini akan dirundingkan seterusnya bersama-sama dengan pihak Majlis Peguam dan juga Jabatan Peguam Negara untuk apabila mereka menggubal kaedah-kaedah praktikal nanti. Jadi, isu berkenaan dengan penerimaan masuk peguam asing melalui sijil khas yang di bawah seksyen 18, dan juga seksyen 28A dalam akta ini yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, ingin saya tegaskan bahawa cadangan ini iaitu seksyen 18 dan juga seksyen 28A masih lagi terpakai bagi kes-kes yang tertentu. Ini juga tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di bawah seksyen 18 dan juga seksyen 28A tersebut.

Tambahan lagi, cadangan liberalisasi ini tidak akan membenarkan peguam asing untuk menjalankan amalan seperti yang saya katakan tadi dalam bidang-bidang jenayah yang saya telah pun sebutkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit telah pun membangkitkan isu berkenaan dengan tindakan terhadap syarikat berkaitan kerajaan atau GLC atau badan-badan berkanun yang menggunakan khidmat peguam asing yang tidak mempunyai lesen. Untuk makluman Yang Berhormat, skop Akta 166 ini adalah untuk mengawal selia profesion undang-undang di Malaysia.

Jadi oleh yang demikian, peruntukan yang digubal di bawah seksyen 40H rang undang-undang adalah konsisten dengan skop ini di mana mana-mana firma guaman tempatan yang menggunakan khidmat peguam asing yang bersalahan dengan seksyen ini adalah melakukan kesalahan. Walau bagaimanapun, kerajaan mengambil maklum pandangan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi...

Tuan Saiful Izham bin Ramli: [Bangun]

Datuk Liew Vui Keong: Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany juga membangkitkan mengenai garis panduan berkaitan pegangan ekuiti peguam asing yang tidak dinyatakan dalam rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ada yang hendak mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Silakan.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma mohon sedikit penjelasan. Skop tugas Majlis Peguam ialah hanya berkaitan tentang soal penerimaan peguam bela dan peguam cara seluruh Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Skop penggajian seorang peguam di mana-mana firma, bukan firma guaman tetapi syarikat GLC, tidak termasuk di bawah skop akta ini. Boleh saya dapat sikit penjelasan?

Datuk Liew Vui Keong: Okey, seperti yang saya katakan tadi, skop Akta 166 ini adalah untuk mengawal selia profesion undang-undang di Malaysia. Kita dapat fahami bahawa semua peguam bela dan juga peguam cara akan menjadi ahli Majlis Bar Malaysia tetapi untuk mereka menjadi ahli seterusnya, mereka kena mengadakan *practicing certificate* yang sah yang dikeluarkan oleh Majlis Peguam. Jadi, peruntukan yang digubal di bawah seksyen 40H rang undang-undang ini saya rasa amatlah konsisten dengan skop apa yang ditanya oleh Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak *clarify*, dengan izin, sebab saya rasa ada yang terkeliru tentang soal peguam. Status peguam dan peguam bela dan peguam cara kerana ada yang menjadi peguam selaku penasihat undang-undang di sebuah syarikat. Itu tidak terlibat atau termaktub di bawah akta ini.

Yang termaktub di bawah akta ini ialah peguam bela dan peguam cara yang mana pengurusannya diberikan kepada Majlis Peguam Malaysia, sedangkan kata-kata yang saya tidak menjadi seorang peguam bela dan peguam cara, saya cuma bekerja dengan syarikat ASTRO, jadi saya tidak termaktub di bawah akta ini.

Jadi, saya minta kalau dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan kerana saya rasa ada lagi yang tidak berapa faham tentang fungsi dan peranan Majlis Peguam yang hanya terangkum di dalam akta. Sebab ada orang ingat Majlis Peguam ini semua orang dia jaga, asalkan nama peguam sedangkan dia cuma menjaga kepentingan dan hal ehwal peguam bela dan peguam cara.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Kita kena lihat daripada seksyen 43, Akta Profesion yang jelas mengatakan bahawa semua peguam bela dan peguam cara, dengan izin, *shall without election* ataupun *admission or appointment become a member of The Malaysian Bar* tetapi ia ada *subsequent* iaitu *shall remain a member until this section so long as he has a valid practicing certificate*. Jadi, ini terpakai kepada Yang Berhormat Senator di mana Yang Berhormat Senator adalah seorang peguam bela dan peguam cara tetapi bukan ahli *Malaysian Bar* kerana tidak memiliki satu amalan *certificate* yang sah yang keluar daripada pihak Majlis Peguam. Itu juga terkena dengan Tan Sri Yang di-Pertua di mana Tan Sri Yang di-Pertua juga seorang ahli *Malaysian Bar* tetapi tidak boleh mengamalkan praktis sebagai seorang peguam tanpa *practicing cert*.

Jadi, rang undang-undang ini hanya tumpu kepada mereka yang mengadakan *practicing certificate*. Itulah bezanya. Jadi dengan itu, saya juga ingin memanjangkan isu yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai akademi undang-undang yang telah pun dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi. Jadi, inilah kumpulan yang kita katakan seorang peguam bela dan juga peguam cara tetapi mereka bukanlah ahli *Malaysian Bar* oleh kerana mereka tidak memiliki *practicing cert* ataupun amalan *certificate* yang dikeluarkan.

■1620

Jadi, apakah yang kita kena buat kepada mereka ini seperti ramai Ahli Yang Berhormat sedia maklum kepada mereka yang menjadi pengamal undang-undang di universiti, *lecturer* ataupun kepada mereka seperti Yang Berhormat yang telah pun diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi Malaya. Akan tetapi selepas itu membuat keputusan untuk tidak mengamal sebagai peguam tetapi menjadi penasihat di bank atau di institusi-institusi berkenaan.

Jadi, mereka yang sebenarnya tidak ada satu persatuan akademi untuk berjumpa atau pun mengadakan satu perjumpaan, gabungan dan semua itu. Jadi akademi ini adalah bertujuan untuk menerima mereka yang bukan ahli *Malaysian Bar Council* ini tetapi mereka telah pun diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara. *It is quite complicated*. Mereka tidak boleh menjadi ahli *Malaysian Bar* kerana mereka tidak ada *practicing certificate*. Ramai yang berlaku kepada saya juga kerana saya telah pun menjadi anggota pentadbiran kerajaan.

Jadi dengan peruntukan undang-undang saya tidak boleh mengamalkan praktis saya sebagai seorang peguam. Saya sekarang bukanlah seorang ahli kepada mana-mana persatuan undang-undang. Sekiranya saya ingin melibatkan peranan saya dalam sesuatu persatuan, saya rasa kita sedia maklum bahawa Perlembagaan memberikan kita ruang iaitu kita ada kebebasan untuk menjadi ahli dalam suatu persatuan iaitu *we have the freedom of association*. Itu amatlah penting. Jadi itulah tujuan akademi yang telah pun dicadangkan oleh pihak kerajaan tetapi setakat ini masih lagi dalam pertimbangan daripada kerajaan.

Itu sahaja setakat ini yang saya ingin katakan mengenai akademi itu. Selain daripada itu saya juga ingin membangkitkan isu yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah mengenai mekanisme pemilihan firma guaman asing ini. Untuk makluman Yang Berhormat, rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk menarik peguam asing yang mempunyai kepakaran yang khusus yang tidak terdapat di kalangan peguam tempatan.

Jadi, kerajaan telah berbincang dengan Majlis Peguam berkenaan kepentingan peguam tempatan dan juga sama ada mereka akan terjejas kesan daripada rang undang-undang ini.

Seterusnya mekanisme pemilihan akan tertakluk kepada kekangan dari segi bidang amalan yang dibenarkan, pegangan ekuiti dan juga kehendak untuk *local presence* iaitu kehadiran tempatan khasnya kepada peguam-peguam tempatan. Jadi syarat-syarat khusus dalam pelaksanaan rang undang-undang ini akan diperincikan lagi melalui kaedah-kaedah dan juga peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Majlis Peguam selepas rang undang-undang ini diluluskan.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah juga bertanya mengenai isu tujuan utama liberalisasi yang memberikan fokus kepada sektor kewangan Islam. Jadi mengapakah skop liberalisasi yang ini diperluaskan kepada bidang-bidang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, konsultasi telahpun diadakan dengan antara lain seperti yang saya katakan dalam ucapan dasar saya iaitu dengan *Australian Bar Association* dan *the Law Society of England and Wales* bagi memastikan liberalisasi ini dapat menarik minat ahli-ahli daripada persatuan undang-undang di sana untuk beramal di negara kita. Jadi, sekiranya bidang amalan hanya tertakluk kepada sektor kewangan Islam dikhuatiri peguam asing tidak akan berminat untuk menjalankan amalan di negara kita. Tambahan lagi kerajaan juga telah mendapat maklum balas daripada agensi-agensi tempatan yang berkenaan dalam perluasan skop liberalisasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat juga telah pun membangkitkan mengenai isu kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan yang akan dibuat oleh Majlis Peguam dan adakah kerajaan akan memberikan garis panduan kepada jawatankuasa pemilihan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, kuasa untuk membuat kaedah-kaedah atau pun peraturan-peraturan di bawah bahagian baru rang undang-undang ini diberikan kepada Majlis Peguam Malaysia tetapi kaedah-kaedah yang dibuat itu perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara. Ini dapat memastikan bahawa adanya keseimbangan dalam merealisasikan proses liberalisasi sektor perkhidmatan perundangan ini. Jadi kuasa yang diberikan kepada Majlis Peguam ini juga selaras dengan spirit Akta 166 yang mana kuasa untuk membuat kaedah-kaedah atau pun peraturan-peraturan diberi kepada Majlis Peguam dengan kelulusan Jabatan Peguam Negara. Contohnya dapat dilihat di bawah seksyen 77 dan juga 78A dalam Akta 166 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali juga bertanya mengapakah kerajaan tidak mengambil masa yang lebih panjang untuk merancang perkhidmatan liberalisasi ini. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah pun dikatakan tadi bahawa kerajaan telah pun mengumumkan liberalisasi 27 sektor ini sejak 22 April 2009. Sebelum itu Jemaah Menteri juga telah mengambil maklum setahun sebelum itu dan juga jawatankuasa yang terdiri daripada pelbagai personaliti peguam yang telah pun saya sebutkan di dalam ucapan dasar saya tadi. Pada tahun 2006 lagi mereka telah pun memulakan perbincangan untuk meliberalisasikan sektor yang telah pun disebutkan termasuk sektor perundangan. Jadi tuduhan yang mengatakan bahawa keputusan ini adalah mendadak, saya rasa adalah tidak berasas sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah juga bertanya mengenai fasal 40G di mana Majlis Peguam boleh menggunakan syarat-syarat yang difikirkan patut dan tindakan ini memberi kuasa yang begitu luas kepada Majlis Peguam. Seperti yang saya telah pun katakan tadi bahawa syarat-syarat tersebut akan diperuntukkan melalui kaedah-kaedah yang akan digubal oleh Majlis Peguam tetapi akan diluluskan oleh pihak Jabatan Peguam Negara. Jadi kita ada satu *check* dan *balance* dan saya rasa kerajaan juga telah pun mengambil pandangan bahawa industri perundangan ini lebih baik sekiranya kita serahkan kepada Majlis Peguam untuk mengendalikan bagaimana mereka hendak memperkembangkan ataupun menghadkan industri perundangan yang melibatkan ahli-ahli mereka. Ya, silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jadi di sini nampak ada dua tahap. Katanya suatu firma guaman asing boleh memohon untuk lesen firma guaman asing berkelayakan jika ia memenuhi syarat-syarat yang Majlis Peguam fikirkan patut dikenakan.

Itu baru tahap memohon. Jadi untuk memohon perlu ada kelulusan pihak Majlis Peguam. Setelah memohon dikemukakan kepada jawatankuasa lain, begitu Yang Berhormat?

Ia ada dua tahap. Satu tahap memohon. Jadi, permohonan adalah dengan kelulusan atau cadangan Majlis Peguam. Kemudian permohonan itu akan ditimbang oleh jawatankuasa yang kemudiannya baru diluluskan. Begitu? Hanya minta *clarification*.

■1630

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, buat setakat ini pihak Majlis Peguam dan juga Jabatan Peguam Negara sedang dalam proses untuk menggubal peraturan-peraturan yang akan melibatkan isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, di sini saya boleh beri sedikit sebanyak kriteria yang akan digunakan oleh jawatankuasa pemilihan ini di mana mereka tidak akan *issued license* kepada mereka kecuali apabila mereka dapat membuktikan bahawa mereka adalah sebuah peguam atau pun sebuah guaman dengan reputasi yang baik dan di mana mereka tidak terlibat dalam prosiding *disciplinary* di mana-mana bidang kuasa atau pun reduksi mereka dan juga mereka bukanlah seorang parti atau pun individu yang telah pun menjadi satu parti dalam prosiding jenayah atau pun di sivil di negara mereka atau pun di negara mana-mana sahaja. Mereka tidak pernah di halang daripada mengendalikan apa-apa *business* atau pun urusan di mana-mana bidang kuasa dan tidak di halang untuk mengendalikan apa-apa perkara di mana-mana sivil prosiding atau pun *criminal proceeding* di negara mereka.

Jadi, terdapat banyak faktor di mana perlu diketatkan oleh pihak jawatankuasa pemilihan ini dan ini akan dijalankan bersama-sama dengan kelulusan Jabatan Peguam Negara. *So*, saya rasa itu sahaja yang saya dapat sebut mengenai *selection committee* yang telah pun disebutkan tadi oleh Yang Berhormat.

Kita juga dapat maklum daripada berbagai-bagai perbahasan yang telah pun dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun menyentuh bahawa semua pihak yang berkepentingan, *stakeholders* dalam perkara ini termasuklah Majlis Peguam, Bank Negara dan juga Jabatan Peguam Negara yang telah pun mengadakan berbagai-bagai inisiatif dengan mengadakan banyak pertemuan, perbincangan dan juga *consultancy* penyelidikan, mesyuarat dan juga lain-lain berkaitan dengan perkara ini demi menggalakkan kemasukan firma amalan guaman asing ke negara ini.

Saya amat gembira dapat mendengar beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah pun begitu aktif dalam perbahasan mereka dan telah pun faham bahawa *stakeholders* yang penting dalam perkara ini seperti Majlis Peguam, dan juga Bank Negara telah pun mengambil peranan dalam proses *consultancy* sebelum rang undang-undang ini di bawa ke Dewan yang mulia ini. Jadi, saya rasa ini telah pun menunjukkan satu komitmen dan juga kesungguhan daripada pihak Majlis Peguam bersama-sama dengan kerajaan untuk terus bekerjasama sama secara erat untuk memastikan negara kita seterusnya maju dan juga jaya.

Jadi, di sini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Malaysia adalah merupakan satu negara yang terbaik di dunia dalam menggalakkan pelaburan dana. Jadi, saya juga rasa amat bangga Tuan Yang di-Pertua apabila saya dimaklumkan bahawa pengamal undang-undang atau peguam-peguam di negara kita ini terutamanya daripada Universiti *Islamic* Antarabangsa (UIA) dan beberapa universiti tempatan adalah merupakan universiti di kalangan yang terbaik dalam urusan-urusan berkaitan dengan undang-undang kewangan Islam, *Islamic finance* dan juga yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, menurut Bank Negara, pasaran antarabangsa yang telah menunjukkan pertumbuhan yang sangat memberangsangkan iaitu melebihi 70 peratus iaitu anggaran dalam USD100 *billion* dengan pindaan kepada Akta Profesion Undang-undang 1976 ini adalah ia dapat diragukan lagi bahawa ia akan memperkukuhkan lagi posisi kewangan negara kita sebagai satu Hab Kewangan Islam Antarabangsa ataupun *International Islamic Financial Hub*.

Jadi, dengan itu Tuan Yang di-Pertua itu sahaja yang saya sempat menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Jadi, sekiranya terdapat isu yang saya tidak sempat menjawab, saya akan memberikan jawapan secara bertulis. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 21** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2012) 2012

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

4.39 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2012 dan bagi memperuntukkan sejumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2012. Ini adalah dibentangkan menurut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2012 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

■1640

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2012 yang dibentangkan adalah berjumlah RM15,295.3 juta adalah merupakan tambahan langsung iaitu sebanyak RM13,795 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012 dan bakinya sebanyak RM1,500 juta bagi tambahan perbelanjaan tanggungan.

Anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang termasuk dalam rang undang-undang perbekalan tambahan ini adalah sebanyak RM13,795 juta yang boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) sebanyak RM11,232 juta untuk Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang melibatkan sebahagian besar untuk pembayaran tuntutan subsidi barangan petroleum tahun 2012 serta menampung keperluan tambahan bagi emolumen dan COLA selaras dengan keputusan kerajaan menaikkan gaji di antara 7 peratus hingga 13 peratus;
- (ii) sebanyak RM445.8 juta untuk Maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya yang melibatkan antaranya bayaran pampasan tol sebanyak RM425.8 juta;
- (iii) sebanyak RM404.1 juta untuk Maksud B.25 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi subsidi gula dan tepung tahun 2012 kesan daripada peningkatan harga komoditi di pasaran global;
- (iv) sebanyak RM360 juta untuk Maksud B.4 – Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menampung keperluan persediaan dan pengendalian Pilihan Raya Umum Ke-13;
- (v) sebanyak RM353.5 juta untuk Maksud B.62 – Kementerian Dalam Negeri dan sebahagian besarnya iaitu RM270 juta adalah untuk menampung keperluan tugas kawalan keselamatan Pilihan Raya Umum Ke-13 bagi polis dan RELA;
- (vi) sebanyak RM300 juta untuk Maksud B.10 – Perbendaharaan adalah untuk menampung tambahan kos operasi serta pembayaran imbuhan tahun 2011 bagi LHDN; dan
- (vii) sebanyak RM210 juta untuk Maksud B.60 – Kementerian Pertahanan dan sebahagian besarnya iaitu RM195.6 juta adalah bagi menampung kekurangan peruntukan untuk perbelanjaan penyelenggaraan peralatan dan kenderaan Angkatan Tentera Malaysia.

Selain daripada itu, tambahan ini juga melibatkan peruntukan bagi kementerian-kementerian berikut:

- (i) sebanyak RM195 juta untuk Maksud B.41 – Kementerian Pelajaran;
- (ii) sebanyak RM112.9 juta untuk Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) sebanyak RM60 juta untuk Maksud B.24 – Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (iv) sebanyak RM40 juta untuk Maksud B.41 – Kementerian Kesihatan;
- (v) sebanyak RM23 juta untuk Maksud B.46 – Kementerian Sumber Manusia;
- (vi) sebanyak RM16 juta untuk Maksud B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (vii) sebanyak RM15 juta untuk Maksud B.31 – Kementerian Pelancongan;
- (viii) sebanyak RM10 juta untuk Maksud B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;

- (ix) sebanyak RM10 juta untuk Maksud B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
- (x) sebanyak RM6 juta untuk Maksud B.22 – Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah; dan
- (xi) sebanyak RM2 juta untuk Maksud B.28 – Kementerian Pengangkutan.

Tambahan peruntukan bagi perbelanjaan tanggungan iaitu sebanyak RM1,500 juta untuk Maksud T.14 – Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran yang dikehendaki untuk menampung kenaikan kadar pencen berikutan semakan semula gaji di bawah Skim Saraan Malaysia baru serta menampung kekurangan peruntukan pencen yang telah disediakan. Jumlah ini dipertanggungjawabkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan dan tidak termasuk dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2012) 2012.

Tuan Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2012 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4, Tahun 2012 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A, tahun 2012. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2012 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dengan itu saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar. Silakan Yang Berhormat.

4.46 ptg.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Kewangan sebab peka kepada keadaan semasa. Oleh sebab itulah dicadangkan rang undang-undang bajet tambahan sebanyak RM13.7 bilion. Tahniah dan syabas. Apapun, saya masuk *slow*, satu-satu. Jangan gopoh, pelan-pelan. Kalau gopoh, kucar kawan, kucar-kacir.

Pertama, Maksud B.4, Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya lihat banyak bajet di hampir semua jabatan dan kementerian. Akan tetapi, ada tetapi, yang banyak sekali berganda, berubah ialah Suruhanjaya Pilihan Raya Dahulu bajet asal RM45.3 juta sahaja. Sekarang dah naik RM300 juta, berganda jadi lapan ganda. Jadi saya hendak tahu, kenapa banyak sangat naik? Kalau sekali, dua kali Tuan Yang di-Pertua, okeylah. Ini lapan kali ganda. Saya hendak minta kementerian terangkan hujah-hujah atau sebab-sebabnya.

Saya hendak tahu apa yang hendak dibelanjakan, hendak dibuat. Kita tidak tahu, banyak perubahan seperti peti undi bertambah, kakitangan pun bertambah, dakwat pun baru. Pembangkang kata dakwat itu kena ada yang sah, bukan najis, yang sah dan juga belanja pengangkutan logistik pun bertambah dari semasa ke semasa. Itu andaian saya. Akan tetapi kenapalah banyak sangat sampai RM360 juta? Adakah takut atau dikacau oleh pembangkang menyebabkan bajet bertambah-tambah? Itu saya hendak tahu. Kalau pasal pembangkang kita tambah, tidak rasional. Akan tetapi pasal rakyat, demi pilihan raya, itu rasional. *Point* pertama saya.

■1650

Kedua, saya hendak tahu juga, kalaulah pilihan raya itu sama, okey. Akan tetapi katakan Penang negeri Tuan Syed Shahir, Kelantan Yang Berhormat baru atau Kedah Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof, atau Selangor Yang Berhormat mana?

Ponteng kah? *[Ketawa]* Jadi, kita hendak tahu kalaulah pilihan raya itu tidak sama antara *Federal* dengan negeri adakah bajet ini termasuk juga atau ditambah oleh negeri-negeri masing-masing atau dibuat bajet oleh negeri berkenaan. Seperti Penang ada suku, Selangor suku, Kedah suku, Kelantan suku. Itu Menteri kena jawab. Kalau sama okey, kalau tidak sama adakah bajet asing-asing? Kalau pun asing, adakah dia bersifat adil dan saksama? Takut dia buat asing, bajet tidak cukup macam Kelantan atau tidak adil, macam-macamlah.

Jadi, kita hendak tahu, ini kena ambil kira kalaulah pilihan raya itu berasingan antara negeri dan juga pusat. Saya tidak mahu tanya bila pilihan raya akan berlaku. Akan tetapi saya ucapkan syabas kepada Suruhanjaya Pilihan Raya kerana mengambil kira pembangkang, dahulu tidak ambil kira. Ada *Select Committee* Pilihan Raya, dia ambil pembangkang. Pembangkang kali ini tidak mahu cakap banyak lagi tunggu sahaja. *You* menang kah atau kita menang. Apa pun kita bernasib baik sebab Suruhanjaya itu peka dan sensitif keadaan tuntutan semasa, itu pertama.

Kedua, B.6 – Jabatan Perdana Menteri. Tambahan sebanyak RM112.9 juta untuk biayai RM50 juta bagi Rukun Tetangga, Ronda Sukarela dan Integriti Nasional. Saya hendak tanya, sekarang Rukun Tetangga dibuat berdasarkan apa? Adakah berdasarkan tuntutan kampung atau tempat yang berkenaan atau dikaji, dibuat, di tubuh, di wujud, atas pertama ialah masalah perpaduan, kedua banyak kes yang tidak sihat seperti jenayah, mencuri, dadah, mat rempit, rogol, samun. Itu kita hendak tahu sebab ada tempat-tempat yang tidak patut wujudkan Rukun Tetangga, diwujudkan. Ada tempat yang patut tetapi tidak wujud. Jadi, apa ciri-ciri yang menyebabkan kerajaan beri duit kepada Rukun Tetangga dan Integriti Nasional?

Saya juga hendak tahu sebanyak RM30 juta untuk kos operasi dan aktiviti Unit Penjenamaan Negara. Saya hendak tahu apa unit itu buat, apa yang dijenamakan, sudah berapa banyak yang dijenamakan sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa? Kalau berlaku peringkat antarabangsa ke mana dia bergerak, untuk apa? Untuk jenamakah, untuk negara, untuk syarikat kah atau untuk apa? Duit ini bukan sedikit, RM30 juta ini banyak. Jadi, saya hendak minta sama ada di peringkat domestik atau antarabangsa. Saya juga hendak tanya sebanyak RM12 juta untuk menampung Istana Negara. Saya syukur, sebagai rakyat Malaysia kita bangga Raja kita yang di-Pertuan Agong dapat Istana Negara yang baru, bukan rumah Istana Negara yang ditinggalkan oleh Orang Putih atau penjajah. Kita bangga dapat Istana Negara yang baru.

Untuk utiliti dan selenggara diminta sebanyak RM12.9 juta. Kita setuju, bukan tidak setuju tetapi— ada tetapi, dengar sini jangan tidur... *[Ketawa]* Nala tidur kah?... *[Disampuk]* Tidak ada? Bagus bagus. Rang undang-undang mula-mula dibuat Dewan Rakyat, lepas Dewan Rakyat okey dan setuju, dibawa ke Dewan Negara. Rang undang-undang seingat saya semua setuju kecuali satu Rang Undang-undang Racun Perosak Serangga. Tidak masuk negara, jadi rang undang-undang itu ditolak, itu sahaja baru satu, yang lain semua diterima. Lepas diterima, rang undang-undang itu dihantar kepada Tuan Yang di-Pertuan Agong, sama ada Agong terima atau tidak dalam masa 30 hari rang undang-undang digazet. Sama ada Agong setuju atau tidak setuju. Bukan kita hendak soal setuju atau tidak setuju. Kita minta supaya Dewan Negara, Speaker ambil satu usaha apalah salah kiranya kita dijemput pergi Istana Negara. Hendak tengok hendak makan dengan Agong, *dinner* kah, *lunch* kah hendak sembang dengan Agong.

Bukan sebab hendak tengok Agong, sebab kita hendak rasai kuasa dia, kuasa besar Agong. Boleh, setuju? Tepuk sedikitlah, tidur sahaja buat apa... *[Tepuk]* Jadi Istana Negara lama kita, kita punya bangga kita teruskan, setuju ditambah sebanyak RM12.9 juta. Satu lagi saya hendak sentuh juga RM5 juta diberikan kepada Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Akan tetapi duit ini RM5 juta terlalu sedikit, yang lain-lain macam Menteri Pelancongan – RM30 juta, macam-macam tambahan. Saya rasa bukan sahaja sedikit tetapi saya hendak pastikan Majlis ini berfungsi ini sebab ECER ini melibatkan Terengganu negeri saya, Pahang negeri dia, Johor negeri dia, Kelantan negeri dia. Dato' Rahim Kelantan kah? Macam orang putih sahaja... *[Ketawa]* Jadi, kita hendak tengok membangun. Kita hendak tengok majlis ini bertindak berfungsi.

Saya sudah lama dengar ECER ini sejak zaman Tun Abdullah lagi tetapi kita tidak tahu apa yang dikembangkan. Minta duit kita bagi jadi saya tuntutan supaya mesyuarat akan datang dibentangkan. Satu buku macam ini... [*Mengangkat sebuah buku*] Bukan buku ini, macam ini dibentangkan diberi kepada kita semua supaya kita tahu apa perkembangan ECER. Begitu juga untuk utara, selatan tengah, Sabah dan Sarawak. Baru kita tahu.

■1700

Satu lagi saya hendak tengok B.10 – Perbendaharaan. Sebanyak RM300,000 untuk menampung kos operasi Lembaga Hasil Dalam Negeri. Mula-mula saya hendak ucap tahniah dan syabas kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jangan kita tengok dia minta duit sahaja tetapi Datuk Awang, mana dia ponteng. Kita hendak tengok juga yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Lembaga Hasil Dalam Negeri dahulu, pada tahun lepas, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini telah berhasil mengutip sebanyak RM13 bilion untuk negara. Jadi daripada RM12 bilion itu, dia gunakan lebih kurang RM2.6 bilion untuk BR1M. Tidak habis, Yang Berhormat. RM2 bilion sahaja digunakan. Jadi tahniah kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Jadi untuk dia minta RM300 juta kepada kos operasi, bagilah. Kita bagi RM300 ribu sahaja, dia pulang balik RM12 bilion. Oleh itu kita harap kita bagi RM300 juta, dia pulang bagi akan datang lebih daripada itu. Sekurang-kurangnya RM15 bilion. Mudah-mudahan kita dapat BR1M kedua, BR1M ketiga dan BR1M keempat selama-lamanya. Itu pun kalau Barisan Nasional menang. *Insya-Allah* menang. Kalau Pakatan Rakyat menang, aku tidak tahulah dapat atau tidak. Nasib buruklah.

Jadi satu lagi, saya hendak sentuh tentang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani – B.21. Sebanyak RM6 juta di bawah pelan induk Taman Botani Negara, itu baik. Akan tetapi mungkin kita tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Senator tidak tahu apa yang dibuat, apa aktiviti yang dibuat. Saya minta lagi satu laporan akan dibentangkan di Dewan Negara akan datang supaya kita tahu bukan minta duit sahaja.

Maksud B.22 - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sebanyak RM4 juta untuk Program Modal Insan Masyarakat Luar Bandar dan RM2 juta untuk Orang Asli. Saya bangga dan rasa syukur sebab ada rancangan macam ini. Kita beri ikan sahaja, dia makan. Bagi bantuan, dia ambil. Akan tetapi minda kena isi juga. Oleh itu, modal insan ini amat-amatlah penting. Akan datang, Tuan Yang di-Pertua, bukan RM4 juta atau RM2 juta lagi tetapi gandakan lagi sehingga RM8 juta kah atau RM10 juta kah ganda sebab manusia boleh berubah dengan minda. Dengan bagi sahaja, tidak aci. Macam pembangkanglah. Dia ambil duit. Kerajaan bagi dia ambil tetapi tidak pernah syukur sebab modal insan tidak ada. Jadi modal insan untuk masyarakat luar bandar, Datuk Rahim, Datuk Paul, Orang Asli, mana dia? Jadi saya sokong untuk diteruskan untuk ditambah.

Maksud lain B.5 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebanyak RM367 juta untuk subsidi gula dan sebanyak RM37 juta untuk gandum. Ini banyak. Baiknya kerajaan. Tidak kira sokong, tidak sokong, tidak kira UMNO, tidak kira MCA, tidak kira MIC, tidak kira PAS, PKR atau DAP, semua dapat. Gula, gandum, semua dapat. Tambah lagi minyak diesel, tambah lagi minyak petrol semua dapat. Jadi syukur. Ini perlu baca. Semua orang kena baca. Sama ada Barisan Nasional kah atau tidak Barisan Nasional kah, jangan hentam kerajaan sahaja. Jadi yang baik juga, Dewan lulus, kena sebut. Kena sebut juga yang baik. Bukan yang tidak baik sahaja kena sebut. Jadi saya sokong kerajaan ini berjalan atas dasar perikemanusiaan, bertimbang rasa serta adil kepada semua orang.

Lagi, maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya sebanyak RM425.8 juta ditambah bagi pampasan tol. Ini baik sungguh. Sama ada Lim Kit Siang kah, Karpal Singh kah, Perdana Menteri kah, saya kah, anda kah, semua *free* bila pampasan tol dibuat. Itu satu lagi tanda-tanda Barisan Nasional ialah kerajaan baik hati. Akan tetapi saya hendak celah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tiada dalam butiran ini, boleh, boleh?...

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagus. Tuan Yang di-Pertua itu baik. Hati Tuan Yang di-Pertua itu baik. Lebu Raya Pantai Timur.

Saya hendak minta dan hendak menuntut supaya Kementerian Kewangan, sudahlah. Siapkan lebu rayu itu. Ini Lebu Raya Bukit Payung-Kuala Terengganu-Bukit Besi siap. Lain-lain tidak siap. Sudah dua tahun hingga tiga tahun terkebelakang. Malu kita. Bukan orang Perak sahaja, bukan orang *Penang* sahaja, bukan orang Kedah sahaja hendak lalu lebu rayu tetapi orang Terengganu, Kelantan dan Pahang juga hendak rasakan lebu rayu. Jadi tambah sikit lain kali bajet ini. B.27, kena masuk juga lebu rayu yang tidak siap, siapkan segera.

Jadi B.28 – Kementerian Pengangkutan sebanyak RM2 juta. Ini sedikit. Untuk Jabatan Pengangkutan Jalan Johor Bahru, Johor. Saya hendak tanya. Ini bagus. Saya sokong. Sepuluh hingga 25 tahun sudah usang. Mungkin reput, mungkin roboh tetapi kenapa Johor sahaja? Yang saya tahu semua negeri ada usang, ada kena buat tambahan dan baiki. Jadi saya syorkan bukan sahaja Johor. Saya suka Johor. Saya tinggal di Johor lama. Empat tahun hingga lima tahun. Mengajar lagi di EEC. Akan tetapi negeri yang lain juga, Jabatan Pengangkutan uzur. Jadi pindalah, ubahlah, baiklah.

Satu lagi B.41 – Kementerian Pelajaran. Saya lihat Dasar Pendidikan Negara ditambah sebanyak RM35 juta. Saya hendak tanya satu sahaja. Dua hari lepas, saya dengar Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin hendak buat Tingkatan 6 itu macam berasingan. Tidak lagi diistilahkan sebagai pelajar sekolah. Hendak sama dengan matrikulasi, hendak sama peringkat *A-Level*, hendak sama peringkat diploma.

■1710

Jadi, adakah dasar ini hendak asingkan Tingkatan 6 yang ada sekarang termasuk bajet tambahan? Kalau masuk bagus. Kalau tak masuk tak bagus. Tambah lagi supaya Tingkatan 6 itu merasa diri mereka berasingan. Cikgu lain-lain. Bukan cikgu Tingkatan 5 dan bukan cikgu Tingkatan 2, satu mengajar mereka. Hendaklah cikgu lain-lain, tempat lain-lain, walaupun kawasan mungkin sama. Jadi dasar ini saya rasa satu dasar baru. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin yang dikasihi. Orang Barisan Nasional itu. Ingat!

Satu lagi, saya hendak sentuh tentang maksud B.42 - Kesihatan. Sebanyak RM40 juta untuk penyakit talasemia. Sakit apa ini? Darah kah atau apa? Datuk tahu? Saya tak tahu. Jadi saya hendak tanya supaya Menteri jelaskan apa sakit, berapa orang sudah sakit? Apakah langkah-langkah pencegahan? Bahaya kah atau tak bahaya? Jadi saya tanya itu sebab peruntukan ini besar. Kedua, kenapa penyakit ini sahaja yang diberikan tumpuan? Kenapa sakit-sakit lain seperti kolesterol tinggi, jantung, diabetes, limpa, sakit hati - sakit hati betul, bukan sakit hati. Sakit hati, betul!... [*Ketawa*] Dia tahu. Sakit hati dan macam-macam. Kementerian tidak minta tambahan. Kenapa penyakit ini sahaja dia minta tambahan? Saya hendak dengar jawapan nanti.

Satu lagi kementerian Sumber Manusia, B.46. Dia minta sebanyak RM27 juta untuk latihan dan bangunan alat-alat bagi 28 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) mungkin. Saya dapati, betul! Ada bangunan lama, alat-alat itu tak boleh pakai. Jadi gajah mati pun kementerian masih simpan lagi. Tak pakai itu buanglah! Ada 20 tahun, 30 tahun atau lebih. Tak buang-buang. Buat apa simpan? Jadi besi buruk. Juallah! Satu, pun saya sokong diganti.

Kedua, ada ILP baru dibuat. Sampai sekarang pun alat-alat masih belum masuk lagi. Saya minta Kementerian Sumber Manusia masukkan segera bajet. Buat apa ada bangunan dekat setahun sudah, tetapi alat masih belum masuk lagi. Bukan marah, sayang. Hendak beritahu sahaja. Kalau tak sentuh, dia ralat tidur.

Satu lagi saya hendak sentuh juga, Kementerian Pertahanan. Bajet yang diminta banyak. Sebanyak RM210 juta untuk beli macam-macam untuk angkatan tentera. Saya sokong ini. Ada banyak alat-alat Kementerian Pertahanan yang sudah usang, sudah lama dan ketinggalan. Dibandingkan dengan *Singapore*, *Thailand*, Vietnam hatta Indonesia lagi canggih. Jadi tukarlah. Buat apa simpan peluru lama-lama? Tak tembak pun. Tembaklah! Belajar tembak. Tembak oranglah! Tembak siapa lagi? Tembak musuh, tembak *target*. Saya syorkan untuk Kementerian Pertahanan gabung jalinan dengan angkatan tentera yang besar seperti China, Jepun, Korea, Perancis, *England*, Amerika dan lain-lain adakan latihan bersama. Boleh tembak. Akan tetapi kalau simpan sahaja alat itu, berkarat!

Enam bulan, mungkin setahun tak boleh pakai lagi. Jadi membaharui alat-alat itu merupakan satu tanggungjawab besar kepada kementerian. Oleh itu...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, agak lama lagi kah Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ada lima minit lagi. Boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, lima minit ya. Yang Berhormat telah mengambil masa setengah jam.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berapa jam?

Timbalan Yang di-Pertua: Setengah jam.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak lagi satu jam. Baru setengah jam...
[Ketawa] Gurau sahaja Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat. Lima minit ya.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: [Ketawa] Jadi kita gantikan untuk yang baru. B.62 - Kementerian Dalam Negeri. Disebut sebanyak RM353.5 juta untuk tampung keselamatan Pilihan Raya Umum ke-13 bagi Polis Diraja dan RELA. Polis RM150 juta dan RELA RM120 juta. Banyak itu. Ia banyak sebab pilihan raya ini dianggap satu pilihan raya yang kritikal, mungkin yang paling ganas, yang paling mencabar. Itulah, kena ada polis bila Bersih tunjuk belang. Jadi kita ramalkan pilihan raya akan datang macam-macam boleh jadi. Tak semena-mena kita kena tambah bajet kepada polis, kepada RELA. Kita terima kasih kepada RELA dan polis. Polis baik. Jangan maki polis, jangan umpat polis dan jangan kondem polis, sebaliknya terima kasih kepada polis.

Itu yang akhirnya kita masuk B.14 - Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran Tambahan sebanyak RM1.5 bilion di tambah bagi Skim Persaraan Baru. Saya hendak tanya, adakah ini termasuk umur bersara 60 tahun yang dibuat sekarang ini? Setahu saya kuat kuasanya kata Menteri Sumber Manusia tadi, 1 Januari tahun depan. Apa pun saya hendak tanya, adakah dikira masuk atau dikira akan masuk?

Akhirnya saya terima kasih. Sokong dengan penuh Tuan Yang di-Pertua. Ini bajet rakyat dan tambahan untuk rakyat, dari rakyat kepada rakyat. Terima kasih. Saya sokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu.

5.19 ptg.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, pada 3 Julai 2012 *Daily Express*, sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang paling lama dan berpengaruh di Sabah menyiarkan satu artikel di muka hadapannya yang bertajuk, "*Nazir Favors Amnesty for Minor Graph Cases*" dengan izin atau terjemahannya "*Nazir Menyokong Pengampunan ke atas Kes-kes Rasuah yang Kecil*"

■1720

Dalam artikel ini, Dato' Seri Nazir Tun Abdul Razak iaitu Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Group yang juga merupakan adik kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, menyatakan pandangannya mengenai masalah rasuah di negara ini. Izinkan saya untuk memetik kata-kata beliau dalam bahasa Inggeris, beliau menyatakan, "*Malaysia must overcome corruption and carry out more market orient reforms if it is to move out from being a middle income economy*".

Tuan Yang di-Pertua, anak bongsu Perdana Menteri kedua Malaysia iaitu Tun Abdul Razak Hussein juga menyatakan bahawa abang sulungnya iaitu Perdana Menteri keenam Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak mempunyai tugas yang amat mencabar dalam memerangi rasuah di negara ini. Izinkan saya untuk memetik lagi kata-kata beliau dalam bahasa Inggeris, beliau menyatakan bahawa abangnya, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak mempunyai, "A 'hell of task', because worldwide, no one has really able to reform from incumbency". Dengan kata lain, beliau menyatakan bahawa, tugas abangnya untuk memerangi rasuah di negara ini boleh dikatakan amat sukar kerana tidak ada sesiapa pun di dunia ini yang benar-benar berjaya memeranginya ketika menyandang jawatan.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua maklum bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak telah melaksanakan pelbagai program transformasi. Program-program transformasi ini merangkumi semua aspek penting negara iaitu transformasi kerajaan, ekonomi, politik dan sosial. Akan tetapi Dato' Seri Nazir telah menggambarkan bahawa usaha-usaha ini sebenarnya masih belum mencukupi. Di dalam temu ramah dengan akhbar perniagaan terkenal antarabangsa iaitu *Financial Times*, beliau menyatakan bahawa isu rasuah masih menjadi masalah utama di negara ini dan ia perlu diperangi secara habis-habisan. Saya amat bersetuju dengan pandangan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB ini bahawa masalah rasuah adalah masalah terbesar negara. Ia sebenarnya menjadi halangan utama Malaysia untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi yang menjadi wawasan kita menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah pertama untuk memerangi gejala rasuah di negara ini dan seperti yang dicadangkan oleh Dato' Seri Nazir Tun Abdul Razak dalam artikel tersebut, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan untuk menumpukan kepada kes-kes rasuah yang besar yang melibatkan kepentingan negara dan awam dan tidak terlalu menumpukan kepada kes-kes rasuah yang kecil. Perkara sedemikian telah mendatangkan kejayaan yang besar di Hong Kong dan juga di negara-negara lain yang efektif dalam memerangi rasuah di tempat masing-masing. Di Hong Kong misalnya, kes-kes rasuah yang kecil diberi pengampunan demi untuk menangkap penerima-penerima dan pemberi-pemberi rasuah yang besar yang melibatkan kepentingan negara dan awam. Dengan memberi pengampunan kepada kes-kes rasuah yang kecil, kita mungkin akan berjaya mendapat kerjasama mereka untuk menyelesaikan kes rasuah yang lebih besar, kita perlu memerangi rasuah yang melibatkan mereka yang menyalahgunakan kuasa dan jawatan tinggi mereka untuk kepentingan peribadi. Kita harus memberi pengajaran kepada semua orang bahawa isu rasuah ini adalah perkara yang serius. Tidak ada sesiapa yang akan terlepas jika ia dapat dibuktikan, ini adalah cara yang sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak kes yang besar yang berlaku di negara kita yang melibatkan kepentingan negara dan awam. Sejak 30 tahun kebelakangan ini dari skandal BMF pada awal tahun 80-an hinggalah kepada skandal Perwaja Steel, skandal MAS dan baru-baru ini kes PKFZ dan kes NFC yang mengundang pelbagai kritikan, cemuhan dan teguran daripada rakyat kita ia adalah kes-kes yang diketahui umum kerana ia tidak dapat dibendung lagi kerana jumlahnya yang amat besar. Ini tidak termasuk kes-kes yang jumlahnya yang besar tetapi tidak mendapat publisiti meluas seperti kes-kes yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tindakan dilihat telah diambil dalam kes-kes yang saya sebutkan tadi tetapi mengapakah kedudukan dalam *Corruption Perception Index* jatuh empat anak tangga dari kedudukan 56 ke kedudukan 60 pada tahun 2011. Malaysia dinilai dengan mata 4.3 adalah salah sebuah negara dari 60 peratus negara di dunia yang mempunyai nilai mata kurang daripada 5. Negara yang dilihat paling *corrupt* adalah *Somalia* dan *Korea Utara* yang mempunyai nilai mata hanya 1. Sekiranya kita benar-benar mahu memerangi gejala rasuah ini, saya percaya kita mestilah mempunyai *political will*, dengan izin, untuk melakukannya. Kita tidak akan berjaya melakukannya sekiranya kita tidak bersungguh-sungguh dalam usaha kita dan ikhlas untuk memeranginya. Kita hanya akan menipu diri kita sendiri jika kita hanya bersandiwara dalam memeranginya iaitu mengambil tindakan bersungguh-sungguh ke atas pesalah-pesalah kecil tetapi tidak benar-benar bersungguh-sungguh untuk menangkap dan mendakwa mereka yang berjawatan tinggi dan mempunyai pengaruh yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah dan ketirisan, *leakages*, dengan izin, sebenarnya telah menyebabkan kerugian yang amat besar kepada negara dan kewangan kita. Kita harus mengambil pengajaran daripada krisis kewangan dan ekonomi yang melanda *Euro Zone* seperti krisis di *Greece, Ireland, Italy* dan *Spain*. Krisis ini timbul akibat daripada penyalahgunaan kuasa dan ketirisan yang berlaku di negara-negara tersebut. Pada hari ini, rakyat negara tersebut terpaksa menanggung kesan daripada penyalahgunaan kuasa dan ketirisan yang berlanjutan bertahun-tahun lamanya. Akibatnya, negara-negara tersebut menghadapi keadaan untuk menjadi muflis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai skandal PKFZ. Pada September 2009, Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan penubuhan satu pasukan khas untuk menyiasat PKFZ yang diketuai oleh mantan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan. Pasukan ini dikenali sebagai PKFZ *Special Task Force*. Saya difahamkan bahawa pasukan ini diberi masa enam bulan untuk menjalankan siasatan...

■1730

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih banyak lagikah Yang Berhormat?

Datuk Paul Kong Sing Chu: Lima minit itu macam.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya fikir Yang Berhormat berhenti dahulu setakat ini nanti atau pun esok Yang Berhormat sambung lagi sebab saya ingin menjemput Menteri untuk mengadakan usul. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan untuk dikemukakan usul penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 15(3)

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kolej Matrikulasi

5.31 ptg.

Dr. S. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang untuk memberikan ucapan penangguhan.

Saya minta penjelasan daripada Menteri Pendidikan mengenai kolej matrikulasi yang terdapat di Malaysia dan di manakah lokasi kolej-kolej ini? Apakah kapasiti pelajar-pelajar untuk setiap kolej? Sejak penubuhan kolej matrikulasi pada tahun 2002 hingga tahun 2012, berapakah jumlah pelajar yang mengikuti program pra universiti dan menyambung program ke universiti. Apakah pecahan pelajar-pelajar kolej matrikulasi dari tahun 2002 hingga 2012 mengikut kaum?

Apakah kursus atau program yang ditawarkan di kolej matrikulasi dan nyatakan pecahan khusus mengikut kaum untuk tahun 2002 hingga 2012?

Pada bulan Februari 2012 Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa pengambilan pelajar India ke kolej matrikulasi akan ditambah sebanyak 1,000 tempat daripada 500 sebelum ini dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,500 tempat. Berapakah jumlah permohonan yang diterima untuk pengambilan sesi 2012, 2013 mengikut kaum dan berapa ramai daripada permohonan ini telah mendaftar pada pengambilan 2012/2013?

Saya juga ingin tahu pecahan pelajar yang ditolak permohonannya mengikut kaum dan berapa ramai yang telah membuat rayuan? Daripada rayuan dibuat itu berapa ramai yang diterima. Apakah pecahan kaum bagi setiap program matrikulasi untuk pengambilan sesi 2012/2013? Saya juga mohon kerajaan menambah kuota pengambilan pelajar bukan Melayu untuk mengikuti program matrikulasi supaya dapat menaikkan taraf pendidikan negara yang mempunyai berbilang kaum.

STPM adalah hanya satu peperiksaan awam yang hanya mengambil markah terakhir. Akan tetapi kursus matrikulasi mempunyai tugas, ujian, kuiz dan peperiksaan akhir yang akan dicampurkan bersama sebagai markah akhir. Kita tidak boleh membandingkan STPM dan matrikulasi kerana kedua-duanya tidak sama taraf. Ia seperti epal dan oren. Akan tetapi bagi unit pemilihan universiti-universiti tempatan 'A' daripada matrikulasi adalah sama dengan A daripada peperiksaan STPM. Jadi pelajar yang dapat 4A dalam matrikulasi adalah sama seperti 4A daripada peperiksaan STPM.

Dalam hal ini jelas bahawa pelajar matrikulasi mempunyai kelebihan yang besar dan pengendalian yang lebih berbanding dengan pelajar STPM. Saya juga mohon Menteri menjelaskan mengapa kerajaan menganggap tahap STPM sama dengan matrikulasi? Pada pandangan saya tahap STPM lebih susah berbanding matrikulasi dan minta kerajaan beri lebih keistimewaan kepada STPM. Untuk meningkatkan taraf pendidikan negara adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menyamaratakan STPM dan matrikulasi? Saya harap ini bukan untuk menurunkan taraf STPM sebaliknya kita menaikkan taraf STPM. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.32 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu Kementerian Pelajaran Malaysia mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan yang membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan kolej matrikulasi dan juga lulusan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Saya akan memberi ulasan mengenai perkara yang dibangkitkan dengan sebaik mungkin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia telah diwujudkan sejak November 1998. Tujuan asalnya adalah untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains dan teknologi di IPTA.

Namun semenjak tahun 2003, program ini bukan sahaja eksklusif untuk pelajar bumiputera kerana kuota 10 peratus telah pun diperuntukkan untuk pelajar bukan bumiputera. Sejak penubuhannya hingga tahun 2012 bilangan kolej matrikulasi kerajaan telah meningkat kepada 13 buah iaitu setiap satu di Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Perlis, Wilayah Persekutuan Labuan, Perak dan Selangor. Manakala dua buah di Johor, Kedah dan Pahang. Perlu dijelaskan bahawa kapasiti pelajar yang mampu ditampung oleh setiap kolej matrikulasi adalah berbeza-beza iaitu antara 400 hingga 2,700 orang. Untuk itu jumlah keseluruhannya yang mampu ditampung oleh 13 kolej matrikulasi tersebut pada masa ini adalah seramai 26,700.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia menawarkan dua jurusan iaitu jurusan sains dan jurusan perakaunan.

Sejak tahun 1999 hingga 2011 seramai 220,392 orang pelajar telah mengikuti pengajian ini dan mulai sesi 2003 dan 2004, 10 peratus daripada pelajar yang berdaftar adalah terdiri daripada pelajar bukan bumiputera. Daripada jumlah tersebut 97 peratus pelajar telah berjaya melepasi syarat kelayakan minimum untuk dipertimbangkan tempat di IPTA.

Pada 27 Februari 2012 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan peruntukan tambahan 1,000 tempat kepada pelajar kaum India yang menjadikan jumlah keseluruhan tempat sebanyak 1,500. Seramai 4,512 orang pelajar kaum India telah memohon dan daripada jumlah tersebut seramai 1,539 iaitu 34.11 peratus berjaya ditawarkan ke program matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia bagi sesi 2012 dan 2013. Satu ribu orang pelajar kaum India telah ditawarkan kepada ambilan pertama yang telah berdaftar pada 28 Mei 2012. Manakala 539 orang lagi akan ditawarkan pada ambilan kedua dan mendaftar pada 13 Jun 2012.

Namun begitu jumlah pelajar kaum India yang berdaftar di 13 buah kolej di seluruh Malaysia pada ambilan pertama iaitu 28 Mei 2012 dan ambilan kedua 13 Jun 2012 hanyalah seramai 943 orang iaitu 61.27 peratus. Rayuan kemasukan telah dibuka pada 25 April hingga 13 Mei 2012. Seramai 34,456 permohonan rayuan telah diterima dan 72.35 peratus iaitu bersamaan 24,929 orang daripada rayuan, daripada pelajar bumiputera dan 27.65 peratus iaitu bersamaan 9,527 orang pelajar bukan bumiputera. Pada 2 Julai 2012 Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah mengumumkan tawaran khas kepada seramai 557 orang pelajar secara *one-off* bagi mengisi kekosongan tempat pelajar kaum India. Proses pemilihan bagi mengisi kekosongan tersebut telah pun dilaksanakan. Surat tawaran akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada 11 Julai dan akan mendaftar pada 18 Julai di 13 buah kolej matrikulasi seluruh Malaysia.

■1740

Dengan langkah-langkah yang dilakukan ini, jelas menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap peluang pendidikan untuk semua kaum di negara ini, dan ini juga membuktikan janji ditepati oleh kerajaan yang memerintah sekarang.

Berhubung dengan pengajian di Tingkatan 6, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengajian Tingkatan 6 peperiksaan STPM dan matrikulasi adalah setaraf. Pengajian Tingkatan 6 ialah pendidikan pra universiti yang mempunyai dua fungsi utama. Pertama, pengajian Tingkatan 6 iaitu STPM merupakan tiket untuk masuk ke IPTA dan menyediakan pelajar untuk mengikuti pelbagai kursus. Kedua, sijil STPM juga diiktiraf sebagai kelayakan masuk ke universiti luar negara. Justeru mereka yang tidak dapat masuk ke IPTA atau memilih untuk tidak masuk ke IPTA masih berpeluang memohon masuk ke universiti-universiti luar sama ada universiti berkembar dalam negara ataupun di luar negara.

Dalam konteks ini, peperiksaan STPM menawarkan pelbagai mata pelajaran seperti mana mata pelajaran bahasa, Sejarah, Geografi, Komputer, Perakaunan, Matematik, mata pelajaran Sains dan pelbagai mata pelajaran lain. Selain daripada itu, peperiksaan STPM ditawarkan bukan sahaja kepada calon sekolah malahan kepada calon-calon persendirian individu kerana dalam pendemokrasian pendidikan, kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi tidak seharusnya berasaskan kepada satu peperiksaan sahaja. Ini biasa digunakan oleh kebanyakan negara. Pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi mestilah juga menimbangkan calon-calon yang tidak berpeluang masuk ke sekolah bagi mengikuti pendidikan pra universiti.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sukatan pelajaran STPM dan matrikulasi adalah sama kecuali dari segi cara dan tempoh belajar dan pelaporan keputusan peperiksaannya. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran melalui Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah mengambil tindakan dengan merombak sistem peperiksaan STPM daripada sistem peperiksaan yang sedia ada iaitu secara terminal kepada sistem pentaksiran baharu dengan konsep modular.

Usaha ini adalah selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam bidang pendidikan dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti lepasan sistem pendidikan negara kita.

Oleh yang demikian, sistem pentaksiran baharu STPM telah dilaksanakan mulai sesi pengambilan pelajar Tingkatan 6 bawah pada bulan Mei 2012. Maka dengan itu, apa juga kekhawatiran perkara yang telah dibangkitkan telah diambil kira dalam sistem yang baru ini.

Kementerian Pelajaran akan mengkaji dan menyediakan mekanisme dalam usaha melaksanakan transformasi sistem pendidikan Tingkatan 6 dengan memperlihatkan pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan STPM mengikuti pengajian berdasarkan jadual waktu persekolahan yang bukan konvensional seperti yang sedang dilalui pada masa ini. Perubahan besar yang bakal dilakukan oleh kerajaan ialah dengan memisahkan pelajar Tingkatan 6 daripada pelajar Tingkatan 1 hingga 5 di sekolah sedia ada untuk ditempatkan di pusat pengajian khas.

Selain dibesarkan daripada sekolah menengah sedia ada, pelajar Tingkatan 6 juga akan dididik oleh golongan guru yang berbeza. KPM juga bersedia untuk mengkaji kemungkinan tempoh pembelajaran pendidikan Tingkatan 6 dipendekkan enam bulan lebih awal seperti mana yang dilalui oleh pelajar-pelajar matrikulasi. Penjenamaan semula sistem pendidikan Tingkatan 6 dibuat dengan matlamat untuk meningkatkan imej sistem dan kualiti pendidikan tersebut sejajar dengan sistem pendidikan pra universiti lain seperti di kolej-kolej matrikulasi dan di pusat asasi sains.

Keperluan mengubah sistem pendidikan itu juga jelas penting untuk mengubah persepsi sebilangan besar masyarakat bahawa pendidikan di peringkat matrikulasi jauh lebih baik berbanding dengan Tingkatan 6. Persepsi berkenaan harus dikikis memandangkan kelulusan dan kelayakan mereka untuk bersaing melanjutkan pelajaran ke universiti adalah sama. Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan Ahli Yang Berhormat berpuas hati dengan penjelasan yang cukup terperinci berkaitan dengan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Penetapan Tarikh Pilihan Raya

5.44 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya ialah mengenai penetapan tarikh pilihan raya. Tuan Yang di-Pertua, Pilihan Raya Umum ke-13 masih menjadi teka-teki kepada rakyat Malaysia. Nujum-ujum politik sudah jemu untuk meramal kerana setelah beberapa tarikh yang dicadangkan kononnya terbaik untuk diadakan pilihan raya berlalu begitu sahaja tanpa pengumuman pembubaran Parlimen oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pilihan raya umum adalah peristiwa besar dalam negara. Banyak perubahan akan berlaku selepas keputusan pilihan raya diketahui. Lebih-lebih lagi jika berlaku pertukaran kerajaan. Justeru ia bukan perkara kecil untuk dipandang enteng oleh sebahagian besar anggota masyarakat. Di saat pilihan raya umum, munasabah untuk diadakan pada bila-bila masa sekarang, semua perkara yang dilakukan akan dikaitkan dengan kemungkinan berlakunya pilihan raya. Hendak mengadakan kenduri kendara, hendak menganjurkan sesuatu program, hendak pergi umrah, hendak pergi melancong bahkan bagi orang politik hendak pindah rumah atau hendak bersunat anak pun kini berada dalam dilema kerana khuatir pilihan raya boleh berlaku pada bila-bila masa.

Tidak terkecuali jika pihak yang berada di dalam dilema ialah jabatan-jabatan kerajaan sendiri hampir semua jabatan kerajaan yang terbabit secara langsung jika berlaku pilihan raya, tidak dapat menyenaraikan agenda dalam takwim tahunan dengan selesa. Jika berlaku pilihan raya, semua perancangan terpaksa di rombak. Persediaan untuk menghadapi pilihan raya terpaksa dibuat ke tahap maksimum sedangkan tarikh pilihan raya tidak diketahui. Kini timbul pula desas desus bahawa pilihan raya akan diadakan pada musim haji. Maka ekoran itu, tercetus pula polemik baru apabila ada ulama menegaskan haram mengadakan pilihan raya di musim haji dan ada pula yang berpendapat tidak salah dan haji wajib didahulukan daripada mengundi.

Sama ada benar pilihan raya akan diadakan di musim haji, hanya Allah SWT, Perdana Menteri dan orang-orang yang diberitahunya sahaja yang tahu setakat ini. Namun umat Islam di Malaysia telah menambahkan satu lagi isu untuk 'ditelingkahkan'. Banyak sudah polemik yang berlaku dengan mengheret lama, kini tambah lagi satu polemik mengenai dengan pilihan raya di musim haji.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang terdapat empat buah kerajaan negeri yang berbeza pegangan politik dengan pusat. Bagaimana jika empat buah negeri ini mengambil sikap untuk mengadakan pilihan raya umum pada waktu yang berasingan? Tidakkah Suruhanjaya Pilihan Raya terpaksa mengadakan belanja besar untuk mengadakan pilihan raya secara berasingan. Semua karenah penantian terhadap pilihan raya ini berlaku disebabkan sistem demokrasi yang wujud di negara kita memberi kuasa mutlak kepada Perdana Menteri untuk menasihati Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi membubarkan Parlimen dan Menteri Besar, Ketua Menteri untuk menasihati Sultan, Raja ataupun TYT bagi membubarkan Dewan Undangan Negeri pada bila-bila masa dalam tempoh lima tahun.

Justeru, sepanjang lima tahun itu adalah masa dibenarkan untuk berlaku pilihan raya. Sudah tidak banyak negara di dunia ini di mana tarikh pilihan raya menjadi teka teki rakyat. Sudah sampai masanya tarikh pilihan raya ditentukan lebih awal atau mandat pemerintah satu-satu kerajaan dipastikan berakhir dalam tempoh yang ditetapkan. Saya menyokong penuh cadangan supaya kerajaan melengkapkan tempoh lima tahun pemerintahan. Ia adalah satu cadangan yang boleh difikirkan oleh semua pemimpin politik dan rakyat Malaysia sama ada mahu menterjemahkan idea itu dalam bentuk dimaktubkan dalam Perlembagaan Negara.

Jika cadangan itu terlaksana bermakna pilihan raya diadakan benar-benar untuk kepentingan rakyat berbanding sekarang di mana tarikh pilihan raya ditentukan hanya berdasarkan keuntungan parti yang sedang berkuasa. Mandat lengkap lima tahun Parlimen adalah satu idea yang baik. Cuma tarikh pilihan raya umum diadakan perlu disesuaikan juga supaya tidak jatuh pada bulan Ramadan, musim haji atau pada hari perayaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu perantaraan dibuat agar tarikh pilihan raya hendaklah diadakan setelah genap lima tahun dan tarikhnya diumumkan oleh Perdana Menteri sebelum mesyuarat pertama, penggal pertama Parlimen Ketiga Belas agar semua rakyat Malaysia tahu bila pilihan raya umum berikutnya akan diadakan. Terima kasih.

5.49 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semenjak Merdeka, 55 tahun yang lalu, negara telah mengamalkan sistem mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan.

■1750

Dengan kata lain, kita mempunyai sistem, dasar dan undang-undang yang telah sekian lama digariskan yang perlu kita ikut dan patuh untuk memastikan demokrasi dan hak-haknya dilaksanakan mengikut kehendak rakyat terbanyak, *the majority*, dengan izin, melalui keputusan suara mereka yang diwakili atau wakil rakyat di dalam Parlimen. Wakil rakyat pula dipilih melalui sistem pilihan raya yang juga telah diasaskan semenjak 55 tahun yang lalu berdasarkan sistem *Westminster* di United Kingdom iaitu sistem Demokrasi Berparlimen, model Parlimen dan kerajaan *British*. Sistem ini berteraskan kepada tiga prinsip utama seperti berikut:

- (i) berasaskan kepada sistem *first-pass-the-post* ataupun majoriti mudah. Ini bermakna mana-mana calon yang memperoleh undi yang terbanyak akan diisytiharkan sebagai calon yang menang walaupun beliau hanya dapat kelebihan satu undi mengatasi calon lawannya yang lain;

- (ii) berasaskan kepada pemilihan seorang perwakilan bagi setiap bahagian pilihan raya ataupun *single member territorial representation*, dengan izin sama ada bagi bahagian pilihan raya parlimen atau bahagian pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN); dan
- (iii) berasaskan kepada sistem penyertaan pelbagai parti politik dan pihak-pihak yang layak bertanding dalam sesuatu pilihan raya iaitu *multiparty electoral system*, dengan izin.

SPR pula ditubuhkan mengikut Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan, manakala Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan fungsi utama SPR adalah seperti yang berikut:

- (i) menjalankan pilihan raya umum (PRU) ke Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dan menjalankan pilihan raya kecil sekiranya berlaku kekosongan luar jangka;
- (ii) menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan semakan daftar pemilih; dan
- (iii) membuat kajian dan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan negeri setiap tidak kurang daripada lapan tahun selepas tarikh siapnya urusan kajian dan persempadanan semula yang terdahulu.

Dalam erti kata yang lain, tanggungjawab SPR hanya menentukan tarikh mengundi bagi PRU dalam tempoh 60 hari selepas Parlimen dibubarkan dan menyediakan gelanggang pertandingan yang bebas dan adil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, undang-undang membenarkan PRU Parlimen dan PRU DUN diadakan secara berasingan. Sebarang tarikh pembubaran Dewan Rakyat atau DUN terpulang kepada pucuk kepimpinan kerajaan terbabit iaitu pembubaran Parlimen menjadi hak Perdana Menteri manakala Dewan Undangan Negeri hak Menteri Besar atau Ketua Menteri. Bagaimanapun, adalah wajar bagi semua parti politik termasuk pembangkang wajar mengambil kira kepentingan bersama yang mana dengan mengadakan pilihan raya serentak, ia akan mengelakkan pembaziran daripada segi kos, tenaga kerja, logistik dan juga masa. Justeru, adalah lebih baik sekiranya semua parti politik dapat mencapai persetujuan bersama untuk mengadakan PRU DUN serentak dengan PRU Parlimen dalam PRU Ke-13 nanti.

Pun begitu, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, wujud perspektif dan inisiatif supaya PRU hanya boleh diadakan apabila mandat pentadbiran kerajaan selama lima tahun berakhir. Namun, soal penetapan tarikh adalah persoalan dasar yang perlu dikaji terutama dari aspek perundangan. Ini termasuk mengkaji keperluan untuk meminda Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan jika PRU hendak diadakan selepas tempoh mandat pentadbiran kerajaan sedia ada mencukupi lima tahun. Ini kerana mengikut Perkara 55(3), Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi, "*Melainkan jika dibubarkan terlebih dahulu, Parlimen hendaklah terus berjalan selama lima tahun daripada tarikh mesyuarat pertamanya dan selepas itu adalah terbubar.*" Dalam erti kata lain, jelasnya Parlimen boleh dibubarkan sebelum tempoh mandat pentadbiran kerajaan sedia ada mencukupi lima tahun.

Walau apa pun natijahnya kelak, sementara kerajaan meraikan sebarang cadangan, inisiatif dan juga penambahbaikan proses pilihan raya sebagai respons terhadap tuntutan dan kehendak *the majority*, hendaknya sebarang usaha tersebut perlulah berpandukan kepada asas Perlembagaan Persekutuan dan lunas demokrasi negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 10 Julai 2012.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.55 petang.